

- Kerjasama UPM, Golden Hope tingkat industri perladangan **muka 5**
- Johan Pidato Bahasa Jerman milik peserta muda **muka 12**
- Pelancaran Merdeka UPM berjiwa bangsa **muka 24**



Alumni kumpul duit bina menara jam UPM **muka 3**



Masyarakat progresif acuan sendiri -Dr.M **muka 7**

Konferen Pengurusan Ilmu capai matlamat **muka 7**

KREDIT BELI BUKU

Oleh: LEELAWATI SUBRAMANI
(Pelatih FBMK)

KALAU dahulu Universiti Putra Malaysia (UPM) memperkenalkan *meal plan* atau memberi kredit kepada mahasiswanya untuk menampung perbelanjaan makan di kampus.

Kini, bagi seluruh mahasiswa UPM mereka amat bertuah kerana UPM memperkenalkan satu lagi pendekatan bagi membantu proses pembelajaran berpusatkan pelajar. Skim yang diperkenalkan tersebut ialah kemudahan kredit buku teks atau *books plan*.

Skim ini baru diperkenalkan kepada 1,034 mahasiswa sebagai projek perintis. Di bawah skim ini, UPM memasukkan nilai kredit sebanyak RM 200 dalam akaun mahasiswa di awal semester.

Mahasiswa yang terlibat hanya boleh menggunakan wang tersebut untuk membeli buku sahaja. Sekurang-kurangnya daripada kredit yang diperuntukkan ini mahasiswa tidak perlu lagi rusing untuk mencari wang bagi membeli buku sementara menunggu wang pinjaman atau biasiswa.

Perkara ini juga mendapat perhatian dan pujian Canselor UPM, Sultan Sharafuddin Idris Shah. Titah baginda, "Usaha membentuk persekitaran yang kondusif bagi menyokong proses pembelajaran patut diberi pujian."

"Beta gembira dengan usaha terbaharu UPM yang menyokong pendekatan pembelajaran berasaskan pelajar di mana UPM telah memperkenalkan skim kemudahan kredit buku teks sebagai projek perintis kepada kumpulan pelajar tertentu," titah baginda lagi.

Menurut baginda, daripada RM207,000 jumlah kredit yang dikeluarkan oleh UPM, pelajar yang menerima

■ Lihat muka surat 2



MERDEKA ... Seluruh warga kampus UPM merasai kehangatan Sambutan Bulan Kemerdekaan ke-48 peringkat UPM yang disambut secara besar-besaran. Antara aktiviti yang mendapat sambutan ialah Pertandingan Sorak Merdeka. Pertandingan ini berlangsung pada Malam Ambang Merdeka iaitu detik menunggu jam 12.00 tengah malam 31 Ogos 2005. - Gambar menunjukkan pasukan sorak Fakulti Sains, Gema Merdeka mempamerkan kesungguhan dan daya kreativiti pasukannya. Pasukan ini dinobatkan sebagai juara pertandingan tersebut. Berita lanjut di muka 27. Foto: Ahmad Fua'ad Alwi.



Prof. Dr. Radin Umar

"Saya terkejut dilantik sebagai TNC" -Prof. Radin Umar

PROFESOR Dr Radin Umar Radin Sohadi rasa terkejut apabila mendapat tahu namanya dilantik sebagai Naib Canselor (Akademik dan Pengantarabangsaan). Jawatan nombor dua penting di UPM selepas Naib Canselor.

"Memang saya tidak menjangkakan. Saya masih dalam cuti (cuti sabatikal) pada masa itu. Saya berasa jawatan itu sangat mencabar di samping menjadi satu penghormatan bagi saya," kata Dr. Ra-

din ketika diminta mengulas tentang pelantikannya.

Siapa sangka jejak tangan yang tidak pernah loket dek senyuman dan terkenal dengan sikap tegas dalam urusan kerja mampu berada di kerusi nombor dua. Tuah ayam nampak di kaki, tuah manusia tuhan saja yang tahu.

Dalam usia mengjangkau 45 tahun (13 November depan) Dr. Radin adalah calon yang layak bagi menerajui hal ehwal akademik universiti.

Kalau diimbau catatan lama, beliau merupakan TNC akademik paling muda dalam sejarah universiti ini.

Dr. Radin Umar yang dilantik ke jawatan TNC berkuat kuasa 1 Jun lalu merupakan TNC hal ehwal akademik ketujuh menggantikan Prof. Dr Muhammad Awang yang tamat tempoh pelantikan.

Biarpun beliau lebih dikenali sebagai pakar keselamatan jalan raya dan 'orang rapat' Menteri Pengangkutan,

anak kelahiran Chemor, Perak ini masih kekal dengan sifatnya merendah diri dan bertanya khabar dengan sesiapa sahaja yang beliau jumpa.

Pertemuan kira-kira satu jam dengan wartawan *Tribun Putra* sempat berkongsi sedikit pengalaman dan wawasan beliau setelah dilantik menjadi TNC. Tambahan pula pihak kementerian memasukkan portfolio baru dalam tugasnya iaitu pengantarabangsaan.

Apabila menyentuh masa lapang beliau, Dr. Radin memberitahu beliau lebih suka berkebun di halaman rumahnya. Baginya tiada istilah masa lapang. Dia tidak suka rehat dan kalau boleh sentiasa ingin bekerja. Sebab itulah apabila dia melakukan sesuatu kerja dia kena buat dengan perasaan penuh seronok.

• Ikuti temu bual penuh bersama beliau di muka surat 5 dan 6.

as/M
2005
6

UPM bekerjasama dengan Imperial College

... bersama 4 IPTA lain gabung tawar kursus kedoktoran

PUTRAJAYA (11Jul): Universiti Putra Malaysia (UPM) bersama-sama empat IPTA lain iaitu Universiti Malaya (UM), Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), dan Universiti Teknologi Malaysia (UTM) bergabung menawarkan program kedoktoran dengan Imperial Collage London.

Persetujuan ini dicapai apabila kedua-dua belah pihak bersetuju untuk menandatangani memorandum persefahaman (MoU) bagi tujuan tersebut. Perkembangan ini juga melakar satu sejarah dalam sistem pendidikan di Malaysia apabila berjaya menjalin kerjasama dengan sebuah institusi pendidikan tersohor di United Kingdom (UK).

Hasrat negara melahirkan lebih ramai pakar dalam bidang sains dan teknologi akan tercapai melalui

Oleh: LEELAWATI SUBRAMANI
(Pelatih FBMK)
Foto: Ahmad Fua'ad Alwi

Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) yang termeterai oleh kedua-dua pihak ini.

Sebagai permulaan, lima pelajar akan menyertai Program Kedoktoran Malaysia-Imperial (MIDP) pada September 2005.

Majlis ini disaksikan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak dan Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Dr Shafie Mohd Salleh. Turut hadir, Rektor Imperial Collage London, Sir Richard Sykes dan Pesuruhjaya British di Malaysia, Bruce Cleghorn.

Dalam majlis yang amat bermakna itu, UPM diwakili Naib Canselor, Prof Datuk Dr. Mohd Zohadie Bardaie. Manakala IPTA lain diwakili Naib Canselor masing-masing



Dr. Mohd Zohadie (kiri) bertukar dokumen perjanjian dengan Rektor Imperial College, Sir Richard Sykes.

Pelajar yang menyertai program ini perlu menjalani sebahagian pengajian di universiti tempatan dan sekurang-kurangnya setahun di Imperial College London. Manakala, pelajar yang ingin melakukan penyelidikan lebih lama akan

dipertimbangkan. Bidang penyelidikan dirundingkan dengan pihak berkaitan.

"Kerajaan yakin MIDP mampu melahirkan lebih ramai penyelidik dan individu yang lulus bidang kedoktoran berbanding kaedah kon-

vensional", kata Najib dalam sidang media selepas majlis tersebut.

Menurut beliau program ini akan menguntungkan Malaysia kerana kemampuan Imperial College London dari segi penyelidikan akan memberi faedah kepada negara.

■ sambungan muka 1

faedah ini telah membelanjakan sejumlah RM151,000 atau 73.1 peratus untuk pembelian buku.

Baginda bertitah demikian semasa majlis Konvokesyen UPM ke-29 (Sidang 2) di Pusat Kebudayaan dan Kesenian Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, UPM.

Dalam majlis tersebut seramai 4,574 graduan menerima ijazah dan diploma dalam pelbagai bidang pengajian. Jumlah graduan ini merangkumi penerima Ijazah Doktor Falsafah (Ph.D) seramai 75 orang, diikuti Master (702), Bachelor (3,308) dan Diploma (489).

4 pelajar terbaik terima anugerah

DALAM majlis yang sama, Mohd Firrdaus Romeli menerima Pingat Emas Canselor dan Anugerah Pelajaran Diraja dan Selvamalar Selvaraju menerima Anugerah Pelajaran Diraja. Anugerah Pingat Emas Alumni dan Pingat Emas Yayasan Pak Rashid pula diterima oleh Low Tian Gee dan Azlina Mohd. Khir.

Sementara itu, Azlina yang ditemui menyatakan perasaan gembira dan bertuah kerana dipilih sebagai pemenang Pingat Emas

Yayasan Pak Rashid. Beliau menerima wang tunai RM3,000, pingat emas, dan sijil penghargaan.

Katanya, untuk berjaya mahasiswa tidak boleh lupa tentang tanggungjawab kepada pencipta, ibu bapa, universiti dan masyarakat.

"Maknanya ada kesedaran dalam diri kita tentang semua tanggungjawab tersebut. Maka sudah tentunya kita akan berusaha untuk menjadi seorang insan yang cemerlang," kata Azalina.

Beliau yang sekarang ini bertugas sebagai eksekutif di Institut Perkembangan Minda (INMIND) sempat berpesan kepada mahasiswa agar belajar dengan sistematik dan bijak dalam pengurusan masa. Inilah antara faktor kejayaannya.

Anak kepada pesara tentera ini juga seorang yang rajin dan kuat berusaha sejak kecil lagi. Harapannya agar kejayaannya itu

menjadi perintis kepada adik-adiknya kerana Azalina adalah anak sulung daripada lima adik beradik.

Dalam majlis konvokesyen kali ini juga terdapat dua program yang melahirkan graduan sulung iaitu Bachelor Reka Bentuk (Reka Bentuk Perindustrian) seramai 29 orang graduan dan Bachelor Pendidikan (Teknologi Maklumat) seramai 62 orang graduan.

"Beta gembira dengan usaha terbaharu UPM yang menyokong pendekatan pembelajaran berasaskan pelajar di mana UPM telah memperkenalkan skim kemudahan kredit buku teks sebagai projek perintis kepada kumpulan pelajar tertentu,"



TERBAIK ... empat pelajar terbaik UPM terdiri daripada (dari kiri) Selvamalar, Nor Azlina, Low Tian Gee dan Mohd Firrdaus.



AZLINA ... menang pingat emas Yayasan Pak Rashid.

Tribun Putra diterbitkan oleh Bahagian Komunikasi Korporat, Universiti Putra Malaysia. Tujuan penerbitan untuk menyampaikan maklumat disamping pelbagai rencana, berita, laporan semasa berkaitan bidang pendidikan dan penyelidikan negara. Surat menyurat dan kiriman artikel/berita/rencana hendaklah dialamatkan kepada:

Pengarang Tribun Putra
Bahagian Komunikasi Korporat
Universiti Putra Malaysia
43400 UPM Serdang, Selangor.

Telefon: 03-8946 6009 / 6014 Faksimili: 03-8948 7273

9p
B4L
2005
1

Alumni kumpul duit bina menara jam UPM

... RM 47,150 terkumpul di Malam Homecoming III

SERDANG (3 Sept.) – Kesepakatan dan bantuan alumni dalam membantu kegiatan universiti berjaya mengumpul sumbangan berjumlah RM 47,150 bagi tujuan pembinaan menara jam yang akan menjadi mercu tanda baru kampus Universiti Putra Malaysia (UPM) di sini.

Sumbangan itu berjaya dikumpul hasil persetujuan alumni UPM untuk membeli jubin khas yang dilancarkan sempena majlis makan malam Homecoming III yang diadakan di Pusat Kebudayaan dan Kesenian Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah baru-baru ini.

Majlis pelancaran tabung dana itu disempurnakan Pro Canselor, Tan Sri Nayan Ariffin dan Naib Canselor, Profesor Datuk Dr. Mohd Zohadie Bardaie dihadapan kira-kira 1,000 alumni yang hadir daripada seluruh negara.

Pembinaan menara tersebut yang turut dikenali Menara Jam Warisan Budi Putra adalah bersempena dengan Perayaan Jubli Intan UPM (75 tahun) yang akan bermula tahun depan.

Pelancaran awal itu adalah satu usaha pihak universiti untuk menarik penglibatan alumni dengan aktiviti ke arah manfaat warga UPM keseluruhannya. Ia juga sebagai ikatan kerjasama erat antara alumni dan alma mater.

Menurut Pengarah, Pusat Perkhidmatan Kerjaya dan Alumni, Prof. Madya Dr. Rohani Ibrahim, jumlah wang yang terkumpul itu, sebagai persetujuan untuk alumni menyumbang dikumpulkan hasil jualan jubin bagi tujuan pembinaan menara tersebut. Jubin yang dibeli adalah sebagai sumbangan ke arah menjayakan projek tersebut.

"Para alumni boleh mengabadikan nostalgia mereka dengan memiliki jubin eksklusif yang akan dilekatkan di dinding dan kawasan

menara tersebut bagi merealisasikan projek ini. Nama alumni akan dilakarkan pada jubin tersebut," kata Dr. Rohani.

Seterusnya, nama individu yang menem-pah jubin tersebut akan diletakkan menjadi jujuk bahagian asas binaan menara jam tersebut.


Difahamkan, menara jam ini akan dibina bukan sekadar simbol kenangan tetapi membawa pengertian sebagai mercu tanda yang sentiasa mengingatkan jasa dan budi kepada semerbak citra UPM sebagai pewaris sejati kegemilangan bangsa dan warga dunia.

Jawatankuasa pelaksana yang mengendalikankan projek pembinaan ini memberitahu

terdapat dua jenis jubin yang akan disediakan. Iaitu, Jubin biasa (saiz 12" x 6") terbuka kepada alumni UPM, staf UPM, mahasiswa UPM, persatuan dan badan-badan Korporat.

Keduanya, Jubin khas yang terbuka kepada semua kategori dengan ukuran 16" X16" dan 16" x 8". Kesemuanya ditawarkan dengan pakej harga yang menarik sesuai dengan ruang coretan perkataan yang ada.

Kepada sesiapa yang berminat untuk menempah jubin-jubin tersebut sila hubungi Pusat Perkhidmatan Kerjaya dan Alumni (PPKA) UPM di talian 03-89467272/ 7271/ 6080. Atau Pejabat Bendahari UPM di talian 03-89466215/6225.



Beberapa alumni UPM menyaksikan model menara jam akan dibina tidak berapa lama lagi.

Slot kaunseling di Putra FM

UNTUK makluman dan perhatian semua warga UPM terutamanya mahasiswa, Radio Selangor FM saluran UPM (Putra FM – 90.7) telah mewujudkan satu slot yang diberi nama KENALI HEM.

Ia bertujuan memberi kaunseling dan motivasi kepada mahasiswa di samping menghebahkan aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh Bahagian Hal Ehwal Mahasiswa, UPM.

Pendekatan ini dipercayai membolehkan mahasiswa agar lebih mengenali fungsi Bahagian Hal Ehwal Mahasiswa khususnya dalam perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di samping hebahan aktiviti anjurannya.

Slot ini ke udara pada setiap hari Isnin, bermula jam 12.00 tengah hari hingga 1.00 petang. Slot ini akan memperdengarkan sesi temu bual secara langsung bersama dengan Kaunselor Berdaftar (00255) dari Unit Bimbingan dan Kaunseling, BHEM, Siti Fatimah Abdul Ghani.



Siti Fatimah kendali slot kaunseling di konti Putra FM

Berita ringkas

Warga UPM bersih pantai Kelanang

BAGI 700 penuntut Universiti Putra Malaysia (UPM), Program Gotong-Royong Perdana Pantai Kelanang sempena Kempen Budi Bahasa dan Nilai-Nilai Murni Peringkat UPM, baru-baru ini dianggap aktiviti berfaedah yang ada tarikan tersendiri.

(Metro Ahad 7 Ogos 2005)

UPM guna kepakaran majukan pertanian

UNIVERSITI Putra Malaysia (UPM) perlu mengoptimumkan penggunaan kepakaran, teknologi dan ilmu pengetahuan terutama dalam bidang AgroBio, sekali gus membantu kerajaan memajukan sektor pertanian negara.

(Berita Harian 5 Ogos 2005)

Melonjak Agropolis Serdang

URA-URA penubuhan Agropolis bukan baru, malah telah disebutkan sejak tahun lepas dan kelihatan hampir menjadi kenyataan apabila Universiti Putra Malaysia di Serdang diarah oleh kerajaan merombak kurikulumnya bagi memberi penekanan kepada bidang pertanian, pada tahun lepas.

(Utusan Malaysia 3 Ogos 2005)

UPM sasar 10,000 ikuti pasca siswazah

UNIVERSITI Putra Malaysia menasaskan 10,000 pelajar mengikuti program pasca siswazah, meningkat 30 peratus, menjelang 2010, kata Naib Canselornya, Prof Datuk Dr Mohd Zohadie Bardaie.

(Berita Harian -Pendidikan 12 Ogos 2005)

Dogs show off skills and trendy outfits

SOME were happily chasing after new friends. Some were hiding in corners, while others looked lost. Whatever their expressions and reactions, there were no doubt that the dogs and their masters enjoyed themselves at the Dogathon 2005 held recently at Bukit Ekspo, Universiti Putra Malaysia.

(The Star 18 Ogos 2005)

Anak Felda yang berjaya mesti 'turun padang' membantu-Hentikan budaya 'subsidi'

BUDAYA terlalu mengharap bantuan, memandang remeh kepentingan masa depan anak-anak akan kegagalan dan membentuk asas institusi kekeluargaan di kalangan peneroka dikenal pasti menjadi faktor utama peningkatan masalah sosial di tanah-tanah rancangan Felda. Perkara ini didedahkan Dekan Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia, Prof Dr Rozumah Baharudin.

(Kosmo 21 Ogos 2005)

Sistem Pesawat UAV UPM raih anugerah di USA

PESAWAT tanpa pemandu atau lebih dikenali Unmanned Aerial Vehicle (UAV) mungkin tidak begitu popular penggunaannya di negara kita. Berbeza di negara maju yang lain seperti Amerika Syarikat dan Britain. Pesawat jenis ini digunakan untuk risikan dan ketenteraan. Ia juga boleh digunakan untuk mendapatkan maklumat sesuatu kawasan.

Malah pesawat UAV juga digunakan secara meluas dalam bidang pertanian. Kerja-kerja mengkaji kesuburan tanah, menyembur racun dan menabur baja biasanya boleh dilakukan menggunakan pesawat jika ia melibatkan kawasan yang luas.

Kejayaan penyelidik muda di Jabatan Aeroangkasa, Fakulti Kejuruteraan, UPM, Dr. Zairil A. Zairil menghasilkan prototaip pesawat UAV dan pelbagai sistem yang menyokongnya adalah satu pencapaian membanggakan.

Lebih manis lagi, kejayaan beliau itu mendapat pengiktirafan antarabangsa apabila memenangi pingat emas di Pameran INPEX 2005, di Pittsburgh, Amerika Syarikat baru-baru ini.

Dr. Zairil mempertaruhkan hasil ciptaannya iaitu produk Emergency Control Revert System for UAV/RPV. Selain beliau, turut memenangi emas di pameran tersebut ialah Prof. Dr. Mohd Amin Mohd Soom melalui produk Penyelidikan RIFEILD.

Sempena pameran tersebut, UPM menghantar empat penyertaan untuk memberi cabaran dalam pameran dan anugerah penyelidikan yang berprestij ini.

Dr. Zairil berkata, produknya boleh diguna pakai oleh pelbagai pe-

sawat tanpa pemandu. Ciptaan beliau juga boleh digunakan dengan pesawat kawalan jauh ataupun 'Remotely Piloted Vehicle (RPV)'.

Kedua-dua jenis pesawat ini sedang hebat digunakan oleh negara-negara maju seperti Amerika Syarikat dan Britain. Ia turut digunakan oleh Israel untuk berbagai-bagai tujuan seperti pertahanan dan pertanian.


Jika sebelum ini, pesawat UAV yang dicipta dapat digunakan sewaktu peperangan Aghanistan dan meninjau kawasan-kawasan bahaya tanpa menggunakan juru terbang hanya menggunakan robot. Ternyata, memberikan hasil positif kerana tidak terhempas.

"Produk ini dapat mengurangkan risiko pesawat UAV terhempas di kawasan orang ramai ataupun kerugian harta benda, sekali gus dapat mengurangkan kos kerugian akibat kemusnahan pesawat dan mengelakkan kecederaan atau kematian," katanya.


Idea mencipta produk tersebut tercetus setelah melihat kemalangan pesawat-pesawat UAV di udara yang jatuh terhempas semasa menjalankan operasi dan juga semasa uji kaji.

Pesawat-pesawat ini adalah berteknologi tinggi dan oleh itu mahal dan apabila pesawat-pesawat ini mengalami kerosakan yang tidak dapat dielakkan, selalunya akan dibiarkan jatuh terhempas sahaja. Ini adalah satu amalan yang tidak berfaedah.

Di dalam peperangan, amalan ini juga adalah amat berbahaya kerana pihak musuh akan berjaya mencuri data-data yang di kumpul oleh pesawat-pesawat ini. Dengan ciptaan alat ini, kawalan terhadap pesawat



Antara model pesawat UAV ciptaan Dr. Zairil.



Imej udara pemandangan kampus UPM diambil menggunakan sistem pesawat UAV.

dapat dialihkan ke 'sistem kawalan kecemasan' dan membolehkan pesawat tersebut dikawal kembali.

Menurutnya lagi, produk tersebut sedang digunakan untuk terus melihat keberkesanan fungsi-

nya dan perlu mengikuti prosedur tertentu sebagai usaha memasarkan ke pihak-pihak yang berminat.

Beliau dengan pasukan penyelidikannya mengambil masa setengah tahun untuk menyiapkan

produk tersebut. Dalam penyelidikannya juga, beliau berjaya mencipta tiga jenis pesawat UAV dinamakan Permaisuri UPMX, Maharaja UPMX1 dan Putra UPMX2 dengan reka bentuk berbeza.

Kerjasama UPM, Golden Hope tingkat industri perladangan

PULAU CAREY (16 Jul): Universiti Putra Malaysia (UPM) banyak menjalin kerjasama dengan pelbagai pihak khususnya dalam usaha memajukan sektor pertanian dan perladangan di negara ini. Terbaru, UPM sedia berkerjasama dengan sayarikat perladangan terkemuka iaitu Golden Hope Plantation Berhad.

Dalam kerjasama yang termeterai antara kedua-dua belah pihak ini, UPM akan membantu dalam penawaran program Diploma Pertanian mulai semester pertama 2005/2006. Seramai 20 pelajar telah dipilih sebagai perintis untuk mengikuti program ini.

Menurut sumber Fakulti Pertanian, program Diploma Pertanian yang dicadangkan itu mempunyai dua opsyen iaitu Opsyen Teknologi Pertanian dan Opsyen Industri Perladangan.

Bagi opsyen pertama, program ditawarkan oleh Fakulti Pertanian UPM manakala bagi opsyen kedua iaitu Opsyen Industri Perladangan, program dianjurkan bersama oleh Fakulti Pertanian UPM dan Golden Hope.

Pengerusi Kumpulan Golden Hope, Tan Sri Ahmad Sarji memberitahu Golden Hope menampung segala kos-kos tambahan berkaitan pengendalian program dan pembiayaan sepenuhnya kepada sebahagian besar pelajar-pelajar dalam bidang ini dalam bentuk biasiswa.

"Golden Hope berpenat-lelah untuk menyediakan para graduan dengan pengetahuan kukuh untuk meneruskan pengajian di peringkat lanjutan dalam bidang pertanian dan perladangan" tambahnya lagi.

Selain daripada menawarkan kursus Diploma Pertanian secara usahasama dengan UPM itu, Akademi Golden Hope juga turut menawarkan kursus lain seperti motivasi dan pembinaan sahsiah melalui Kem Cabaran Aktiviti Luar, Pengurusan Perladangan dan kursus pegawai keselamatan dan kesihatan.

Demi mencapai matlamat ini, Kumpulan Golden Hope Plantations Berhad (Golden Hope) juga mengambil usaha untuk menubuhkan sebuah Universiti Perladangan, ke arah

melahirkan graduan berkemahiran dalam industri perladangan, di Pulau Carey.

Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Dr Shafie Salleh berkata, Kementerian Pengajian Tinggi akan membentangkan satu kertas kerja kepada Kabinet bagi mewujudkan Universiti Perladangan oleh Golden Hope.

Beliau berkata demikian selepas Majlis Pelancaran Program Diploma Pertanian UPM-Golden Hope bertempat di Pulau Carey baru-baru ini.

Hadir sama, Naib Canselor UPM, Profesor Datuk Dr Muhamad Zohadie, dan Ketua Eksekutif Kumpulan Golden Hope, Datuk Sabri Ahmad.

Shafie berkata Universiti Perladangan ini diwujudkan sejajar dengan hasrat kerajaan menjadikan sektor pertanian sebagai enjin ketiga dalam menjana pembangunan negara dan tidak akan bertindih dengan UPM yang kini turut menawarkan Diploma Pertanian.


TEKA-TEKI pelantikan **Timbalan Naib Canselor (Akademik) UPM** akhirnya terjawab apabila bekas Dekan, **Fakulti Kejuruteraan, Profesor Ir. Dr Radin Umar Radin Sohadi** dilantik mengisi kekosongan jawatan itu berkuat kuasa 1 Jun 2005 baru-baru ini. Walau bagaimanapun Radin Umar memulakan tugas rasmi beliau bermula 27 Julai baru-baru ini.

Beliau yang juga pakar keselamatan jalan raya negara ini menamatkan pelbagai spekulasi tentang kekosongan jawatan nombor dua di UPM itu setelah dikosongkan oleh Prof Dr Muhamad Awang sejak 11 April 2005.

Wakil **Tribun Putra** yang diketuai Ketua Pengarang, Prof. Madya Dr. Sidek Abdul Aziz dan Pengarang, Mohd Rusdy Hasan berserta wartawan pelatih, Leelawati Subramani dan jurugambar, Ahmad Fua'ad Alwi berpeluang mengunjungi beliau untuk pengisian ruangan wawancara.

Pertemuan kira-kira satu jam itu, memberi peluang kepadanya untuk menjelaskan beberapa perkara penting tentang strategi dan misi beliau dalam pembangunan akademik universiti. Ia diikuti tanggungjawab baru yang diamanahkan iaitu pengantarabangsaan.

“**Sungguh menakjubkan. Pada pagi hari pertama saya melaporkan diri di biliknya, Naib Canselor bersikap positif mengucapkan tahniah dan menasihati saya berkenaan pengurusan dan perkara yang perlu diselesaikan dan mengajak sama-sama bekerjasama untuk meningkatkan indeks atau prestasi UPM untuk memenuhi sasaran yang dibincangkan terlebih dahulu**”



Radin Umar tak suka rehat

Soalan: Apakah reaksi Prof. apabila diumumkan sebagai TNC?

Dr. Radin: Terkejut (diam seketika). Memang saya tidak menjangkakannya. Saya masih dalam cuti sabatikal pada masa itu. Saya berasa jawatan ini sangat mencabar di samping menjadi satu penghormatan bagi saya. Yang penting sekarang ialah saya akan berusaha melaksanakan tanggungjawab yang

dipikul sepenuhnya sebagaimana yang diharapkan oleh pihak atasan. Terkejut memang terkejutlah tetapi sekejap sahaja

Soalan: Reaksi pertama Naib Canselor setelah Prof. lapor diri padanya? Apa katanya?

Dr. Radin: Bagus. Pada pagi hari pertama saya melaporkan diri di biliknya, Naib Canselor bersikap positif mengucapkan tahniah dan menasihati saya berkenaan pengurusan dan perkara yang perlu diselesaikan dan mengajak sama-sama bekerjasama untuk meningkatkan indeks atau prestasi UPM untuk memenuhi sasaran yang dibincangkan terlebih dahulu.

Selepas itu, bekas TNC, Prof. Dr. Muhamad secara rasminya memberi saya nota penyerahan tugas. Walaupun jawatan ini tidak diisi oleh sesiapa, namun saya tidak dapat merasai kekosongannya. Ini adalah kerana Mantan TNC Prof. Md Awang telah menjalankan tugas yang amat baik dan mungkin kerana saya mempunyai sedikit pengalaman (selama sembilan tahun) di UPM sebagai pentadbir. Namun masih ada banyak *learning curve* yang saya perlu belajar.

Soalan: Cabaran paling besar ialah melahirkan

graduan yang cemerlang, berdaya saing dan berupaya untuk terus maju. Apakah perancangan Prof?

Dr Radin: Memang ada banyak perkara yang perlu diusahakan dan ditambah-baikkan. Kita mempunyai sejarah imej graduan UPM yang baik. Kita tidak perlu mula dari titik permulaan. Kini, kita hanya perlu membuat penambahbaikan. Pada

masa yang sama, kita perlu memandang serius perkara-perkara lain seperti isu graduan yang berkualiti, masalah kebolehan bekerja, masalah soft skill, keupayaan berdaya saing dengan dunia mencabar, bersikap positif terhadap kehidupan dan pembelajaran yang berterusan dan banyak lagi.

Ini adalah antara perkara yang perlu kita usahakan. Maknanya kaedah pengukuran kredibiliti para graduan perlu dipertingkatkan. Sekarang, CGPA digunakan sebagai kaedah utama pengukuran. Namun kita perlu pelbagaikan kaedah penilaian supaya mencerminkan kualiti sebenar graduan.

Soalan: Melalui pengalaman hampir 20 tahun di UPM, apakah ada perbezaan pelajar dahulu dengan sekarang?


Dr. Radin: Saya menjejak kaki di UPM sebagai seorang tutor pada tahun 1984 dan sambung perkhidmatan sebagai pensyarah dari tahun 1985. Ketika itu jumlah pelajar hanya seramai 5000 orang tetapi kini jumlah pelajar telah meningkat secara drastik. Yang pastinya, kita tidak boleh menafikan jumlah pelajar antarabangsa telah meningkat secara mendadak daripada tahun-tahun dahulu.

Perbezaan yang paling ketara yang saya dapat lihat adalah dari segi budaya be-

kerja di UPM. Budaya bekerja pegawai akademik dan bukan akademik telah meningkat dari aspek kualiti *output*, masa dan tenaga dikorbankan supaya memenuhi hasrat kerajaan dan universiti. Ekoran daripadanya, UPM boleh berdaya saing dan mampu menjadi *global player*.

Soalan: Adakah dengan jawatan ini rutin kerja Prof dah berubah?

“...keseimbangan dalam bidang kerja supaya kita berasa seronok bekerja tanpa berasa ketegangan. Ramai orang tanya saya mengapa saya sentiasa nampak muda. Jawapannya ialah ‘senyum selalu’.”





Dr. Radin: Setelah menjadi TNC saya menghabiskan masa lebih lama di sini. Tetapi masa kerja yang lama itu bukanlah satu kaedah pengukuran yang betul. Sebenarnya saya tidak suka berehat atau dalam erti kata lain saya berasa seronok bekerja sebagai TNC.

Ini adalah kerana persekitaran bekerja di UPM sangat fleksibel yang mengamalkan unsur *mentoring* serta mempunyai rakan sekerja yang baik. Saya rasa budaya ini perlu dikekalkan supaya kita berasa seronok bekerja dan menyampaikan yang terbaik kepada UPM dan negara. Dengan ini, jika sesuatu kerja perlu diselesaikan kita menyelesaikannya tanpa berkira sangat mengenai masa.

Soalan: Kami dimaklumkan bahawa Prof pernah dilantik sebagai Setiausaha Persatuan Pegawai Akademik (PPA). Bolehkah kita cungkil rahsia bagaimana prof boleh menghasilkan penerbitan buku dan majalah yang begitu banyak dan berkualiti?

Dr. Radin: PPA merupakan satu badan yang bertanggungjawab ke atas hal ehwal kebajikan dan perkembangan pegawai akademik. Pada ketika itu saya ma-

“Kita tidak perlu mula dari titik permulaan. Kini, kita hanya perlu membuat penambahbaikan. Pada masa yang sama, kita perlu memandang serius perkara-perkara lain seperti isu graduan yang berkualiti...”



“saya menghabiskan masa lebih lama di sini. Tetapi masa kerja yang lama itu bukanlah satu kaedah pengukuran yang betul. Sebenarnya saya tidak suka berehat atau dalam erti kata lain saya berasa seronok...”

■ sambungan muka 5


sih muda dan bertenaga dan ia membangkitkan semangat saya mengembara ilmu pengetahuan dalam bidang penulisan. Pada masa yang sama, ia menjadi peluang keemasan untuk memberikan sesuatu yang berfaedah kepada masyarakat dan komuniti ini selain hanya tertumpu pada bidang akademik sahaja.

Perlu ada keseimbangan dalam bidang kerja supaya kita berasa seronok bekerja tanpa berasa ketegangan. Ramai orang tanya saya mengapa saya sentiasa nampak muda. Jawapannya ialah 'senyum selalu'. Itulah rahsianya. Apabila seronok bekerja, rasa ketegangan akan hilang.

Selain itu, saya juga ingin belajar tentang penulisan sebab ia adalah sesuatu yang baru bagi diri saya. Pada masa itu, saya banyak belajar daripada rakan-rakan sekerja yang mampu menulis artikel yang bagus dalam tempoh yang singkat. Mahasiswa kini juga perlu mempertimbangkan perkara ini.

Mereka perlu berfikir positif dan tidak harus terlalu mementingkan imbuhan untuk setiap kerja yang dilakukan. Dalam usia muda begini mahasiswa perlu sentiasa bersikap bersedia untuk belajar. Walaupun kadang-kadang ia tidak menyeronokkan tetapi fikirkan yang baik untuk semua. Pastinya Tuhan akan memberikan balasan untuk setiap perkara.

"...Walaupun kadang-kadang ia tidak menyeronokkan tetapi fikirkan yang baik untuk semua. Pastinya Tuhan akan memberikan balasan untuk setiap perkara".



Soalan: Bagaimana Prof melihat portfolio 'akademik' yang kini dipanggil sebagai 'Akademik dan Pengantarabangsaan'?

Dr. Radin: Memang kerajaan mahu UPM menjadi *global player*. Pihak kerajaan ingin mempromosi UPM sebagai institusi yang cemerlang dan pendidikan yang


mampu berdaya-saing di pasaran antarabangsa. Dalam konteks ini UPM harus memperincikan hasrat kerajaan supaya menjadi *global player*. Sebab itu Pengantarabangsaan merupakan satu portfolio yang spesifik diwujudkan untuk memenuhi hasrat kerajaan ini.

Soalan: Ada andaian bahawa jumlah pelajar antarabangsa semakin berkurangan di UPM sebab terlalu menekankan kursus-kursus yang tertentu?

Dr. Radin: Itu mungkin persepsi segelintir pelajar. Tetapi menurut data, majoriti pelajar suka terhadap sistem yang diamalkan di UPM. Pada pendapat saya, UPM menstrukturkan kursus untuk menyokong pelajar supaya melengkap diri untuk mendapat master atau PhD. Statistik menunjukkan yang UPM kekurangan pelajar antarabangsa adalah tidak tepat.

Dari semasa ke semasa, kami juga membuat penyelidikan dan melakukan perubahan dalam kemudahan dan pendidikan secara relevan supaya membantu pelajar antarabangsa. Satu lagi perkara yang perlu diberi kepujian ialah tempoh untuk permohonan itu dipanjangkan dan kemudahan IT lebih digunakan.

Dahulu, tiga bulan sebelum kita terpaksa tutup kerana semuanya dikendalikan secara manual. Selain itu,



"...UPM berfungsi berasaskan pertanian, tetapi saya rasa kecemerlangan dalam bidang pertanian tidak akan menjadi penghalang untuk kita menceburi bidang-bidang lain".

proses seperti pengambilan visa dan imigresen juga mengambil masa.

Soalan: Bagaimana dengan pertanian sebagai niche?

Dr. Radin: Memang UPM mempunyai kekuatan dalam bidang berasaskan pertanian, agrobio dan kecemerlangan dalam bidang pertanian harus diteruskan.

Namun bidang yang lain khususnya yang telah mencapai kecemerlangan harus di bantu dan diteruskan.

Soalan: Apakah perubahan yang ingin dilakukan dari segi pengantarabangsaan?

Dr. Radin: Sebenarnya kita sangat bertuah kerana UPM telah pun ada visi, misi dan juga polisi-polisi untuk warga UPM bersaing di arena antarabangsa. Di samping itu, UPM juga memiliki sejarah dan budaya kerja yang bagus. Apa yang mencabarkan sekarang ialah bagaimana kita akan melaksanakannya untuk mencapai ke tahap lebih tinggi diperingkat antarabangsa. Kita harus menetapkan penanda aras yang lebih tinggi bukan hanya sekadar 'jaguh kampung'. Berapa KPI baru perlu dimajukan.

Soalan: Adakah Prof bercadang untuk melawat setiap fakulti. Dalam erti kata lain 'turun padang'?

Dr. Radin: Saya memang berhasrat untuk berbuat demikian dan memang semua tahu bahawa saya ini jenis 'turun padang'. Tetapi sebagai titik permulaan saya perlu memperkukuhkan sistem kualiti akademik terlebih dahulu. Insya Allah akan lakukannya.

Soalan: Mahasiswa ma-

sa kini hanya belajar untuk peperiksaan dan bukan untuk pengetahuan. Apakah strategi baru yang Prof cadangkan untuk mengubah keadaan ini?

Dr. Radin: Ada banyak kaedah-kaedah yang boleh digunakan mengikut bidang masing-masing untuk meluaskan ilmu pengetahuan mereka. Misalnya, pelajar yang mengikuti kursus kejuruteraan dan rekabentuk senibina perlu menjalankan projek rekabentuk secara hands-on. Di situ mereka didedahkan kepada kaedah penyelesaian masalah dan bekerja secara berkumpulan.

Ini memperkayakan pelajar-pelajar supaya memperoleh kemahiran, psicomotor, semangat kerjasama, strategi komunikasi selain pengetahuan profesional dan teknikal untuk menyelesaikan sesuatu masalah. Ini membangkitkan pelajar mempelajari kemahiran yang mencukupi melalui satu perkara. Kita harus sedar sistem penilaian bukan hanya bergantung pada akademik sesemata-mata malah harus mengambil kira aspek efektif dan psikomotor. Ini boleh dimantapkan melalui alat kokurikulum dan mempertingkatkan penggunaan sistem ICT untuk menghasilkan graduan yang berkeperluan. Sedikit sebanyak perubahan akan dibuat untuk melahirkan mahasiswa yang profesional dan tenaga mahir yang produktif dalam semua aspek.

Pameran Bioteknologi Asia 2005 UPM menangi 9 anugerah

KUALA LUMPUR (16-18 Ogos) - Empat anugerah emas, tiga perak dan dua gangsa berjaya dimenangi oleh penyelidik Universiti Putra Malaysia (UPM) sempena Pameran Bioteknologi Asia 2005 bertempat di Pusat Dagangan Dunia Putra dekat sini.

Kejayaan cemerlang yang dicatatkan oleh sembilan hasil penyelidikan UPM ini membuktikan ciptaan UPM sentiasa mendapat pengiktirafan khususnya dalam bidang bioteknologi.

Pungutan empat emas yang dimenangi produk *IBDReal Check, a Rapid Detection Kit for Infectious* atau peralatan mengesan jang-

kitan dengan pantas daripada Prof. Madya Dr Abdul Rahman Omar, Institut Biosains.

Diikuti, produk berkaitan peningkatan kesihatan usus menggunakan bakteriosin atau *The Novel Feed Additives Produced by Beneficial Lactic Acid Bacteria, Lactobacillus plantarum I-UL4, isolatd from fermented tapioca (Manihot esculanta)*, ciptaan Prof. Madya Dr. Foo Hooi Ling.

Seterusnya, ciptaan Dr. Lai Ooi Ming dengan produk *Process and Production of Novel "All Natural" Sunscreen Agents*. Produk tersebut berguna untuk proses pengeluaran agen perlindungan matahari semula jadi.

Produk vektor pengklon-

an universal untuk protein bermasalah atau produk *BioCarrierTM: A Universal Cloning Vector For Your Protein Solutions* ciptaan Prof. Datin Dr Khatijah Yusof turut meraih emas.

Pingat perak pula dimenangi Prof. Dr. Azmi Lila melalui produk *Nucleoceptin-RS-A Novel vaccine for effective fertility Fertility Control*, diikuti, Prof. Dr Sariah Meon, (*TRICHOPREP: An Effective and Eco-Friendly Disease Management Tool*), dan Dr. Janna Ong Abdullah (*Natural Food Colourant From Petals Of Melastoma Malabathrricum And Tibouchina Semidecandra*).

Kejayaan gangsa pula



Dari kiri Dr. Lai, Dr. Foo dan Dr. Khatijah bersama pingat emas yang dimenangi di Pameran Bioteknologi Asia 2005 baru-baru ini.

dicapai melalui Prof. Dr. Son Radu (*Ampliflour universal GMO Detection System*) dan Prof. Madya Dr Siti Nor Akmar Abdullah (*Mesocrap-Specific Promoter for oil Palm Genetic Modification*).

"UPM sentiasa memberikan peluang dan sedia berunding dengan mana-mana pihak yang

berminat untuk mengkomersialkannya," ucap Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Pengantarabangsaan) UPM, Prof. Ir. Dr. Raden Umar Raden Sohadi selepas majlis sidang akhbar meraikan kejayaan penyelidik yang terlibat.

"Proses itu hanyalah akan dilaksanakan selepas kami

mendaftarkan paten (hak cipta) melalui Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO). Proses mengkomersialkan produk ini suatu cabaran besar bagi UPM menonjolkan jenama Malaysia dan sebagai IPT bertaraf antarabangsa pada masa depan," katanya lagi.

Masyarakat progresif acuan sendiri -Dr.M

Dr. Mahathir menerima cenderamata berupa lukisan bangunan bersejarah UPM daripada Pro Canselor, Tan Sri Thong Yaw Hong

SERDANG (5 Ogos) – “Model nilai masyarakat Barat atau Eropah tidak sesuai dijadikan contoh sebagai pembentuk masyarakat progresif negara kita. Kita perlu mengikut acuan budaya kita sendiri.”

Hal inilah yang ditekankan oleh Tun Dr. Mahathir Muhamad, bekas Perdana Menteri Malaysia dalam syarahannya bertajuk ‘Moving Towards A Progressive Society’ di Dewan Besar Pusat Kebudayaan dan Kesenian Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Universiti Putra Malaysia (UPM).


Syarahannya penuh bermakna tersebut merupakan antara aktiviti Yayasan Pak Rashid UPM. Ia juga sebagai ‘medan’ pe-

nyuburan dan pengembangan ilmu di kalangan warga kampus.

Menurut Dr. Mahathir, untuk mempertahankan diri, semua bidang ilmu perlu dipelajari. Termasuklah mengetahui mengenai budaya dan adat. Progresif tidak datang dengan bergolek tetapi semua pihak perlu bekerjasama ke arah tersebut.

Syarahannya yang berjaya menarik minat kira-kira 3,000 orang yang memenuhi ruang dewan. Ternyata syarahan bekas Perdana Menteri yang di sayangi segenap lapisan masyarakat itu memberi impak positif kepada tetamu yang hadir.


Yayasan Pak Rashid (YPR) ditubuhkan oleh UPM pada November 2000, bagi mengenang dan mengabadikan jasa Allahyarham



Mohd Rashid Ahmad atau Pak Rashid terhadap pembangunan Kolej Pertanian Malaya dan Universiti Pertanian Malaysia.

Yayasan Pak Rashid juga berperanan untuk membantu pengajian pelajar dan melaksanakan pelbagai aktiviti ilmiah di UPM.

Beliau sebagai seorang perintis pertanian negara yang amat disegani di kalangan alumni Kolej Pertanian Malaya dan Universiti Pertanian Malaysia, serta sahabat dan kenalan diberikan pengiktirafan tertinggi ini berdasarkan jasanya yang tidak terhitung kepada kejayaan UPM.



Dr. Mohd Zohadie menyampaikan cenderamata kepada Perdana Menteri selepas Perasmian ICKM baru-baru ini.

Dr. Abu Sofian Pengetua KMR

SERDANG (23 Jul) - Universiti Putra Malaysia (UPM) mengumumkan pelantikan pensyarah Jabatan Perakaunan, Dr. Abu Sofian Yaacob (gambar) sebagai Pengetua Kolej Mohamad Rashid (KMR) menggantikan Prof. Dr. Abdul Razak Alimon yang tamat tempoh pelantikannya.

Beliau akan memegang jawatan tersebut untuk tempoh tiga tahun mulai dari 1 Julai 2005.

Dr Abu Sofian, 46, berasal dari Rembau, Negeri Sembilan menerima Ijazah Sarjana Muda Sains Kewangan di Illinois University, United States dan Master dalam Perdagangan Antarabangsa di tempat yang sama.

Bukan hanya sekadar itu, sebagai individu yang gemarkan ilmu perakaunan beliau melanjutkan pelajaran ke peringkat PhD dalam bidang Perakaunan di Full, United Kingdom.

Ketika diminta mengulas me-

Oleh : LEELAWATI SUBRAMANI (Pelatih FBMK)

ngenai pelantikannya, Dr. Abu Sofian berkata “Saya sangat gembira menjawat jawatan ini dan berterima kasih kepada Naib Canselor yang sudi memberi peluang dan kepercayaan untuk menyelia pengu- rusan Kolej Pertama yang menjadi pembekal utama personaliti ter- nama di UPM.”

Beliau yang kaya dengan senyuman berkata jawatan ini agak mencabar kerana perlu memikul tanggungjawab untuk mengekal- kan tradisi KMR dan mencorakkannya untuk meneruskan kecemerlangan itu.

“Saya ingin membuat rombak- an mengikut rancangan jangka pa- njang dan jangka pendek serta membangkitkan warga KMR supa- ya saling bersaing dan berusaha mengejar kejayaan bagi meningkat- kan amanah yang diharapkan



masyarakat sekeliling,” tambahnya lagi.

“Pada masa yang sama, saya juga ingin membuat sedikit seba- nyak perubahan untuk memper- tingkatkan kualiti kemudahan awam yang disediakan di sekitar KMR yang sering menjadi kun- jungan orang ramai yang tinggal di kawasan persekitaran kampus hijau ini,” katanya ketika ditemui wartawan *TribunPutra*.

Dr. Abu Sofian Yaacob meru- pakan seorang yang bersifat mesra dan mudah didekati oleh penghuni dan juga kakitangan KMR. Oleh itu, tidak hairanlah jika beliau di- segani oleh orang yang menge- nalinya.

Konferen Pengurusan Ilmu capai matlamat

KUALA LUMPUR (7 Julai): Pusat Pembangunan Akademik (CADE), Universiti Putra Malaysia (UPM) menganjurkan International Conference on Knowledge Management, ICKM’05 bertempat di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) dekat sini.

Konferens bertemakan ‘Making Knowledge Work to Leverage Collaborative Advantage and Intellectual Capital in a Global Economy’ bertujuan memperlihatkan amalan terbaik dan pencapaian di dalam kerja, produk dan perkhid- matan berasaskan ilmu, di dalam bidang industri korporat, profesion, penyelidikan dan latihan.

Konferens turut membincang- kan perkembangan teknologi dan isu-isu berkaitan dengan k-industri. Sub tema merangkumi tajuk-tajuk ‘Technology and Process in KM’, ‘KM in Human Resource Develop- ment’ dan ‘KM in Government and Private Institutions’.

Majlis perasmian telah disem- purnakan Perdana Menteri, Dato’ Seri Abdullah Ahmad Badawi. Tu- rut hadir Menteri Pengajian Ting-

gi, Dato’ Dr. Shafie Mohd Salleh, Naib Canselor, Prof Datuk Dr Mohd Zohadie Bardaie dan Penga- rah CADe, Prof Dr Ghazali Mohyiddin.

Seramai 193 peserta dari da- lam dan luar negara menghadiri confere ns berkenaan. 88 orang ada- lah pembentang kertas dan 105 orang merupakan peserta.

Para Pengucap utama yang di- jemput terdiri daripada mereka yang mengamalkan pengurusan ilmu dalam sektor industri korp- orat, praktis, profesion dan akade- mik. Di antaranya ialah Director, Knowledge Research Institute, Arlington, Texas Prof. Karl M. Wiig. Central Aspects of Personal & Enterprise Knowledge Manage- ment in the 21st Century’

Sebanyak 88 kertas kerja di- bentangkan sepanjang konferen dua hari itu. Kertas sepenuhnya di- muatkan ke dalam cakera padat (CD) dan diberikan kepada setiap peserta. Kertas tersebut juga di- muatkan ke laman web konferens (<http://ickm.upm.edu.my>) untuk rujukan orang ramai.



Oleh: SHARIL NIZAM SHA'RI
Foto: Sabri Omar

SERDANG (3 Sep.) – Persatuan Alumni dengan kerjasama Pusat Perkhidmatan Kerjaya dan Alumni berjaya menganjurkan Majlis Makan Malam Homecoming 'Siri Pulang ke Gagang' kali ke-3 yang di adakan di Dewan Besar, Pusat Kebudayaan dan Kesenian Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah.

Majlis yang berlangsung dalam suasana meriah itu berjaya mengumpulkan kira-kira 1,000 alumni UPM dari seluruh negara. Inilah masa yang ditunggu oleh semua alumni untuk kembali ke kampus yang membangkitkan seribu satu nostalgia dalam kamus hidup mereka.

"Homecoming III berjaya menemukan kembali alumni di era yang berbeza-beza, iaitu Zaman kolej Pertanian Malaya, Universiti Pertanian Malaysia dan Universiti Putra Malaysia. Dengan tujuan mengukuhkan dan memperluas lagi jalinan persahabatan yang sudah lama terbina," kata Pengerusi Jawatankuasa Penganjur, Prof. Madya Dr. Rohani Ibrahim.

Homecoming III satukan alumni

Beliau yang juga Pengarah Pusat Perkhidmatan kerjaya dan Alumni UPM menambah melalui program seumpama ini dapat menyingkap semula lipatan sejarah UPM kerana institusi ini hampir genap 75 tahun penubuhannya dan ramai melahirkan alumni cemerlang dalam pelbagai bidang.

Majlis yang dinanti-nantikan ini menjadi tradisi dan platform untuk alumni pulang ke kampus bagi mengimbu kembali nostalgia serta

saat-saat menggembirakan semasa berada di kampus ini dahulu.

Para alumni UPM berkesempatan menyertai perlawanan ragbi antara Serdang Angel (pasukan UPM) menentang Ex-Angel yang diwakili alumni UPM. Bagi yang tidak berkesempatan untuk bermain ragbi mereka memenuhi padang golf UPM untuk satu pertandingan khas golf di Kelab Golf UPM.

Melalui majlis ini dapat meningkatkan

motivasi dan keinsafan untuk alumni dan warga universiti memberi sumbangan yang lebih besar untuk kemajuan UPM khususnya dan amnya untuk bangsa, agama dan negara.

Majlis tersebut turut dihadiri Naib Canselor, Profesor Datuk Dr. Mohd Zohadie Bardaie, Presiden Persatuan Alumni, Dato' Mohd Noor Ismail, Ahli Lembaga Pengarah UPM, Ahli-Ahli Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Pak Rashid, Timbalan-timbalan Naib Canselor, dan pegawai-pegawai kanan UPM.

UPM kumpul RM200,000 untuk kanser

KUALA LUMPUR: Persatuan Wanita Universiti Putra Malaysia (Permata) dan Pusat Kebudayaan dan Kesenian Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Universiti Putra Malaysia (UPM) berjaya mengumpul derma sebanyak RM 200,000 untuk tabung Majlis Kanser Nasional (Makna) hasil penganjuran program Semarak Batik I.

Sumbangan itu disampaikan isteri bekas Perdana Menteri, Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali kepada Presiden Makna, Datuk Mohd Farid Ariffin pada majlis Malam Amal Sempena Minggu Semarak Batik I, baru-baru ini.

Hadir sama, Penasihat Minggu Semarak Batik, Datuk Paduka Seri Sharifah Hishmah Shahbudin; Penasihat Permata, Datin Umi Kalsom Hussin; Pengerusi Malaysian Nasional Reinsurance Berhad (MNRB), Mohamad Abdullah; Ketua Pegawai Eksekutif MRB, Anuar Mohd Hassan dan Naib Canselor UPM, Prof Datuk Dr Mohd Zohadie Bardaie.

Terdahulu Dr Siti Hasmah dalam ucapannya, berkata industri kraf-tangan khususnya tekstil pada 2003 mencatat jualan sebanyak RM41.8

juta, manakala Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (Matrade) pula memperoleh nilai eksport tekstil sebanyak RM55.6 juta pada tahun yang sama.

"Berdasarkan jumlah itu, menunjukkan industri tekstil mampu

memberi eksport lumayan kepada ekonomi negara".

"Sehubungan itu, pengusaha tekstil tempatan hendaklah meningkatkan kreativiti menghasilkan seni batik yang bermutu dan bertaraf antarabangsa," katanya.


Selain itu, katanya usaha UPM sebagai institusi pengajian tinggi awam turut dipuji kerana berusaha memperkasakan batik menerusi program Semarak Batik I kepada masyarakat.

Dr Siti Hasmah berkata, sebagai

universiti penyelidikan dan pembangunan, UPM membantu Makna menjalankan penyelidikan mengenai kanser dengan peruntukan daripada badan itu sebanyak RM1.6 juta. (petikan Berita Harian 28 Julai 2005)



Acara pertunjukan fesyen batik turut diadakan.



Tun Dr. Siti Hasmah menyampaikan cek sumbangan UPM kepada MAGNA.

Akhbar maha SISWA

Idealistik Realistik

• Keluaran OKTOBER 2005 • email: rusdy@putra.upm.edu.my



**UPM lancar
kempen budi
bahasa**

• Muka 16



**Golongan muda
hayati erti
kemerdekaan**

• Muka 13



**Seminar
Kaunseling UPM**

• Muka 18

Fadly berjaya tanpa dorongan

Oleh:
LEELAWATI SUBRAMANI (Pelatih FBMK)

TENTU pembaca dapat meneka siapakah siswa pilihan *Tribun Putra* keluaran kali ini. Wajahnya pernah menghiasi dada akhbar tempatan Ruangan Personaliti kita pada kali ini menampilkan seorang jaguh di arena bola sepak, Mohd Fadly Mansor atau lebih dikenali sebagai Fadly yang juga merupakan mahasiswa tahun pertama Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Jasmani.

Bakat anak kelahiran Jitra, Kedah ini terserlah seawal usia sembilan tahun ketika menerima pendidikan awal di Sekolah Kebangsaan Jitra. Pada tahun 1997, Fadly berjaya mengambil bahagian dalam pasukan bola sepak mewakili Kedah bawah 12 tahun.

Pada tahun seterusnya, Fadly menyertai Akademi Bola Sepak Kedah dan Piala Milo, Piala Presiden dan Piala Nike Asia Pasifik pada tahun-tahun berikutnya sehinggalah menyertai piala Al-Wahdah di Arab Saudi pada tahun 2002.

Perjuangan Fadly terbatas di situ apabila bahagian lututnya mengalami kecederaan dalam satu perlawanan bola sepak. Tanpa berputus-asa Fadly kembali menampilkan aksi hebatnya di padang bola sepak setelah berehat kian lama. Kini Fadly berlatih bersungguh-sungguh setiap petang untuk menjayakan hasrat dan kepercayaan Universiti Putra Malaysia (UPM).

"Walaupun saya pernah mengalami kecederaan pada lutut dua tahun yang lepas namun saya berkeyakinan saya boleh lakukan yang terbaik dalam perlawanan akan datang", kata Fadly, mahasiswa tahun pertama yang menjadi taruhan UPM dalam saingan Celcom Unileague yang bermula pada akhir bulan Ogos, baru-baru ini.

"Memang sewaktu usia kanak-kanak saya sering dimarahi ibu saya sebab asyik bermain bola sahaja. Namun kemarahan itu tidak mematahkan semangat saya untuk menceburi bidang ini," jelas Fadly yang mencapai kejayaan ini tanpa dorongan sesiapa.

Fadly berasa bersyukur kerana semua kelas untuk semester ini diadakan pada waktu pagi. Fadly lebih suka belajar pada awal pagi selepas sembahyang subuh dan kemudiannya menghadiri kuliah manakala pada sebelah petang Fadly sentiasa berada di padang depan Kolej Canselor mengikuti latihan bola sepak atau aktiviti sukan lain.

Jejaka berusia 20 tahun yang gemar memakai jersi bernombor sepuluh ini berkata bahawa dia lebih suka belajar secara berkumpulan sewaktu peperiksaan. "Kalau hari biasa saya masih belajar seorang sebab kawan-kawan tidak bangun awal pagi," katanya dengan nada gurauan.

■ Lihat muka surat 10

“Memang sewaktu usia kanak-kanak saya sering dimarahi ibu saya sebab asyik bermain bola sahaja. Namun kemarahan itu tidak mematahkan semangat saya untuk menceburi bidang ini,”



■ sambungan muka 9

“Kalau ada masa lapang saya lebih suka melibatkan diri dalam aktiviti sukan atau bersosial. Kalau nak keluar itu jaranglah sebab ia melibatkan duit, tetapi sekali-sekala ada keluar jugalah.” sambung anak kedua daripada lima adik-beradik itu yang bersikap jimat-cermat itu.

Pada pendapatnya seorang mahasiswa cemerlang perlu ada keseimbangan dari segi akademik dan sukan. “Saya rasa seorang yang melibatkan diri dalam sukan lebih bersosial dan suka berkomunikasi dan pastinya ada ramai kawan di sini. Dengan itu hendak minta tolong pun senang,” tambahnya lagi.

Selain itu, Fadly turut menyatakan kemudahan sukan di UPM tiada bandingannya. Namun demikian, kadangkala Fadly dan juga pemain lain terpaksa membawa bola sendiri sebab kunci bilik peralatan dipegang oleh Ketua Unit Sukan.

Fadly berasa bangga untuk menjadi seorang guru. “Dari dahulu lagi saya bercita-cita untuk menjadi seorang guru. Seorang guru perlu ada sikap-sikap seperti kesabaran, berdedikasi dan kemampuan untuk berkomunikasi dengan pelajar-pelajarnya. Saya rasa saya memiliki sikap-sikap tersebut,” ujar Fadly dengan penuh keyakinan.

Selain daripada bidang sukan Fadly lebih suka melibatkan diri dalam penulisan skrip atau berminat menjadi seorang pengarah. “Saya paling tak suka berlakon sebab saya ini pemalu sebenarnya,” katanya dengan senyuman manis.

Anak kelahiran Jelapang Padi ini suka mencari ketenangan di kawasan sawah padi. “Saya suka ketenangan,” katanya.

“Selepas berhijrah ke sini saya sanggup pergi ke puncak bukit Komenwel di Bukit Jalil untuk menghayati ketenangan sewaktu menghadapi tekanan atau tegangan,” tambahnya lagi.

Akhir sekali Fadly menasihatkan mahasiswa UPM supaya cuba meluangkan sekurang-kurangnya sedikit masa untuk bersukan setiap hari.

“Saya dapat datang ke sini disebabkan sukan. Sukanlah yang tolong saya banyak!”, katanya dengan sikap rendah diri.

“Dari dahulu lagi saya bercita-cita untuk menjadi seorang guru. Seorang guru perlu ada sikap-sikap seperti kesabaran, berdedikasi dan kemampuan untuk berkomunikasi dengan pelajar-pelajarnya. Saya rasa saya memiliki sikap-sikap tersebut,”



KEMBARA ILMU 4 :

Biar kita mengejar masa

“BAS dahlah sesak, pulak tu selalu datang lewat. Kami masuk kuliah pun lambat.” “Sekarang sudah jam 4.40 petang, esok sajalah saya taip surat ini”

Biasa. Itu rungutan pelajar dan bicara pekerja di kampus kita (tanpa prejudis). Dasarnya sama. Tentang pengurusan masa.

Saya pernah ditanya oleh salah seorang panel penemu duga semasa memohon jawatan di kampus kita. Beliau maklum, saya graduan yang lahir dari Negara Matahari Terbit. Soalnya berbentuk provokasi.

Katanya, bangsa Melayu tidak boleh berjaya mengikut disiplin yang ada dalam diri bangsa Jepun. Kalaupun berjaya menjadi seorang yang menepati masa, selalunya selepas setahun dua kembali menginjak tanah air semula, segala-galanya hilang belaka. Bermukimlah “Jam Melayu” semula. Saya tertawa ketika soalan itu habis ditanya.

Saya menerima pengajaran mahal bagaimana mengurus masa semasa di sana. Paling mudah bagaimana mahu mengurus perjalanan untuk ke kuliah. Biasa bagi kami pelajar Malaysia berbasikal dari rumah sewa ke stesen kereta api. Kemudian, menaiki densha (keretapi elektrik) ke stesen universiti.

Selepas itu berjalan kaki mendaki bukit kecil bertangga batu ke Dewan Kuliah. Awal pengajian, saya selalu kalah untuk sampai tepat jam 8.30 pagi ketika kuliah bermula. Saya sengaja memilih universiti yang terletak di luar bandar.

Jadi, kereta api ke universiti tidak sekerap di bandar. Kalau terlepas kereta api waktu tertentu, maka saya terpaksa menunggu 45 minit untuk menaiki kereta api berikutnya. Itu belum ditambah lagi dengan pertukaran musim.

Musim dingin sangat sukar. Basikal terpaksa direhatkan Kena keluar awal pagi berjalan kaki ke stesen kereta api, kerana perjalanan terganggu dek tebalnya liputan salji.

Pelajar kita sering merungut bas lewat dan penuh sesak. Saya selalu memerhatikan pelajar mula mengasak menaiki bas selepas jam 7.30 pagi. Bagaimana mahu sempat sampai ke kuliah jam 8 pagi?


Segelintir tenaga kerja kita pula menanggukkan kerja meskipun masa bertugas masih ada, sedangkan esok pasti kerja baharu menambah tugas sedia ada.

Saya menjawab panel penemuduga dengan jawapan pengalaman di atas. Itu hanya satu daripada ratusan pengalaman saya tentang masa. Bertitik tolak dari itu, baharulah saya mengerti mengapa masa menjadi begitu penting kepada masyarakat maju seperti mereka.

Ia benar-benar memberikan impak positif dalam mendisiplinkan saya hingga ke hari ini. Rutin tugas harian, seperti kita maklum, tidak akan habis sampai bila-bila. Tetapi, seboleh mungkin saya akan pastikan fail di tray masuk saya pada hari tersebut kosong semula, sebaik mesin kad perakam waktu berbunyi menandakan waktu bekerja tamat jam lima.

Kita hidup berkejar dengan masa. Masa tidak akan menunggu kita. Kitalah sebagai manusia yang diberi akal oleh Tuhan, memanipulasi masa untuk dipergunakan sebaiknya. Ironisnya masa bagi kebanyakan orang kita selalunya dipandang ringan dan enteng. Anda bagaimana? - Abdul Atan Din

Silap faham loghat Sarawak



TANGGAL 12 April 2005 merupakan satu kenangan manis yang tidak dapat aku lupakan, buat pertama kalinya aku menjejaskan kakiku di Bumi Kenyalang. Pada mulanya, sangkaan aku Bumi Kenyalang merupakan salah satu tempat yang tidak membangun tapi sangkaan-ku meleset sama sekali.

Masih kedengaran lagi keriuhan kanak-kanak dan keriuhan penduduk kampung menyambut rombongan para peserta program bakti siswa dari UPM. Bunyi paluan kompang masih hangat kedengaran di telingaku, aku merasakan seperti bermimpi tapi itulah sebenarnya realiti yang aku alami.

Seramai 67 peserta dari UPM ditempatkan di Kampung Meranek, Semarahan

Aktiviti yang tidak dapat aku lupakan adalah sewaktu aku melawat ke Kampung Budaya. Selama aku hidup 22 tahun aku tidak pernah melihat lelaki hensem hanya memakai cawat. Aku siap bergambar lagi untuk disimpan sebagai kenangan.

bagi menjayakan Program Bakti Siswa di kampusng tersebut. Walaupun terdapat perbezaan budaya dan adat resam tapi aku melihat rakan-rakanku yang lain dapat menyesuaikan diri dengan suasana yang tidak di jangka sama sekali.

Sewaktu aku di sana aku dapat mempelajari serba sedikit budaya masyarakat Sarawak dan melihat pertunjukan kebudayaan secara 'live' dari belia Kampung Meranek merupakan saat yang menyeronokkan.

Hubungan kami dengan keluarga angkat amat rapat dan mesra, sehinggakan aku menjadikan rumah keluarga

angkatku seperti rumah aku sendiri. Walaupun terdapat sedikit masalah bahasa, tetapi aku tidak mengalami masalah untuk menyesuaikan diri.

"Kitak orang sangat baik, sik lawa..." kata seorang makcik di kampung itu. Pada mulanya salah seorang rakanku agak 'blur' kerana tersalah faham maksud yang ingin disampaikan oleh makcik tersebut.

Rupa-rupanya apa yang cuba disampaikan oleh makcik itu ialah "Awak semua sangat baik, tak sombong..." Apa lagi, legalah hati rakan-ku itu yang pada sangkaannya makcik itu mengata-

kan dia tidak cantik.

Aku merasakan amat beruntung sekali mendapat keluarga angkat yang amat menyayangi diriku seperti keluarga mereka sendiri. Tidak dapat dibayangkan, Ibu angkatku hampir-hampir menjodohkan aku dengan anaknya tapi apakah daya, hatiku sudah dimiliki.

Namun begitu, hubungan kami tetap terjalin mesra, walaupun hajat ibu angkatku tidak kesampaian.

Aktiviti yang tidak dapat aku lupakan adalah sewaktu aku melawat ke Kampung Budaya. Selama aku hidup 22 tahun aku tidak pernah melihat lelaki hensem hanya

memakai cawat. Aku siap bergambar lagi untuk disimpan sebagai kenangan.

Di situ, aku dapat melihat pelbagai jenis rumah yang didiami oleh pelbagai kaum di Sarawak dan aku dapat mencuba pelbagai jenis permainan tradisional Sarawak.

Setiap pertemuan mesti adanya perpisahan, itulah lumrah alam yang terpaksa ditempuhi setiap insan. Aku tidak dapat menahan sebak sewaktu aku ingin melangkah kaki meninggalkan Kampung Meranek yang banyak meninggalkan kenangan manis.

Aku masih mendamba-

kan kasih sayang dan senyum keramahan keluarga angkatku serta warga Kampung Meranek. Namun apakah dayaku aku harus pergi untuk meneruskan perjuanganku sebagai seorang pelajar.

Jika diberi peluang ingin sekali aku kembali ke Kampung Meranek yang penuh dengan nostalgia. Tapi yang pastinya, aku tidak akan datang bersendirian. Pada waktu itu aku akan membawa keluarga dan suamiku kerana bimbang ibu angkatku masih menaruh harapan untuk menjadikan aku sebagai menantunya. -Eerza

Mariam graduan cemerlang program Eksekutif FEP 2005

BANGI - Berpegang kepada prinsip cemerlang dalam setiap perkara yang dilakukan dan bersikap cemburu kepada kejayaan orang lain menjadi azimat kejayaan kepada Mariam Salleh, Pelajar Terbaik Akademik Bachelo Perakaunan Program Eksekutif, Fakulti Ekonomi dan Pengurusan, Universiti Putra Malaysia (UPM).

"Kejayaan yang dicapai tidak datang dengan mudah. Bayangkan dalam satu masa banyak tanggungjawab perlu ditunaikan terutama keluarga dan kerjaya. Semuanya memerlukan usaha, semangat dan pengorbanan.

Oleh: SHARIL NIZAM SHA'RI
Foto: Ahmad Fua'ad Alwi

"Segalas-galanya yang dihadapi hanya tuhan sahaja yang tahu", katanya ketika ditemui wartawan *Tribun Putra* selepas Majlis Malam Graduan Program Eksekutif FEP 2005 di Hotel Equatorial, dekat sini.

Beliau bertugas sebagai Pegawai Kewangan, di Pejabat Bendahari UPM amat gemar berbincang, mudah didekati dan sedia berkongsi pengetahuan turut membantu kejayaan mencapai tiga kali anugerah dekan sepanjang pengajiannya.

Menurutnya lagi, segala yang dipelajari merupakan teori dan dapat dipraktikkan dalam kerjanya. Sikapnya yang tegas menghadapi masalah sepanjang belajar untuk memburu kejayaan ternyata boleh dijadikan ikutan oleh orang lain.

Majlis Malam Graduan Program Eksekutif FEP 2005 diadakan bagi meraikan kesemua graduan program eksekutif Bachelo Perakaunan dan Bachelo Pentadbiran Perniagaan dengan kerjasama Akademi Malaysian Airlines System (MAS) yang tamat menerima ijazah sempena Majlis Konvokesyen UPM ke-29 (Sidang Pertama).

Raja Adenan Raja Ibrahim diumumkan sebagai Pelajar Terbaik Akademik Bachelo Pentadbiran Perniagaan dan Azman Ahmad dipilih sebagai pemenang Pelajar Terbaik Keseluruhan Bachelo Pentadbiran Perniagaan.

Kesemua hadiah disampaikan oleh Dekan FEP, Prof. Madya Zainal Abidin Kidam dengan diiringi Ketua unit Program


Eksekutif, Dr Suhaila Abdul Jalil. Turut hadir, Timbalan Naib Canselor (Pembangunan), Prof. Dr. Nik Mustapha R. Abdullah, Pengarah Pusat Perkhidmatan Kerjaya dan Alumni UPM, Prof. Madya Dr Rohani Ibrahim, Penolong Pengurus Besar, MAS Akademi dan para pensyarah.

Majlis tersebut turut meraikan beberapa anugerah sampingan untuk para pelajarannya. Lima anugerah tersebut, Anugerah Perpustakaan diberikan kepada Fatimah Omar, Anugerah 100 meter Lari Berpagar (Chong), Anugerah Kubu Paling Kuat (Jayathi), Anugerah Spanar Jaya (Gan), Anugerah Saluran Ceria Anda (Mohd Ali Jai) dan Anugerah Pakaian Terbaik (Syaiful Zaman Jaafar dan Jayathi).

Dr Suhaila Abdul Jalil berkata, program eksekutif semakin menempa kejayaan. Pada tahun lalu, seorang graduannya berjaya mencapai himpunan nilai purata gred 4.00 dan pada tahun ini seramai empat orang berjaya mencapai kelas pertama.

TEMPIAS

oleh: Ady



Mariam (kiri) menerima anugerah pelajar terbaik program eksekutif FEP dalam Majlis Malam Graduan.



Pelajar baru pasca siswazah membaca ikrar di majlis bertempat di Panggung Percubaan baru-baru ini.

Kerjasama lahirkan m'siswa berkualiti

SERDANG (25 Jul) – Naib Canselor, Profesor Datuk Dr Mohd Zohadie Bardaie berkata untuk melahirkan mahasiswa atau graduan yang berkualiti dan berdaya saing tidak semudah seperti yang difikirkan, malah usaha ini memerlukan komitmen dan kerja keras semua pihak.

Menurut beliau sistem pembelajaran di UPM membawa konsep di mana berlakunya latihan minda yang dapat membina pemikiran kreatif dan inovatif agar pelajar dapat melihat sesuatu perkara dari pelbagai aspek dan seterusnya dapat membuat keputusan yang tepat untuk manfaat semua.

Beliau berkata demikian sewaktu berucap di Majlis Ikrar Pelajar Siswazah semester pertama 2005/2006 bertempat di Panggung Percubaan baru-baru ini. Dalam majlis tersebut seramai 727 berjaya melanjutkan pengaji-

Oleh: LEELAWATI SUBRAMANI
(Pelatih FBMK)

Foto: Ahmad Fua'ad Alwi

an di peringkat Master dan Ph.D. Turut hadir pada majlis tersebut Timbalan Naib Canselor (Pembangunan), Prof Dr. Nik Mustapha Raja Abdullah, Timbalan Naib Canselor (HEP), Prof. Madya Dr. Azali Mohamed, Dekan Sekolah Pengajian Siswazah, Prof. Dr. Aini Ideris dan Dekan Sekolah Pengajian Siswazah Pengurusan, Prof. Madya Dr. Arfah Salleh.

Seterusnya, Mohd Zohadie menjelaskan bahawa UPM mendapat keutamaan penyelidikan yang lebih tinggi di bawah *Intensification of Research in Priority Area* (IRPA) berbanding dengan universiti lain.

Sehingga 2004, UPM telah menerima RM167 juta melalui IRPA yang diperuntukkan di bawah Rangka Rancangan Malaysia

ke-8, dan ini dijangkakan akan meningkat pada masa akan datang. Tidak dapat dinafikan bahawa peruntukkan yang besar ini membuahkan hasil yang boleh dibanggakan.

Selain itu, beliau juga berkata "UPM bukan sahaja memberi ilmu pengetahuan tetapi juga mengembangkan potensi pelajar supaya bukan sahaja menjadi graduan yang berkeinginan dan mampu untuk terus maju malah dapat melihat dan menciptakan peluang yang ada untuk mencapai kejayaan di dunia globalisasi ini".

Pada akhir ucapannya, beliau berpesan kepada seluruh warga UPM supaya menghayati dan melaksanakan wawasan dan misi UPM dan memberi komitmen, daya usaha dan ketekunan yang tinggi semua warga UPM bagi merealisasikan wawasan UPM sebagai universiti bertaraf dunia.



Nur Ashikin menerima trofi johan pidato Bahasa Jerman daripada Duta Jerman.

Johan Pidato Bahasa Jerman milik peserta muda

SERDANG (17 Sept) - Nur Ashikin Mohammed Thajudin terus membuktikan kehebatan dengan muncul sebagai johan keseluruhan menewaskan 30 peserta dalam Pertandingan Pidato Bahasa Jerman kali ketiga.

Program anjuran Jabatan Bahasa Asing, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia, mendapat sambutan di luar jangkaan baru-baru ini.

Nur Ashikin yang berumur 13 tahun, pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Bukit Jambul, Pulau Pinang berjaya mengalahkan para peserta yang lebih dewasa dan turut menjadi johan pemedato peringkat pertengahan.

"Saya sungguh tidak sangka untuk menang pada tahun ini. Persaingan sungguh hebat. Setelah diumumkan sebagai pemenang dua johan tersebut, saya masih tidak percaya. Sehingga, salah seorang hakim memberitahu

bahawa sebutan dan pemilihan perkataan yang saya sampaikan adalah tepat, fasih dan lancar," katanya ketika dihubungi wartawan.

Pada tahun lalu, beliau adalah johan kategori permulaan. Katanya, dia mulai membuat persiapan pada bulan April lalu. Ini kerana peringkat pertengahan lebih sukar dan memerlukan penguasaan bahasa yang tinggi pada tahun ini.

Berdasarkan rekod, dia juga mencatat sejarah sebagai pemedato termuda johan keseluruhan pidato bahasa Jerman di Malaysia.

Seramai 30 peserta yang bertanding terdiri pelajar dan siswazah sekolah-sekolah dan institusi pengajian tinggi tempatan. Antaranya, penuntut UiTM, UPM, UTM, Institute of Diplomacy and Foreign Relations Kuala Lumpur, Sek. Men. Sains Tunku Jaafar, Negeri Sembilan dan Goethe-Institute Kuala Lumpur.

Ternyata, syarahan yang bertajuk kepentingan air yang disampaikan dalam bahasa Jerman memberi buah kepadanya untuk membawa pulang piala pusingan, telefon bimbit keluaran terbaru Siemens, tiket penerbangan pergi dan balik ke Bangkok dan hadiah cenderahati dari syarikat Jerman di Malaysia.

Menurut Ashikin, kejayaan yang sungguh bernilai ini hasil daripada usaha gigihnya dan tunjuk ajar daripada seorang guru bahasa Jerman, Cikgu Marion Urbanski, di Pertubuhan Malaysia Jerman di Pulau Pinang.

80 ahli PALAPES UPM terima tauliah

SHAH ALAM – Seramai 80 kadet PALAPES Universiti Putra Malaysia (UPM) berjaya menerima pentauliahian sempena Istiadat pentauliahian dan Perbarisan Diraja Pegawai Kadet Pasukan Latihan Pegawai Simpanan (PALAPES) ke-24 di Universiti Teknologi MARA (UiTM) Shah Alam, baru-baru ini.

Daripada jumlah itu Ab. Ha-

mid Ismail diumumkan sebagai Pegawai Kadet Terbaik pada kali ini.

Sempena majlis tersebut, seramai 815 ahli PALAPES dari sembilan IPTA menerima pentauliahian. Ia melibatkan 80 kadet UPM, 110 (UM), 80 (UKM), 80 (UPM), 146 (UiTM), 97 (USM), 104 (UUM), 89 (UTM), 74 (UMS) dan 35 (UNIMAS).

Semua pegawai kadet itu di-

tauliahkan ke dalam Rejimen Askar Wataniah, Pasukan Simpanan Sukarela TLDM dan Pasukan Simpanan TUDM dengan pangkat Leftenan Muda. Program PALAPES di IPTA ditubuhkan 1980 dan berjaya melahirkan seramai 3,419 pegawai kadet bertauliah.

Majlis Pentauliahian yang berlangsung dengan penuh adat istiadat disempurnakan oleh

Yang Di-Pertuan Agong, Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail. Turut hadir, Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah, Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Dr. Mohamad Khir Toyo, Panglima Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Laksamana Tan Sri Mohd Anwar Mohd Nor dan Naib Canselor UiTM, Prof. Datuk Seri Ibrahim Abu Shah.

UPM diharap majukan pertanian -Menteri

Oleh: LEELAWATI SUBRAMANI (Pelatih FBMK)
 Foto: Ahmad Fua'ad Alwi

SERDANG (29 Julai) - Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Dr Shafie Mohd Salleh berkata keputusan kerajaan menjadikan Universiti Putra Malaysia (UPM) sebagai Pusat Kecemerlangan Pendidikan Pertanian Negara menandakan harapan yang besar telah diletakkan ke atas bahu UPM untuk mentransformasikan sektor pertanian sebagai sektor yang menjana pendapatan tinggi kepada negara.

"Sehubungan dengan itu, kementerian telah meluluskan 'inisiatif agrobio' dengan menaruh harapan UPM akan terus melagang usaha dan mengoptimalkan penggunaan kepakaran, teknologi dan ilmu pengetahuan dalam bidang AgroBio."

"Harapan kerajaan juga untuk melihat UPM menjadi pemain utama dalam merencanakan hala tuju dan kemajuan sektor pertanian menerusi aktiviti pengajaran, penyelidikan dan perkhidmatan profesional," tambahnya lagi.

Menurutnya, Pusat Pembangunan Usahawan Tani UPM pula menolong kerajaan mengatasi masalah pengangguran di kalangan



Datuk Mohd Yahya melepaskan burung sebagai tanda perasmian Ekspo Konvokesyen UPM di Bukit Ekspo baru-baru ini.

siswazah, pada masa yang sama menggilap potensi mahasiswa dalam bidang pertanian untuk menjadi usahawan tani moden yang berjaya.

Selain itu beliau juga berkata penubuhan entiti-entiti seperti Institut Makanan Halal, Pusat Kajian Strategik dan Inovasi Makanan membantu kerajaan untuk meningkatkan pengeluaran pertanian dan makanan negara, membangunkan produk baharu menerusi sumber biodiversiti negara di samping menjadikan Malaysia sebagai pusat pengeluaran, pemprosesan dan pembungkusan makanan di peringkat antarabangsa.

Teks ucapan beliau dibacakan Ketua Setiausaha Kementerian Pengajian Tinggi, Datuk Mohd Yahya Nordin yang mewakilinya dalam Majlis Perasmian Ekspo Konvokesyen UPM bertempat di Bukit Ekspo baru-baru ini.

Turut hadir pada majlis perasmian itu ialah Naib Canselor, Dato' Dr. Ir. Mohd. Zohadie Bardaie, Ketua Taman Pertanian, Abdul Ghani Hashim dan pegawai utama universiti.

952 pelajar baru PJJ mendaftar

SERDANG (17 Jun) - Bagi menepati tuntutan belajar sepanjang hayat, seramai 952 pelajar baru mendaftar untuk mengikuti Pendidikan Jarak Jauh (PJJ) sesi 2005/2006 di Pusat Pendidikan Luar Universiti Putra Malaysia (UPM) baru-baru ini.

840 daripada jumlah tersebut mengikuti tujuh program Bachelor yang ditawarkan iaitu, Bachelor Sastera (Bahasa Inggeris), Sastera (Bahasa dan Linguistik Melayu), Pentadbiran Perniagaan, Komunikasi, Pendidikan (Pengajaran Bahasa Inggeris Sebagai Bahasa pertama), Sains Pembangunan Sumber Manusia dan Sains Pembangunan Manusia.

Jumlah ini meliputi hanya dari Semenanjung Malaysia dan belajar di pusat-pusat pembelajaran berdekatan yang dilantik oleh UPM.

KOMITMEN

Seterusnya, baki 112 pelajar lagi mengikuti program Master. Kali ini UPM menawarkan program Master Sastera (Bahasa Melayu), Komunikasi Korporat, Pembangunan Sumber Manusia dan Pendidikan (Pengajaran Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Pertama). Kesemua penuntut perlu hadir ke UPM Serdang bagi mengikuti kuliah secara bersemuka.

Menurut Pengarah PPL, Prof. Dr Abdul Aziz Saharee "Pihak universiti mengagumi semangat anda semua untuk mengikuti PJJ di UPM yang pastinya memerlukan komitmen yang tinggi bagi memajukan diri dan menambahkan ilmu pengetahuan."

Beliau berkata demikian semasa berucap dalam majlis perasmian dan bacaan ikrar pelajar baru semester pertama 2005/2006.

Menurutnya lagi, disiplin dalam diri faktor penting untuk menjadi pelajar PJJ kerana kebanyakannya adalah bekerja dan hidup berkeuarga. Beliau turut mengingatkan tiada jalan mudah untuk beroleh kejayaan.



Pada peserta bergambar beramai-ramai selepas majlis penutup di FRIM. Duduk di tengah, Prof. Thomas B. Randrup dan Prof. Dr William M. Fountain.

Akademi Hutan Hujan anjur kursus Arborist

SERDANG (24 Jun) - Seramai 27 peserta mewakili agensi kerajaan dan swasta berjaya menjadi ahli arborist profesional setelah mengikuti kelas selama sebulan dan menduduki ujian khas anjuran bersama Akademi Hutan Hujan (AHH) Universiti Putra Malaysia (UPM), Fakulti Perhutanan UPM, Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), Dewan Bandaraya

Kuala Lumpur dan DANIDA (Denmark-Malaysia Twinning Project on Urban Forestry).

Kursus persijilan yang julung kali dianjurkan di Malaysia dan kali kedua di Asia Tenggara ini turut dijayakan pakar arborist yang ditauliahkan oleh International Society of Arboriculture (ISA).

Seramai tiga orang penceramah dijemput iaitu Prof. Dr William M. Fountain dari

Universiti Kentucky, USA, Prof. Thomas B. Randrup dari Pusat Hutan dan Landskap, Denmark, dan K. Ganesan dari Taman Negara Singapura.

Penyampaian sijil disempurnakan dalam satu majlis penutup program di Institut Penyelidikan Hutan Malaysia (FRIM) oleh Timbalan Ketua Setiausaha I, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato' Suboh Mohd Yassin.

Objektif utama program



Prof. Dr William M. Fountain menerangkan sesuatu mengenai penjagaan pokok dan anatomi pokok semasa melawat beberapa pokok di sekitar ibu kota.

ini untuk meningkatkan kompetensi kakitangan yang terlibat dalam industri penjagaan pokok. Selain itu, ia juga untuk mewujudkan satu medium untuk kakitangan terbabit mengembangkan tahap profesionalisme mereka.

Akhir sekali program ini digariskan untuk menyediakan pakar dalam bidang arborist yang bertauliah bagi menyumbang ilmu dan bakti kepada masyarakat.

Pengarah Akademi Hutan Hujan, Prof. Dr Mohd Shahwahid Othman, menegaskan penganjuran program ini adalah untuk menyahut seruan kerajaan ke arah "Negara Taman" (Garden Nation).

Ia juga sebagai ransangan awal kepada Akademi Hutan Hujan untuk memulakan langkah dalam projek jangka panjang antara Kerajaan Malaysia dengan Kerajaan Denmark.



39 m'siswa UPMKB daki Kinabalu

M'siswa UPMKB terpilih ikuti Ekspedisi Mulu 2005

BINTULU - Seramai 39 orang Mahasiswa Universiti Putra Malaysia Kampus Bintulu menyertai Program Jalinan Borneo Putra Puncak Kinabalu.

Program ini telah dijalankan selama 6 hari iaitu bermula pada 10 April 2005 sehingga 15 April 2005 di bawah anjuran Kursus Kepimpinan Pelajar (QKP 011). Ia bertujuan untuk menyemai serta melatih bakat-bakat kepimpinan di kalangan peserta.

Melalui program ini, para peserta di-

terapkan aspek-aspek seperti kerja berkumpulan, membuat keputusan, perhubungan antara ahli dan pihak luar serta nilai-nilai murni lain seperti kesabaran, ketabahan, dan saling hormat-menghormati antara satu sama lain.

Program ini juga berjaya memperlihatkan tentang kebesaran dan keagungan ciptaan Allah s.w.t. seperti bukit-bukau dan gunung-ganang serta kedudukan kita yang kerdil sebagai hambanya.

BINTULU - "Program tersebut amat menyeronokkan dan menyuntik semangat kepada kami berdua untuk membuat aktiviti susulan yang melibatkan lebih ramai mahasiswa UPMKB pada masa akan datang" ujar Mohd Shahrani, peserta Universiti Putra Malaysia Kampus Bintulu (UPMKB) yang dipilih menyertai Program Ekspedisi Mulu 2005.

Program tersebut melibatkan semua IPTA dan IPTS di Sarawak. Ia diadakan pada 9 April 2005 hingga 15 April 2005 dan dianjurkan oleh Kementerian Pembangunan

Sosial dan Urbanisasi Sarawak (KPSU).

Objektif program ini adalah untuk mendedahkan golongan mahasiswa tentang aspek sosial dan kemasyarakatan. Selain dapat menjalinkan hubungan dua hala di kalangan IPTA/IPTS lain, mahasiswa juga didedahkan tentang hidup bermasyarakat seperti aktiviti bergotong-royong dengan masyarakat tempatan di sekitar perjalanan ke Mulu.

Program ini juga mendedahkan peserta dengan aktiviti-aktiviti lasak seperti *junggle tracking* dan mendaki gunung.



50 m'siswa UPMKB sertai Kursus BTN

BINTULU: Seramai 50 orang mahasiswa Universiti Putra Malaysia Kampus Bintulu (UPMKB) telah menyertai Kursus Biro Tatanegara (BTN) di Mukah Resort, Mukah pada 17 April 2005 hingga 20 April 2005.

Kursus yang melibatkan mahasiswa IPTA/IPTS di Zon Utara ini telah dianjurkan oleh Biro Tatanegara Cawangan Sarawak dan kebanyakan peserta yang terlibat adalah mahasiswa tahun akhir.

Kursus ini bertujuan untuk menyemai sikap cintakan Negara dan semangat nasionalisme di kalangan peserta. Melalui kursus ini juga, para peserta mengambil kesempatan untuk berkenalan dan beramah-mesra dengan peserta daripada IPTA/IPTS lain.

UPMKB promosi program di Kem PLKN

UNIVERSITI Putra Malaysia Kampus Bintulu (UPMKB) berpeluang menyertai Hari Peluang Latihan dan Pendidikan di Kem PLKN siri 2/2005 di seluruh Negeri Sarawak.

Program ini adalah anjuran Sekretariat Tetap Pembangunan Sumber Manusia Lepas Sekolah di Unit Pembangunan Sumber Manusia dan Kualiti di Jabatan Ketua Menteri.

Tujuan utama program tersebut diadakan untuk menyebarkan maklumat tentang peluang-peluang latihan, pendidikan dan pembangunan sumber manusia kepada lepasan sekolah di Negeri Sarawak.

Unit Promosi Fakulti telah menyertai program tersebut di Kem Junaco Park Sibul (21 Mei 2005), Kem Bukit Saban Betong (23 Mei 2005), Kem Miri Sungai Rait (21 Mei 2005) dan Kem Similajau Bintulu (23 Mei 2005).

Hampir 1,600 pelatih PLKN menghadiri hari peluang latihan tersebut di kem-kem yang telah



ditetapkan. Aktiviti ini membuka ruang kepada UPMKB memberi penerangan mengenai program pengajian yang ditawarkan.

Secara tidak langsung program ini dapat menyediakan maklumat berkesan kepada masyarakat

mengenai peranan UPMKB di Negeri Sarawak. Pegawai UPMKB yang menyertai program ini terdiri daripada Dr. Seca Gandaseca, En. Mohamad Nasir Hassan, Cik Nalini Arumugam dan Cik Nor Diana Mohd Idris.

UPM destinasi Pesona Nona

SERDANG (6 Ogos)-Krew uji bakat 'Pesona Nona' TV 3 berkampung di Universiti Putra Malaysia (UPM) bagi mencari bakat baru dalam bidang pengacaraan. Kali ini UPM menjadi destinasi untuk menggilap personaliti yang bakal menyaingi nama besar seperti Normala Samsuddin, Azizah Ariffin dan Norjuma Habib Mohamad yang menghiasi skrin Nona setiap hari minggu.

Menurut pihak penerbitan Nona, UPM menjadi pilihan kerana universiti ini adalah salah satu Institut Pengajian Tinggi Awam yang mempunyai fakulti berkaitan bidang komunikasi massa.

Wakil produksi rancangan 'NONA' Farah Nadia Che Norudin berkata 'Pesona Nona' adalah nama baru menggantikan 'Pengacara Jemputan Nona' (PJN) yang suatu ketika dahulu memang terkenal melahirkan pengacara wanita yang berwibawa.

Katanya, dengan adanya tema baru ini, ianya memberi nafas baru pada pencarian pengacara jemputan bagi program ini.

Dengan penukaran tema nama kali ini adalah sejajar dengan kredibiliti yang dikehendaki oleh pi-

Oleh: NOOR ESZEREEN JUFERI
Foto: Ahmad Fua'ad Alwi

hak pengurusan TV3 yang mencari pengacara yang bukan hanya cantik dari segi personalitinya, juga 'cantik' dari segi kriteria pengurusan iaitu berpendidikan, petah berbahasa Inggeris dan berbahasa Melayu serta masih muda.

Sebelum ini, uji bakat ini terbuka kepada orang ramai, tetapi pada kali ini, ianya terbuka kepada para graduan dan pelajar universiti. Kata Nadia, "Kami mencari pelapis, kerana itulah kami meletakkan *limit* pada umur dan kriteria tersebut. Kualiti dan kebijaksanaan adalah diutamakan pada uji bakat musim ini."

Pesona Nona adalah sebahagian daripada aktiviti bagi projek ulang tahun Nona yang ke-20. Uji bakat Pesona Nona telah dijalankan di Institut Pengajian Awam dan juga swasta, di antaranya adalah di Sunway Universiti College, Universiti Teknologi MARA (UiTM), Institut Teknologi Tun Abdul Razak (ITTAR), Universiti Sains Malaysia (USM) dan Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS).



Salah seorang peserta menunjukkan bakat dalam pencarian Pesona Nona TV3 yang diadakan di Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi.

Mentorship latih bakal graduan UPM

SERDANG (27 Jul) - Tidak dapat dinafikan lagi graduan masa kini terpaksa menghadapi pelbagai cabaran dan persaingan dalam pemilihan pekerjaan. Melihatkan senario ini, Pusat Perkhidmatan Kerjaya dan Alumni (PPKA) dengan kerjasama Persatuan Alumni UPM mengambil inisiatif untuk menganjurkan Program Mentorship bermula semester ini.

Program yang bertujuan membantu pelajar dalam pelajaran dan pemilihan peluang pekerjaan ini berlangsung dua minggu sekali bermula dari 15 Julai sehingga 26 Ogos, baru-baru ini. Program tersebut akan disambung dimasa-masa akan datang.

Pensyarah-pensyarah dan alumni dari dalam dan luar UPM memainkan peranan sebagai mentor dalam program ini.

Secara umumnya, Mentoring ialah hubungan antara seorang pemuda dengan dewasa dimana dewasa tersebut menawarkan sokongan dan panduan apabila pemuda tersebut mengharungi jangka-masa yang susah melangkah ke arena baru dalam pengalaman atau menjadi teladan



Peserta program Mentorship mendengar taklimat yang disampaikan Dr. Rohani.

untuk memperbetulkan kesalahannya pada peringkat awal lagi.

Menurut Pengarah PPKA, Prof. Madya Dr Rohani Ibrahim, program ini adalah salah satu khidmat UPM kepada bakal graduan dalam usaha menjalani diskusi bersama alumni untuk menerokai kerjaya masing-masing.

Pada masa yang sama, pelajar pula berpeluang me-

nerima nasihat dan cadangan daripada mentor mengikut realiti masa kini.

"Pada asasnya program ini merupakan aktiviti minum petang yang menyediakan platform interaksi kepada pelajar UPM untuk berkongsi pengalaman dan pencapaian bersama Alumni tanpa dikenakan sebarang bayaran," ujarnya lagi.

Program yang berlangsung pada hari pertama men-

dapat sambutan yang menggalakkan di mana 40 pelajar menyertainya di bawah kendalian 15 mentor.

Diharapkan usaha positif seperti ini menjadi kaedah yang bersesuaian dengan peranan universiti sebagai pusat pendidikan berterusan ke arah merintis jalan untuk meneroka ilmu dalam perbagai bidang bagi menangkis ancaman globalisasi.

Syarifah beri motivasi rahsia capai kejayaan

SERDANG (6 Julai) - "Maruah dan tanggungjawab menjadi azimat saya untuk terus berjuang sehingga berjaya menawan Kutub Antartika. Amanah ini saya pikul dengan penuh tenaga saya," kata Dato' Paduka Sharifah Mazlina Syed Abdul Kadir.

Perkara ini dinyatakan wanita Asia pertama yang berjaya merentasi Benua Antartika secara solo dengan kaedah 'Ski Sailing' sewaktu berucap dalam majlis Jejak Kegekilangan Alumni sempena Minggu Perkasa Putra baru-baru ini.

Menurutnya lagi, selama ini semua orang menyatakan masa itu emas, tetapi sepanjang membawa misi negara di Antartika masa itu 'nyawa' pada dirinya. Ini kerana setiap masa, perancangan dan pencapaian diri perlu dinilai bagi memastikan matlamat dicapai.

Bukan sekadar hanya berserah kepada takdir. Semuanya memerlukan usaha dan kegigihan.

Kesempatan dua jam bersama mahasiswa baharu sesi 2005/2006, memberi peluang kepadanya untuk berkongsi pengalaman dan menanam semangat kecekalan

yang tinggi di kalangan mahasiswa untuk berjaya.

Sesi dialog yang penuh dengan pengalaman peribadi ini amat berkesan dan dapat menyuntik kesedaran mahasiswa baharu untuk memburu kejayaan serta memberi keyakinan setiap usaha dan komitmen yang tinggi pasti akan membuahkan hasil.

Kesudian Dato' Paduka Sharifah Mazlina hadir ke UPM berkongsi kejayaannya adalah suatu kebanggaan kepada UPM kerana beliau adalah alumni UPM yang berjaya mencipta nama di peringkat antarabangsa.

Di akhir sesi tersebut, beliau mengingatkan agar semua mahasiswa baharu tidak leka dengan kejayaan terpilih memasuki universiti, sebaliknya terus memacu usaha dan tenaga untuk berjaya dengan cemerlang apabila bergraduat nanti.

"Ini kerana semua orang tahu anda berjaya terpilih belajar di UPM. Sekiranya anda gagal orang akan sibuk mengatakan kegagalan anda. Sekiranya anda berjaya, orang akan tumpang berbangga dengan anda," katanya mengakhiri ucapannya.

UPM lancar kempen budi bahasa

SERDANG, 4 Julai – Kempen Budi Bahasa dan Nilai-nilai Murni yang sering diwar-warkan oleh kerajaan disambut baik oleh Universiti Putra Malaysia (UPM). Ini terbukti apabila UPM mengambil inisiatif untuk melaksanakannya di Kampus Hijau ini.

Majlis pelancaran kempen tersebut berlangsung di Pusat Kebudayaan dan Kesenian Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah baru-baru ini. Pelancaran disempurnakan oleh Menteri Kebudayaan, Kesenian, dan Warisan, Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim.

Kempen ini berlangsung selaras dengan program Pengambilan Pelajar Baharu Semester Pertama 2005/2006 bagi memenuhi matlamat sebenar kempen

Oleh:
WAN NOR AZIRA MAZLAN

ini. Maka daripada peringkat awal lagi para pelajar baharu ini akan didedahkan kepada nilai-nilai murni supaya dapat mereka praktikkan, bukan sahaja ketika di kampus, tetapi juga sebagai bekalan dalam diri mereka kelak.

Namun program ini tidak hanya disasarkan kepada para pelajar baharu sahaja, tetapi ia turut melibatkan pelajar senior dan juga kakitangan UPM.

Oleh itu, sebanyak 6,000 kit budi bahasa diedarkan kepada para pelajar dan kakitangan. Kit tersebut mengandungi poster, buku, lencana, pelekat serta kaset lagu tema nyanyian Siti Nurhaliza.

Naib Canselor dipetik seba-

gai berkata, rasional kempen ini bagi penuntut baru adalah kerana menyedari terdapat segelintir yang sudah mengeneipkan budaya dan adat resam ketimuran, mengamalkan cara hidup yang kasar dan tidak berbahasa dalam berbicara.

Program ini juga bermatlamat untuk membudayakan amalan berbudi bahasa demi melahirkan individu yang memiliki jati diri positif, berfikiran luas dan bertanggungjawab.

Selain itu pelbagai aktiviti menarik dilaksanakan bagi merencanakan kempen. Antaranya ialah Pertandingan Debat Budi Bahasa, pengedaran poster, kain rentang, dan kempen senyum pada semua.



Dr. Rais (tengah) bersama Dr. Mohd Zohadie dan Dr. Rosli memotong kek pelancaran kempen nilai-nilai murni dan berbudi bahasa.

Kempen ini berlangsung selaras dengan program Pengambilan Pelajar Baharu Semester Pertama 2005/2006 bagi memenuhi matlamat sebenar kempen ini. Maka daripada peringkat awal lagi para pelajar baharu ini akan didedahkan kepada nilai-nilai murni supaya dapat mereka praktikkan, bukan sahaja ketika di kampus, tetapi juga sebagai bekalan dalam diri mereka kelak.

UPM, DBP anjur seminar bahasa

SERDANG – ‘Seminar Linguistik dan Bahasa Melayu 1’ anjuran Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi (FBMK) dengan kerjasama Bahagian Majalah, Dewan Bahasa Pustaka (DBP) berjaya diadakan dengan tema ‘Penyelidikan Bahasa dan Sumbangan Majalah dalam Penyebaran Hasil Penyelidikan Bahasa’.

Sebanyak 25 kertas

kerja dibentangkan dalam seminar sehari itu yang dihadiri kira-kira 100 orang sarjana, guru dan penggiat bahasa.

Terdapat tiga objektif utama seminar ini dianjurkan, mendedahkan hasil penyelidikan bahasa dan linguistik Melayu dalam tempoh sepuluh tahun ini, membincangkan sumbangan majalah dalam penyebaran maklumat peneli-

dikan bahasa dan linguistik Melayu dan meningkatkan penyelidikan bahasa dan linguistik Melayu dengan lebih terancang serta bersifat merentas disiplin ilmu.

Ketua Pengarah DBP menyatakan perasaan senang hatinya dengan hubungan kerjasama antara UPM dan DBP sebagai strategi ke arah memartabatkan bahasa Melayu. Teks ucapan beliau disam-

paikan oleh Pengarah Jabatan Sastera, Abd. Rahman Mohd. Yusof.

Diharapkan seminar ini menjadi landasan untuk penerokaan maklumat tentang keupayaan dan kemampuan bahasa dan linguistik Melayu yang dapat memberi sumbangan ke arah memperkasa fungsi dan peranannya sebagai wahana peneguh tamadun bangsa.

M'siswa baharu tanam 7,000 pokok

SERDANG (9 Julai) – Sebagai satu-satunya universiti yang indah dikelilingi flora yang subur menghijau, Universiti Putra Malaysia (UPM) mengadakan program ‘Kampus Indah Pelajar Gemilang’ sebagai usaha mencintai alam sekitar dan persekitaran yang menarik.

Sebanyak 7,000 anak pokok ditanam oleh setiap mahasiswa baharu UPM sebagai satu sesi pendedahan terhadap kecintaan kepada alam sekitar dengan cara menanam sendiri pokok sambil mendekati alam tumbuhan.

Program yang mewajibkan setiap mahasiswa baharu menanam sebatang pokok menjadi amalan UPM

sempena Minggu Perkasa Putra. Ia dianjurkan Taman Pertanian Universiti (TPU) dengan kerjasama Bahagian Hal Ehwal Mahasiswa.

Majlis pelancaran ‘Hari Kampus Indah Pelajar Gemilang’ disempurnakan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar), Prof. Madya Dr. Azali Mohamed dengan menanam Pokok Kembang Semangkok (*scaphium linearicarpum*) di Kolam Baru Dua, Bukit Ekspo.

Antara pokok yang terpilih untuk ditanam oleh mahasiswa ialah bunga raya berwarna putih, kuning, merah jambu, jingga dan merah, *Ixora Sunkist*, serta buah-buahan nadi.

Difahamkan pokok-

pokok tersebut ditanam mengikut landskap di setiap kawasan dan diberikan label nama penanamnya di batang pokok tersebut. Teknik penanaman yang betul juga diterangkan terlebih dahulu oleh para pegawai TPU yang bertugas.

Pengarah TPU, Abdul Ghani Hashim berkata aktiviti menanam pokok ini melibatkan kawasan pejabat utama TPU, sekitar kebun bunga, kawasan ERL dan Kawasan Satelit Bumi Time, Ladang Pastura dan Aboratum, Unit Ekuin, Kompleks Agroteknologi, dan kawasan hidupan liar.

“Aktiviti mesra alam ini dapat meningkatkan keharmonian persekitaran kam-

pus, mengekal dan meningkatkan suasana keceriaan serta kehijauan kampus. Ini kerana, pokok-pokok yang ditanam berfungsi sebagai penutup bumi, hiasan landskap, pemuliharaan, sulaman dan menukar jenis pokok.

Di UPM, Taman Pertanian Universiti bertanggungjawab mentadbir hampir 600 hektar kawasan pertanian kampus Serdang dan ladang Puchong yang jaraknya kira-kiranya lima kilometer daripada kampus induk. Pembangunan kawasan menjurus kepada keperluan pengajaran dan penyelidikan serta diseimbangkan dengan keperluan riadah dan rekreasi.

Berita ringkas

Dogs show off skills and trendy outfits

SOME were happily chasing after new friends. Some were hiding in corners, while others looked lost. Whatever their expressions and reactions, there were no doubt that the dogs and their masters enjoyed themselves at the Dogathon 2005 held recently at Bukit Ekspo, Universiti Putra Malaysia.

(The Star 18 Ogos 2005)

Anak Felda yang berjaya mesti ‘turun padang’ membantu-Hentikan budaya ‘subsidi’

BUDAYA terlalu mengharapkan bantuan, memandang remeh kepentingan masa depan anak-anak akan kegagalan dan membentuk asas institusi kekeluargaan di kalangan peneroka dikenal pasti menjadi faktor utama peningkatan masalah sosial di tanah-tanah rancangan Felda. Perkara ini didedahkan Dekan Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia, Prof Dr Rozumah Baharudin.

(Kosmo 21 Ogos 2005)

Empat penyelidik UPM cipta alat penapis jerebu


JEREBU yang sering melanda negara, mencetuskan idea empat penyelidik Universiti Putra Malaysia mencipta alat bagi mendapatkan udara bersih dikenali *Cheap Portable Do-It-Yourself (DIY) clean Air Device for Haze*.

(Berita Harian 25 Ogos 2005)

Kaktus ros Khasiat perubatan tinggi

DI KALANGAN masyarakat Cina, pokok bunga kaktus ros atau nama saintifiknya *Pereskia bleo* adalah antara spesies pokok herba yang menjadi pilihan sebagai penghias taman. Melihat kepada kelebihan pokok ini dari segi perubatan tradisional, sekumpulan penyelidik dari Jabatan Sel dan Biologi Molekul, Fakulti Sains Bioteknologi dan Biomolekul Universiti Putra Malaysia (UPM) menjalankan kajian bagi membuktikannya secara saintifik.

(Utusan Malaysia 29 Ogos 2005)



Naib Canselor menyampaikan anugerah kepada pelajar cemerlang Fakulti Bioteknologi dan Sains Biomolekul.



Pelajar menyaksikan pameran penyelidikan sempena Hari Terbuka Biotech baru-baru ini.

Biotech sambut ulang tahun pertama

SERDANG (4 Ogos) – Fakulti Bioteknologi dan Sains Biomolekul (Biotech), Universiti Putra Malaysia (UPM) meraikan sambutan ulang tahun penubuhannya yang pertama dengan pelbagai aktiviti menarik.

Antara aktiviti yang menarik perhatian warga kampus ialah Hari Terbuka Biotech 2005 yang diadakan selama enam hari menyaksikan sambutan hangat di kalangan warga fakulti dan masyarakat kampus.

Program yang berlangsung ini disusun rapi dengan pelbagai aktiviti yang memberi peluang kepada mahasiswa mengambil bahagian dalam pameran dan forum kerjaya serta mengenali dengan lebih dekat lagi Fakulti Biotech yang giat membangun ini.

Majlis perasmian program ini berlangsung pada 4 Ogos dan dirasmikan oleh Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Dr. Shafie Mohd Salleh.

“Mahasiswa perlu sentiasa bersaing antara satu sama lain untuk menjadi yang terbaik antara yang terbaik dalam era globalisasi hari ini yang amat sengit,” kata Shafei dalam ucapan perasmian tersebut.

Oleh : **LEELAWATI SUBRAMANI**
(Pelatih FBMK)

Foto : **Ihsan Fakulti Biotech**

Teks ucapan beliau dibacakan oleh Timbalan Ketua Setiausaha Pembangunan, Dato’ Dr Zulkefli A.Hassan yang mewakilinya dalam majlis yang diadakan diperkarangan bangunan makmal fakulti itu baru-baru ini.

“Di samping cemerlang dalam pendidikan, aktiviti luaran juga adalah nilai-nilai tambah atau added-value dalam diri mahasiswa yang membolehkan mereka menjadi marketable malah rebutan di pasaran pekerjaan kelak,” katanya lagi.

Sementara itu, Dekan Biotech, Prof. Dr. Abu Bakar Salleh menyatakan bahawa BioTech UPM komited untuk menjadi pusat latihan dan percambahan penyelidikan bioteknologi yang cemerlang serta bergiat dalam pelbagai bidang penyelidikan bioteknologi yang berfokus kepada agrobioteknologi dan bioteknologi industri.

“Kaedah terkini seperti biologi molekul, kejuruteraan gen, bioinformatik dan kultur tisu tumbuhan, telah menjadi kaedah rutin pe-



Pertandingan fesyen 'pakaian kertas surat khabar' menghiasi aktiviti hari terbuka Biotech.

nyelidikan di BioTech UPM dan kami menggalakkan perkongsian pintar dengan sektor swasta bagi menaik taraf nilai penyelidikan UPM,” katanya.

Pada majlis yang sama Biotech menyempatkan hadiah dan penghargaan kepada mahasiswa cemerlang dalam pencapaian akademik di fakulti.

Rahsia Hanafi, pelajar cemerlang PJJ

SERDANG, 24 SEPTEMBER- “Jangan mengecilkan kemampuan diri sendiri sebagai alasan tidak mendapatkan ilmu” kata Pengarah Biro Tata Negara Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur Hanafi Harun.

Beliau berkata demikian semasa berucap setelah dinobatkan graduan terbaik dalam program Master Sains (Pembangunan Sumber Manusia) Universiti Putra Malaysia (UPM) melalui Pendidikan Jarak Jauh. Beliau berjaya memperoleh Purata Nilai Gred Kumulatif 4.000.

Hanafi menerima sijil penghargaan dan hadiah iringan sempena Malam Sumbangan, Pengorbanan dan Simpati (SPS) kali ke-12 di Pusat Pendidikan Luar, baru-baru ini. Majlis tersebut bertujuan meraikan graduan dan keluarga yang mengikuti program PJJ seluruh Malaysia.

Kata Hanafi lagi, masalah kewangan dan kesibukan dalam kerjaya bukannya alasan untuk tidak meneruskan pengajian ke peringkat lebih tinggi. Bagi beliau, untuk berjaya seseorang

individu itu seharusnya berfikir terbuka dan rasional bukan mengikut emosi.

Menurutnya, kerana kesusahan dan kedaifan hidup yang berlaku pada tahun 70-an memberikan keinsafan pada dirinya, setelah melihat keadaan ibunya yang bertungkus lumus mencari nafkah untuk menyara keluarga.

Azimat kejayaan beliau bermula dengan inisiatif bekas Ketua Pengarah Biro Tata Negara, Datuk Nordin Kardi, yang menggalakkan staf-staf BTN untuk melanjutkan pengajian ke peringkat yang tinggi, sejajar dengan saranan kerajaan iaitu pendidikan sepanjang hayat dan juga selaras dengan prinsip BTN yang mementingkan pendidikan.

Apabila bertanyakan teknik pembelajaran, beliau berkata, perlu menguatkan diri untuk melakukan ulang kaji pada waktu lewat malam dan ada kalanya sehingga ke subuh untuk menyiapkan tugas yang diberi oleh pensyarah.

Selain itu, beliau juga berjumpa dengan pensyarah di UPM dan juga pensyarah daripada

universiti tempatan yang lain.

“Sebarang topik yang saya kurang faham, saya pasti akan berhubung terus dengan pensyarah, bukan sahaja ke pejabat mereka, malah di mana sahaja saya boleh berjumpa dan berdiskusi bersama pensyarah berkenaan,” tambahnya lagi berkongsi rahsia.

Beliau juga mengatakan ketika belajar sebagai pelajar seharusnya merendahkan diri dan lupakan status. Jangan kerana kita berjawatan tinggi kita ego kerana keberkatan ilmu itu akan berkurangan.

Pelbagai dugaan dan halangan ditempuh sepanjang belajar di UPM. Antaranya, beliau terlanggar *devider* di Putrajaya mengakibatkan rim tayar keretanya bengkok setelah hanya satu jam sahaja tidur dalam perjalanan ke konvensyen anjuran BTN, disebabkan perlu membuat dua tugas serentak iaitu tugas rasmi dan kertas kerja PJJ yang perlu disiapkan pada tarikh yang sama.

Berita ringkas

Empat penyelidik UPM cipta alat penapis jerebu

JEREBU yang sering melanda negara, mencetuskan idea empat penyelidik Universiti Putra Malaysia mencipta alat bagi mendapatkan udara bersih dikenali Cheap Portable Do-It-Yourself (DIY) clean Air Device for Haze.

(Berita Harian 25 Ogos 2005)

UPM menang sembilan anugerah

UNIVERSITI Putra Malaysia menggondol sembilan anugerah pada Pameran Bioteknologi Asia 2005 di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) pada 16 hingga 18 Ogos lalu.

(Kosmo 25 Ogos 2005)

Seminar kaunseling UPM

...lahirkan individu cemerlang yang lebih bersyukur

Oleh: LEELAWATI SUBRAMANI
(Pelatih FBMK)
Foto: Ahmad Fua'ad Alwi

SERDANG (15 Ogos) – Unit Bimbingan dan Kaunseling (UBK) Universiti Putra Malaysia (UPM) sentiasa berusaha menganjurkan pelbagai program untuk melahirkan individu cemerlang yang lebih bersyukur dan bahagia dalam segala usaha yang dilakukan.

Ini juga selaras dengan falsafah universal kaunseling iaitu 'menolong individu yang mempunyai halangan psikologi supaya kembali berkembang dan hidup berkesan dalam semua keadaan'.

Program terbaru iaitu Seminar Menginstitusikan Kaunseling di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) Peringkat Kebangsaan yang berlangsung di Panggung Percubaan baru-baru ini berjaya menarik minat pengamal kaunseling di negara ini.

Kumpulan sasaran seminar ini ialah pengamal kaunseling dari institusi pengajian tinggi awam, swasta dan sekolah, pegawai akademik, pensyarah kursus Bimbingan dan Kaunseling, pengurusan universiti, mahasiswa dan lain-lain individu yang berminat.

Ucapan perasmian dan ucapan utama seminar ini diberikan oleh Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, Dato' Fu Ah Kiow yang mewakili Menteri Pengajian Tinggi.

Turut hadir pada seminar tersebut ialah Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti, Tan Sri Dato' Seri Dr. Zainul Ariff Hussain dan Naib Canselor UPM, Prof. Dato' Dr Ir Mohd Zohaidie Bardaie serta pegawai utama universiti.

"Perkhidmatan bimbingan dan kaunseling adalah suatu usaha menanam dan menyuburkan nilai, sikap dan kemahiran dalam perkembangan individu yang sejajar dengan



Dr. Mohd Zohaidie menyampaikan cenderamata kepada Dato' Fu Ah Kiow selepas perasmian seminar kaunseling.

cita-cita murni yang sering dicanangkan untuk menjadi negara maju menjelang tahun 2020 mengikut acuan sendiri," kata Shafie dalam ucapannya.

Seterusnya, beliau juga menyatakan bahawa unit kaunseling di setiap IPT yang menjadi pemudah cara bagi individu yang tidak mampu berfikir secara objektif dalam menyelesaikan masalah, perlu dipertingkatkan peranan masing-masing serta memperluas pengalaman dan pengetahuan kaunselor dalam pelbagai bidang kerjaya untuk memudahkan mereka membantu pelajar.

Seminar ini juga menyusun pelbagai aktiviti menarik seperti sesi perkongsian pengalaman, pembentangan kertas kerja dan akhirnya forum bertajuk 'Menginstitusikan Perkhidmatan Kaunseling dan Kerjaya di IPT'. "Setelah menghadiri seminar ini saya dan rakan sekerja saya dapat menghayati manfaatnya dan mengumpul maklumat berkenaan menginstitusikan kaunseling yang boleh dikongsi bersama dengan kaunselor-kaunselor lain bila balik nanti", kata Norma Hassan yang bekerja sebagai Penolong Pendaftar di Universiti Tenaga Nasional.

Seminar keusahawanan, bioteknologi tingkatkan pengeluaran orkid

SERDANG (29 Sept) – Malaysia mempunyai satu kelebihan iaitu iklim yang sesuai untuk ditanam dengan pelbagai jenis orkid sama ada hybrid tempatan ataupun asing dalam bentuk ladang yang luas.

Melihat kepada perkembangan ini, Hexagon Green Sdn. Bhd bersama Fakulti Pertanian, Universiti Putra Malaysia dan International Society for Southeast Asian Agricultural Science (ISSAAS) menganjurkan seminar Bioteknologi dalam pengeluaran orkid secara komersial.

Seminar ini adalah khusus bagi melahirkan usahawan dan pengusaha tanaman orkid secara komersial. Ia melibatkan beberapa elemen penting termasuk keusahawanan dan pengurusan perniagaan ladang.

Seminar yang julung kali diadakan ini bertujuan untuk mempromosi dan mendedahkan bioteknologi terkini bagi pengeluaran orkid menggunakan teknik kultur tisu serta memperkenalkan kepada usahawan tempatan perniagaan bunga orkid secara komersial.

Seminar ini juga merangkumi pembentangan kertas kerja meliputi aspek bioteknologi, kultur tisu, pengalaman peladang komersial, pemasaran, pembangunan usahawan, peluang dan khidmat kewangan dan program usahawan tani.

Ia dirasmikan oleh Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Dato' Mohamed Khaled Nordin. Turut hadir ialah Naib Canselor UPM, Prof Dr Mohd. Zohaidie Bardaie, Pengarah Hexagon Green, Dr Md Yusof Husin, dan Dekan Fakulti Pertanian, Prof. Dr. Mohd. Khanif Yusop.

Khaled yang buat pertama kalinya menghadiri majlis yang berkaitan secara langsung dengan keusahawanan pertanian menyatakan keyakinannya dalam kemajuan industri bunga orkid.

Katanya, jika negara kita bersungguh-sungguh dalam industri ini (bunga orkid) iaitu dalam bentuk perladangan kita boleh mengeluarkan dan mengeksport 10 kali ganda bunga orkid dalam masa yang singkat jika bermula dari sekarang.

"Kementerian saya juga sedang berusaha untuk melahirkan seberapa banyak program inkubator secara lebih strategik kerana mempunyai kelebihan dari segi pakej perkhidmatan sama ada program, latihan, bantuan dan pembiayaan kerana sokongan yang dapat kita tawarkan daripada agensi-agensi di bawah kita termasuklah koperasi dan juga bank-bank," ujar beliau dalam ucapannya.

Pada masa yang sama, seminar ini juga mendapat sambutan yang hangat dari pelbagai pihak baik individu mahupun agensi kerajaan dan swasta termasuk dari Sarawak, Labuan dan Sabah.

Menurut Yusof Husin seminar ini adalah langkah pertama dalam misi syarikatnya untuk menubuhkan jaringan pembekal dan nurseri anak benih orkid yang terpilih dan bermutu tinggi.

Berbakti kepada anak yatim

KUALA LUMPUR (27 Ogos) – Seramai 60 anak yatim Asrama Darul Falah (ASDAF) Changkat Persekutuan, Bukit Persekutuan mengikuti program Motivasi Anak-Anak Yatim, anjuran para pelajar Bachelour Komunikasi, Pendidikan Jarak Jauh, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, UPM.

Program selama dua hari tersebut bertujuan untuk menyediakan anak-anak yatim ini ke arah motivasi diri secara lebih berkesan serta memberi peluang kepada anak-anak yatim ini bersemuka dengan masyarakat setempat dengan sistem dan cara yang lebih terancang.

Pengarah projek, Halim Khamis berkata, tema 'Masih Ada Yang Sesuai' dipilih bertepatan dengan tujuan program agar anak-anak yatim ini menyedari betapa masyarakat masih memberi perhatian dan menyayangi mereka seperti kanak-kanak lain. Khususnya, dalam bidang pendidikan dan kehidupan sosial.

"Kami memilih ASDAF kerana ia adalah sebuah pusat penjagaan pelajar-pelajar yatim dalam golongan fakir miskin yang terdiri daripada anak-anak orang asli dari seluruh Malaysia. Seterusnya, dapat menjadi



pelengkap kepada teori-teori yang dipelajari dan dibincangkan dalam kuliah," katanya lagi.

Program tersebut dirasmikan oleh Ketua Pengarah Dewan Bandaraya Kuala Lum-

pur, Salleh Yusop dan diatur dengan aktiviti ceramah, latihan dalam kumpulan dan permainan-permainan yang membuka minda serta menjana kreativiti otak mereka.



Fasilitator yang terdiri daripada pelajar PJJ UPM membimbing anak-anak yatim meningkatkan motivasi diri.



Nor Aliemarina Ibrahim

Gun Hwei Sue

Siti Nuraziat Cheknooh

Cha Yen Ling

Prabu Balakrisnan

TANGGAL 31 OGOS 1957...tarikh keramat buat seluruh rakyat Malaysia. Dari si kecil sehinggalah dewasa semua menyambutnya dengan penuh makna. Apakah erti kemerdekaan sebenarnya? Kemerdekaan adalah sesuatu yang subjektif dan pastinya setiap individu mempunyai pendapat dan pandangan yang berlainan. Masing-masing ada jawapan dan pandangan mengikut perspektif sendiri.

Adakah generasi muda benar-benar dapat menghayati erti kemerdekaan? Adakah usaha kerajaan untuk menerapkan semangat kenegaraan dan patriotisme dengan memberi galakan kepada warganegara Malaysia untuk menghayati erti kemerdekaan akan membuahkan hasil? Wartawan Leelawati Subramani (Pelatih FBMK) dan jurugambar Ahmad Fua'ad Alwi melihat apa kata mahasiswa UPM....

M'siswa tafsir erti merdeka

"SEBENARNYA kemerdekaan itu secara umumnya adalah kebebasan. Sekarang ini kita bukan sahaja bebas daripada hakikat kehidupan sekarang malah kita bebas dari segi kuasa pemikiran kita, negara tidak dijajah lagi oleh kuasa luar dan bebas untuk memberi pendapat kita..."

"SEBENARNYA kemerdekaan itu secara umumnya adalah kebebasan. Sekarang ini kita bukan sahaja bebas daripada hakikat kehidupan sekarang malah kita bebas dari segi kuasa pemikiran kita, negara tidak dijajah lagi oleh kuasa luar dan bebas untuk memberi pendapat kita. Saya menunjukkan semangat kemerdekaan melalui melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti yang dianjurkan oleh pihak universiti serta menyertai sambutan kemerdekaan, kawat dan sebagainya."

"Kali ini masuk tahun keempat saya mengikuti sambutan Hari Kemerdekaan di UPM dan pada pendapat saya sambutan di sini memang meriah. Yang paling dinantikan ialah masa nak tunggu detik countdown yang dibuat di Dataran Putra. Sebelum datang ke UPM saya menyambut Kemerdekaan di Temerloh, Pahang tetapi sambutan di sana bukan semeriah di UPM."

Nor Aliemarina Ibrahim -Bacelor Pendidikan Bimbingan

dan Kaunseling, Fakulti Pengajian Pendidikan.

"KEMERDEKAAN adalah kebebasan dari segi tingkah laku dan memajukan diri ke arah yang lebih baik. Kita perlu menunjukkan semangat kemerdekaan dari dalam diri kita sendiri. Sebagai langkah pertama kita perlu mereka diri kita supaya tidak terikut dengan budaya-budaya barat yang songsang yang menyebabkan kemerdekaan negara kita tergugat."

"Semasa sambutan kemerdekaan setiap kolej akan menghantar wakil dan kami menyaksikan lintas langsung dari Bintulu sambil membuat cheers. Ini adalah salah satu cara UPM membangkitkan semangat kemerdekaan dalam diri setiap mahasiswa. Kalau tidak buat apa-apa kita tidak boleh rasakan kemerdekaan itu. Sebagai umat Islam saya berpendapat pihak universiti perlu adakan aktiviti lain seperti Majlis Bacaan Yasin atau Solat Hajat selepas countdown. Saya lihat aktiviti kemerdekaan di kolej kediaman kurang pada

tahun ini. Oleh kita UPM perlu berusaha untuk meningkatkan kesedaran di kolej dulu."

Siti Nuraziat Cheknooh -Diploma Pembangunan Manusia, Fakulti Ekologi Manusia.

"BAGI saya kemerdekaan adalah kebebasan untuk buat perkara yang saya inginkan tanpa kongkongan sesiapa. Di negara ini setiap individu mempunyai hak masing-masing untuk menganuti agama dan bebas bersuara tanpa berasa takut selagi tidak menyentuh perkara-perkara sensitif. Saya sering membaca artikel berkenaan kemerdekaan dan menyertai peraduan-peraduan yang bertemakan kemerdekaan selain mengibarkan Jalur Gemilang untuk menunjukkan semangat kemerdekaan dalam diri saya."

Gun Hwei Sue -Bacelor Sains Teknologi Makanan, Fakulti Sains Teknologi Makanan.

"SELEPAS merdeka kita bebas melakukan segala apa aktiviti yang kita hendak selagi tidak bercanggah dengan undang-undang Malaysia. Setiap perkara yang kita melibatkan diri ada satu tahapnya. Biasanya saya menyambut Hari Kemerdekaan di Putra Jaya dan saya tidak pernah menghadiri sambutan kemerdekaan di UPM sebab saya rasa tidak banyak aktiviti menarik diadakan di sini. Sambutan di sini juga sangat kurang dipromosikan kepada mahasiswa UPM."

Cha Yen Ling -Bacelor Sains Pengajian Makanan, Fakulti Sains dan Teknologi Makanan.

"KEMERDEKAAN adalah kebebasan yang ada tahapnya tersendiri. Rasanya tidak cukup dengan mengibarkan Jalur Gemilang sahaja. Apa yang sepatutnya dilakukan oleh setiap warga Malaysia dan mahasiswa UPM adalah berusaha bersama memba-

ngunkan negara agar setanding dengan negara-negara maju yang lain."

"Kita hendaklah mencontohi negara maju yang lain seperti Jepun di mana rakyatnya menerapkan semangat kenegaraan dan patriotisme di dalam diri mereka dan kita boleh lihat sendiri negara mereka adalah salah sebuah kuasa besar di dalam bidang teknologi dan ekonomi di dunia. Selain itu, kita juga perlu menghormati tokoh-tokoh Malaysia dan menghargai jasa mereka. Saya juga berasa bangga menjadi anak Malaysia serta berasa selesa hidup di negara yang rakyatnya terdiri daripada pelbagai kaum."

Vishvamalar Sirosagee -Bacelor Sastera Bahasa dan Linguistik Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi.

"MERDEKA ialah kita keluar dari satu jajahan kepada satu jajahan yang le-

bih baik. Ia adalah salah satu perjuangan yang menyatukan semua kaum untuk mencapai satu matlamat. Saya selalunya menantikan saat-saat di mana lagu-lagu patriotik dinyanyikan. Saya bukan mengatakan patriotisme itu hanya boleh dihayati melalui lagu-lagu patriotik tetapi lagu ini merupakan salah satu aspek yang meninggalkan impak yang berkesan dalam diri setiap warga Malaysia. Selain countdown dan persembahan pada Hari Kemerdekaan, pihak universiti perlu anjurkan perarakan mahasiswa dari setiap kolej dan persatuan perlu untuk mencungkil bakat dan meningkatkan lagi semangat pelajar."

Prabu Balakrisnan -Bacelor Sains Komputer Multimedia, Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat.

Salam kemerdekaan dan Selamat Menyambut Hari Merdeka untuk semua warga UPM.

Sikap punca kelemahan mahasiswa bumiputera

SEJAK dua tiga bulan yang lepas, masyarakat Malaysia telah dihidangkan dengan satu lagi isu dan masalah yang berkaitan dengan pelajar Bumiputra. Kelemahan pelajar Bumiputra untuk menguasai Bahasa Inggeris dengan baik telah menjadi isu yang hangat dibincangkan oleh semua pihak samada di peringkat Kementerian ataupun oleh agensi-agensi lain di negara ini.

Andaian-andaian yang telah dibuat merumuskan bahawa kelemahan menguasai Bahasa Inggeris telah menyebabkan sebilangan besar pelajar Bumiputra gagal untuk menunjukkan prestasi akademik yang cemerlang jika dibandingkan dengan pencapaian akademik kaum-kaum lain di negara ini.

Justeru itu, pihak kerajaan telah mengambil inisiatif untuk memastikan pelajar Bumiputra ini mahir dan boleh berkomunikasi di dalam bahasa tersebut. Sebagai langkah permulaan, pihak kerajaan telah mewajibkan mata pelajaran Sains dan Matematik diajar di dalam Bahasa Inggeris bermula diperingkat sekolah rendah mulai tahun hadapan.

Pihak kerajaan mengharapkan agar usaha yang sedemikian akan dapat membantu para pelajar Bumiputra untuk menguasai Bahasa Inggeris dengan lebih baik lagi, seterusnya mampu bersaing dengan rakan-rakan mereka yang lain ke arah kecemerlangan akademik.

Sebagai pensyarah di institusi pengajian tinggi, saya merasakan langkah dan inisiatif yang telah diambil oleh kerajaan ini merupakan langkah yang amat tepat dan sewajarnya telah lama dijalankan. Usaha sebegini perlu dijalankan untuk membantu pelajar Bumiputra cemerlang di dalam bahasa tersebut seterusnya dapat membantu mereka cemerlang di dalam akademik masing-masing.

Walaupun bagaimanapun, pepatah Arab ada mengatakan bahawa, kita hanya mampu untuk membawa unta ke air, tetapi kita tidak boleh memaksa unta itu untuk minum air. Keadaan yang sama juga boleh di aplikasikan kepada pelajar Bumiputra. Pihak kerajaan dan agensi-agensi lain yang terlibat, hanya mampu menolong dengan menyediakan pelbagai-bagai kemudahan untuk

“Sebenarnya kelemahan dan kemunduran prestasi akademik pelajar Bumiputera ini bukanlah disebabkan daripada kelemahan Bahasa Inggeris sebagai punca utamanya. Sikap dan personaliti pelajar itu sendiri yang menjadi penyebab utama mengapa dan kenapa pelajar Bumiputra lemah di dalam pencapaian akademik mereka...”

Oleh:
DR. MOHD SHATAR SABRAN

kecemerlangan akademik mereka.

Namun sekiranya pelajar Bumiputra sendiri memilih untuk tidak mahu cemerlang, segala usaha murni daripada semua pihak termasuklah pihak kerajaan tidak akan mendatangkan apa-apa kesan dan faedah, malah semua itu akan menjadi satu pembaziran yang besar.

Oleh yang demikian, kita amat mengharapkan agar pelajar Bumiputra ini menghargai setiap usaha dan inisiatif yang dibuat oleh semua pihak untuk membantu mereka memperolehi kecemerlangan di dalam bidang akademik masing-masing. Lakukan dengan sebaik mungkin setiap apa yang telah dirancang untuk mereka.

BUMIPUTERA

Saya mempunyai keyakinan yang penuh sekiranya pelajar Bumiputra sanggup untuk berusaha dengan tekun dan gigih, mereka bukan sahaja boleh berjaya dengan baik, malah boleh memperolehi kejayaan yang jauh lebih cemerlang daripada rakan-rakan mereka daripada kaum yang lain.

Sebenarnya kelemahan dan kemunduran prestasi akademik pelajar Bumiputra ini bukanlah disebabkan daripada

kelemahan Bahasa Inggeris sebagai punca utamanya. Sikap dan personaliti pelajar itu sendiri yang menjadi penyebab utama mengapa dan kenapa pelajar Bumiputra lemah di dalam pencapaian akademik mereka.

Sekiranya pelajar Bumiputra bersedia untuk mengubah sikap ke arah yang lebih positif dan bermotivasi, nescaya kejayaan demi kejayaan akan menghujani hidup mereka meskipun pihak kerajaan tidak mengadakan itu dan ini untuk kemudahan mereka.

Sejarah pencapaian cemerlang pelajar Bumiputra telah membuktikan bahawa sikap dan keyakinan diri merupakan elemen utama untuk berjaya. Walaupun hidup di dalam serba kekurangan dan kemudahan persekolahan yang tidak lengkap, namun pelajar Bumiputra yang terdahulu mampu untuk mencapai kejayaan akademik yang cemerlang.

Yang Berhormat Dato' Seri Perdana Menteri kita merupakan individu yang boleh kita jadikan contoh di dalam soal ini. Meskipun pada ketika itu tidak banyak kemudahan pembelajaran disediakan kepada Dato Seri sepertimana yang telah diberikan kepada pelajar bumiputra pada hari ini, namun berkat usaha gigih dan bersungguh-sungguh, Dato Seri telah berjaya memperolehi kejayaan yang cemerlang di dalam akademik beliau.

Apa yang ingin saya

katakan di sini ialah, pelajar Bumiputra sebenarnya hebat, bijak dan boleh cemerlang TETAPI sikap dan personaliti yang buruk seperti malas, sikap sambil leka dan tak kisah dengan apa yang berlaku, menyebabkan mereka tertinggal ke belakang. Sebenarnya, pelajar Bumiputra mampu dan boleh melakukan apa sahaja dengan cemerlang.

MOTIVASI

Kalau kita bercakap mengenai Bahasa Inggeris, pelajar Bumiputra sebenarnya boleh cemerlang dalam bahasa tersebut sekiranya mereka mahu melakukannya. Apa yang menjadi masalahnya sekarang ialah pelajar Bumiputra tidak mahu untuk melakukannya untuk kecemerlangan sendiri.

Keadaan ini sama seperti pepatah Arab yang telah disebutkan sebelum ini. Kita hanya mampu menyediakan kemudahan untuk tujuan pencapaian cemerlang, tetapi kita tidak boleh memaksa pelajar tersebut untuk menggunakan semua kemudahan itu sekiranya mereka sendiri tidak mahu menggunakannya.

Saya amat mengharapkan agar pelajar Bumiputra pada hari sedar dan segera bangun dari tidur atau mimpi mereka sebelum terlambat. Kalau nasi sudah menjadi bubur semua kesal tidak ada gunanya lagi. Pelajar Bumiputra harus yakin dan percaya bahawa mereka

juga mampu melakukan apa sahaja seperti mana pelajar dari kaum yang lain. Persoalannya hanyalah mahu atau tidak sahaja.

Melalui atikel pada bulan ini, saya ingin berkongsi dengan seluruh pelajar Bumiputra mengenai langkah-langkah yang perlu diambil oleh setiap pelajar Bumiputra agar kejayaan yang cemerlang akan menyebelahi diri mereka.

1. Semaikan semangat ingin berjaya di dalam diri masing-masing. Semangat ini amat penting kerana ia mampu untuk memberikan motivasi yang tinggi kepada setiap pelajar untuk berjaya. Sekiranya para pelajar menyedari semangat tersebut kian pudar, maka fikirkanlah apa yang akan berlaku kepada diri anda 10 tahun yang akan datang sekiranya anda gagal untuk mencemerlangkan diri anda. Adakah anda sanggup untuk menjadi orang suruhan ditanah air sendiri? Saya pasti anda pasti tidak menyukai keadaan yang sedemikian daripada berlaku. Jesteru itu, pastikan diri anda sentiasa mempunyai semangat untuk memajukan dan mencemerlangkan diri anda dalam semua perkara.

2. Pilihlah rakan sebaya yang mampu untuk membantu diri kita ke arah kecemerlangan. Rakan sebaya yang sebegini akan sentiasa

memperingatkan diri kita dan sentiasa memberi semangat untuk sama-sama memajukan diri. Teguran ikhlas akan diberikan sekiranya didapati diri kita mulai meyimpang daripada tujuan asal untuk berjaya.


3. Ingatlah harapan dan impian ibubapa yang sentiasa mengharapkan kejayaan dan kecemerlangan kita. Jangan sekali-kali kita menghampakan impian mereka ini. Oleh yang demikian, kita harus berusaha dengan sebaik mungkin tanpa mengenal erti jemu untuk mencapai kejayaan.

Moga-moga apa yang dikongsikan bersama pada bulan ini akan memberikan sedikit panduan dan pengajaran kepada kita semua. Apa yang lebih penting, para pelajar Bumiputra haruslah memastikan segala pengajaran dan panduan ini dilaksanakan dan dijadikan amalan harian.

Sekiranya panduan dan pengajaran yang diberikan ini hanya sekadar dijadikan bahan bacaan semata-mata, nescaya ianya tidak akan mendatangkan apa-apa kesan yang positif. INGATLAH, sekiranya pelajar Bumiputra mahu cemerlang, formula berikut perlulah diamalkan:

Niat + Kesanggupan = Kejayaan.

Moga kita semua akan beroleh kejayaan yang cemerlang.



Menulis Satu Ibadah - Kamariah

Oleh: ZAINAL ABDUL KADIR
Foto: Ahmad Fua'ad Alwi

Nama Kamariah Kamaruddin (Gambar) muncul di persada sastera tanah air di sekitar penghujung tahun 1990. Sehingga kini telah menghasilkan lima buah novel dan beberapa buah cerpen.

Biarpun hampir 26 tahun beliau secara berterusan menimba ilmu sejak di sekolah rendah hingga selesai menamatkan ijazah doktor falsafah baru-baru ini, kesungguhan Kamariah menjadi seorang penulis telah tersemat di kalbunya.

"Saya sedang mengusahakan novel 'Mencari Kamil', dalam perancangan dan periklanan sebanyak 60 bab yang meliputi latar Semenanjung Tanah Arab, Timur Tengah, Asia Tenggara yang bertolak daripada pengalaman, pembacaan dan pergaulan," beritahu Kamariah mengenai karya terbaharu beliau.

Terpana penulis mendengarnya. Penyerah di Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia (UPM) sejak 2000 ini begitu bersemangat berbicara.

Setelah menghasilkan *Takdir Bukan Hukuman* (Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), 1992), *Tiada Noktah Kasih* (DBP, 1996), *Tanda Sebuah Kurnia* (Creative Enterprise (CE), 1998), *Sebuah Syakirah* (CE, 2001) dan *Kau yang Kusayang* (CE, 2004), kemahuan Kamariah menulis terus membara.

Anak kelahiran Kemaman, Terengganu ini berpengalaman menjadi wartawan dan guru sebelum berhijrah ke UPM. Pernah mendapat bimbingan daripada sasterawan tanah air iaitu Ali Majod, allahyarham Abdullah Tahir, Sasterawan Negara S. Othman Kelantan dan allahyarham Dr. Othman Puteh.

Tokoh-tokoh inilah yang merangsang Kamariah untuk terus menulis dan menulis di samping ayah beliau yang banyak membakar semangat supaya dapat menghasilkan karya yang bermanfaat kepada pembaca.

Menyentuh karya-karya yang dihasilkan, Kamariah menekankan pokok utama dalam berkarya iaitu mementingkan nilai kebaik-

an (al-Khayr), kebenaran (al-Haqq) dan keindahan (al-Jamal). Justeru, beliau agak terkilan dengan sikap penulis yang tidak bertanggungjawab dalam penulisan.

"Saya agak terganggu dengan karya yang bersifat 'popular' dan bersifat 'picisan'. Karya ini tidak mementingkan nilai sastera. Karya sebegini seharusnya dielakkan khlayak membacanya dan disarankan penulis agar tidak menulis.

Saya menganggap kerja penulisan merupakan kerja yang menuntut dua hala iaitu 'habl min Allah' (hubungan dengan Allah Taala) dan 'habl Al-Nas' (hubungan dengan manusia). Kepada penulis yang pernah menghasilkan karya sebegini, saya berharap mereka melakukan *islah* (perubahan atau perbaikan) dalam diri dan kehidupan demi memartabatkan kesusasteraan Melayu agar lebih berhemah dan bermaruah," ujar Kamariah dengan wajah bersungguh-sungguh.

Justeru, beliau menggalakkan mahasiswa (khususnya mahasiswa UPM) menjadi-

kan kaedah 'menelaah', 'mentafsir', 'memahami', 'menganalisis' dan 'mengaplikasi' sumber-sumber-



ber yang akan dijadikan bahan untuk menulis agar bentuk penulisan yang terhasil bukan sekadar dapat merangsang daya fikir khlayak tetapi menjangkau kepada perenungan atau muhasabah manusia sebagai khalifah terhadap Tuhan-Nya yang tersedia dengan sifat *Jamal* (indah), *Kamal* (sempurna) dan *Jalal* (agung).

Kolumnis tetap majalah *Anis* ini sedang menangkangi beberapa buah cer-

pen untuk dimuatkan dalam antologi bersama-sama sahabat seperjuangan ketika menyiapkan PhD iaitu Rosnani Ripin (KIAS Nilam Puri), Tengku Intan Marlina (UM) dan Maharam Mamat (UKM) yang akan terbit penghujung tahun ini.

Sebaik mengakhiri wawancara, Kamariah Kamaruddin sempat menyampaikan amanat kepada penulis.

"Menulislah, kerana manusia akan menemui diri, menemui makna insani, menemui hakikat manusiawi dan paling utama akan menemui kekudusan Illahi".

Sajak

Anak Di Jalanan


Masih ada rasa simpati bila melihat anak jalanan memakan roti sambil duduk di tepi jalan.. pada raut wajah mereka masih ada ramah dan tersimpan seribu cerita.

Banyak soalan mahu aku tanya pada mereka yang kerap tertunda hingga sekarang akhirnya aku cuba menjawabnya sendiri seperti menjawab teka-teki di buku.

Anak di jalanan terus berlari dan terus berjalan seolah-olah lupa esok masih ada waktu siang. Malam hanyalah gelap untuk berehat.

Dari jauh aku hanya memerhati Baju kotor seluar carik Mungkin ada bau yang tidak elok Sinar mata mereka masih menyerlah tajam memandang kehidupan Setiap kelipan mungkin banyak pentafsiran

Anak kecil di jalanan Aku, seperti hari semalam juga Masih membuat teka teki untuk ku jawab sendiri Tapi aku tidak mampu mentafsir kelipan mereka.



S. MAHAZAN
Bacelor Sains Komputer (Multimedia)

Kumpulan Adiratna johan Malam Tunas Budaya 2005

SERDANG (16 Julai) - Seperti dijangka, persembahan simbolik Kumpulan Adiratna gabungan Kolej Mohamad Rashid (KMR) dan Kolej Canselor dengan sebatang pokok tumbuh subur menghijau dan bertukar kepada kekacauan diancam masalah persekitaran muncul menjadi Johan dan Keseluruhan Terbaik sempena Malam Tunas Budaya 2005.

Persembahan mantap bertajuk 'Yang batin naluri, Yang zahir budi', kreatif dan penuh bertenaga ini turut memenangi Anugerah Teknikal Terbaik dan Anugerah Pengarah Terbaik.

Naib Johan pula dimenangi Kumpulan D'Santri Setiawangsa (Kolej kesepuluh dan Kolej Kesebelas) dengan

persembahan Dramatari 'Budi Bahasa Rentak Murni Citra' dan Kumpulan Bakawali (Kolej Tun Dr. Ismail dan Kolej Keenam) di tempat ketiga yang mempertaruhkan Sketsa yang bertajuk 'Kita yang Alpa'.

Dramatari 'Suluh Budi Semarak Warisan' persembahan Kumpulan Alunan Suara Budi (Kosass dan Kolej Kedua) pula memenangi Anugerah Kreativiti Terbaik. Anugerah Khas Naib Canselor pula berpihak kepada Kumpulan Kencana Emas (Kolej Ketiga Belas dan Kolej Pendeta Za'ba) yang berjaya menghiburkan penonton dengan konsep persembahan Dondang Di Sayang.

Diikuti, Kumpulan Citra Kirana (Kolej 12 dan Kolej 14)

yang berjaya mempersembahkan 'Yahai' sebuah persembahan abstrak berbentuk tarian dan gerak tubuh memenangi Hadiah Khas Keceriaan.

Turut bertanding Kumpulan Norma Dogma (Kolej Kelima dan Kolej Tun Perak) dengan persembahan Ceritera Tari Fantasi.

Malam Tunas Budaya 2005 yang bertemakan budi bahasa ini merupakan acara tahunan bagi setiap kali kemasyarakatan mahasiswa baharu di UPM. Aktiviti berbentuk kesenian ini dapat merapatkan hubungan sesama mereka untuk saling bersedia hidup penuh cabaran di kampus yang serba mencabar ini.

Warga UPM bersih pantai Kelanang

BAGI 700 penuntut Universiti Putra Malaysia (UPM), Program Gotong-Royong Perdana Pantai Kelanang sempena Kempen Budi Bahasa dan Nilai-Nilai Murni Peringkat UPM, baru-baru ini dianggap aktiviti berfaedah yang ada tarikan tersendiri. (Metro Ahad 7 Ogos 2005)

UPM guna kepakaran majukan pertanian

UNIVERSITI Putra Malaysia (UPM) perlu mengoptimumkan penggunaan kepakaran, teknologi dan ilmu pengetahuan terutama dalam bidang AgroBio, sekali gus membantu kerajaan memajukan sektor pertanian negara. (Berita Harian 5 Ogos 2005)

Melonjak Agropolis Serdang URA-URA penubuhan Agropolis bukan baru, malah telah disebutkan sejak tahun lepas dan kelihatan hampir menjadi kenyataan apabila Universiti Putra Malaysia di

Berita ringkas

Serdang diarah oleh kerajaan merombak kurikulumnya bagi memberi penekanan kepada bidang pertanian, pada tahun lepas. (Utusan Malaysia 3 Ogos 2005)

UPM sasar 10,000 ikuti pasca siswazah

UNIVERSITI Putra Malaysia menasaskan 10,000 pelajar mengikuti program pasca siswazah, meningkat 30 peratus, menjelang 2010, kata Naib Canselornya, Prof Datuk Dr Mohd Zohadie Bardaie. (Berita Harian -Pendidikan 12 Ogos 2005)

UPM menang sembilan anugerah

UNIVERSITI Putra Malaysia menggondol sembilan anugerah pada Pameran Bioteknologi Asia 2005 di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) pada 16 hingga 18 Ogos lalu. (Kosmo 25 Ogos 2005)

Program Gema Seni Merdeka 2005

Golongan muda hayati erti kemerdekaan

BUKAN mudah menuntut kemerdekaan untuk kebebasan tanah air tercinta. Hanya mereka yang pernah mengharungi perit getir perjuangan dapat mengerti. Generasi muda hari ini pula hanya bersaksikan sejarah dan tamadun negara untuk menyelami nikmat kemerdekaan.

Sehinggakan, erti merdeka ini sering dilupakan dan dibalas dengan keruntuhan akhlak serta masalah sosial yang semakin membingungkan semua pihak.

Bagi IPTA di Malaysia yang rata-rata penghuninya golongan muda mempunyai cara tersendiri untuk menghayati erti merdeka dan memupuk semangat cintakan negara. Selama hampir lima jam, pelbagai mesej, alunan patriotik, tarian dan kibaran Jalur Gemilang menjadi perhatian di Panggung Percubaan Universiti Putra Malaysia (UPM).

Ia bersempena program Gema Seni Merdeka Majlis Kebudayaan Universiti-Universiti Malaysia (MAKUM) 2005 yang diolah khas untuk mahasiswa menyalurkan rasa kecintaan kepada tanah air melalui ekspresi berbentuk kesenian dan kebudayaan.

Ia juga dapat menjalin perkongsian, memupuk perpaduan dan persefahaman yang erat antara mahasiswa IPTA untuk berganding bahu menyuburkan aktiviti kesenian dan kebudayaan demi memartabatkan warisan bangsa.

Kali ini sebanyak 13 IPTA ber-

Oleh : SHARIL NIZAM SHA'RI
Foto : Ahmad Fua'ad Alwi

gabung kreativiti dan tenaga menzahirkan rasa kecintaan kepada negara melalui ekspresi berbentuk kesenian dan kebudayaan. Dengan tema 'Merdeka Jiwa Menjana Peradaban Mulia', persembahan Gema Seni Merdeka MAKUM 2005 dibahagikan kepada tiga segmen.

Segmen pertama, membariskan pasukan Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia dengan persembahan Drama Tari, Universiti Teknologi Malaysia (Koir), Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tarian Perpaduan) dan Universiti Teknologi MARA (Tarian).

Ternyata, gabungan lagu-lagu patriotik seperti *Bahtera Merdeka*, *Setia dan Wawasan 2020* dengan iringan tepak sirih dan Jalur Gemilang yang dinyanyikan secara koir dan bersemangat, dengan kostum yang lengkap membuktikan melalui muzik mampu memartabatkan warisan bangsa.

Segmen kedua pula melihatkan kehebatan Kolej Universiti Islam Malaysia (Kontemporari Ghazal), Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia (Tarian), Universiti Putra Malaysia (Nyanyian Puisi Patriotik) dan Universiti Malaya (Dikir Barat).

Kumpulan ini juga turut memukau penonton dengan variasi persembahan yang jelas menghiburkan. Bermula dengan alunan 'Ghazal Pantun Budi', diteruskan

dengan Dramatari penderitaan pada zaman Jepun dan sketsa berpantun hidup penuh tradisi serta kerancangan seloka dikir barat berjaya menyampaikan mesej nasionalisme dengan berkesan. Pemilihan lagu 'Warisan' dan Sajak 'Perjuangan Yang Belum Selesai' turut memberikan keyakinan terhadap kualiti persembahan yang mantap.

Diikuti, Universiti Utara Malaysia (Nyanyian Kumpulan Bello-Bello dan Tarian), Nasyid (Universiti Islam Antarabangsa Malaysia), Kolej Universiti Sains dan Teknologi (Tarian Perpaduan), Kolej Universiti Kejuruteraan Teknologi Malaysia (Puisi) dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

Semarak sambutan merdeka terus membara dengan nilai perpaduan yang jelas disampaikan melalui persembahan kali ini. Lengkok tari dengan iringan lagu puitis dan keceriaan tarian Lagu *Bollywood* benar-benar menarik perhatian.


Bahasa indah menyayat hati dalam sajak dan gubahan tarian kreatif mengikut bangsa Melayu, India dan Cina berjaya menjadi penutup persembahan Gema Seni Merdeka MAKUM 2005.

Unit Kebudayaan dan Rakan Muda, Bahagian Hal Ehwal Mahasiswa, UPM dipilih sebagai tuan rumah menjayakan program pada tahun ini.

Antara tetamu yang hadir, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar) UPM, Prof. Madya Dr.



Tarian tradisional pelbagai kaum di Malaysia turut dipersembahkan.



PATRIOTIK ... motif penggunaan Jalur Gemilang dipelbagaikan sepanjang persembahan.

Azali Mohamed, Ketua Bahagian Hal Ehwal Mahasiswa UPM, Mustafa Ibrahim dan wakil-wakil daripada IPTA yang terlibat.

Objektif utama program ini menyuntik semangat patriotisme yang mendalam di setiap jiwa mahasiswa dalam usaha membentuk perpaduan yang jitu tanpa dibatasi perbezaan agama, bangsa dan budaya.

Difahamkan setiap persembahan perlu mengikut kreativiti masing-masing berdasarkan salah satu garis panduan seperti berlandaskan suasana kemerdekaan, menjurus kepada mesej kecintaan pada negara, menterjemahkan unsur-unsur perpaduan kaum (Integrasi Nasional) dan berkonsepkan

masyarakat majmuk di Malaysia atau mempunyai nilai-nilai estetika kesenian dan kebudayaan tradisi masyarakat Malaysia.

Secara langsung, Gema Seni Merdeka MAKUM 2005 dilihat sebagai kesinambungan usaha penghayatan terhadap erti kemerdekaan di kalangan para mahasiswa dan menjadi acara tahunan yang perlu dikekalkan.

Perlaksanaan program ini menjadi mercu tanda keprihatinan masyarakat kampus terhadap semangat patriotik yang perlu disemarakkan dan pada masa yang sama dapat direalisasikan dalam wadah yang berbentuk kreatif dan kritis.

Karen terkejut jadi juara Lagu Patriotik

"SAYA sungguh terkejut dan tidak sangka akan muncul sebagai johan. Sebagai satunya-satunya peserta berbangsa cina, saya menerima persaingan hebat daripada peserta lain."

Itulah reaksi awal Karen Kong Chen Tshe selepas diumumkan pemenang pertama Pertandingan Nyanyian Solo Lagu-Lagu Patriotik Peringkat Institut Pengajian Tinggi 2005.

Penuntut bidang akauntan, Universiti Tuanku Abdul Rahman ini berjaya menyanyikan lagu Bumi Malaysia dengan cara sendiri, penyampaian berkesan dan penuh penghayatan.

Menurutnya lagi, lagu dendangan Liza Hanim itu menjadi pilihannya setelah mendengar sebanyak 20 lagu patriotik lain. Ternyata, lagu tersebut sesuai dengan nada dan tempo suaranya.

Difahamkan beliau yang berasal dari Wilayah Persekutuan Labuan ini sudah merakam sebuah lagu Melayu

kontemporari untuk dikomersialkan kepada para pendengar.

Naib Johan, Nadiani Osman yang memiliki suara mirzosoprano memukau penonton dengan Dirghayu Tanah Airku. Beliau penuntut jurusan Muzik (Vokal) Universiti Malaysia Sabah ternyata mempersembahkan lagu dengan penuh ber-tenaga.

Sementara itu, peserta lelaki tunggal ke peringkat akhir yang juga mewakili tuan rumah, Adidi Tamin dengan lagu Sejahtera Malaysia diumumkan di tempat ketiga. Kehebatan suara dan persembahannya mendapat sambutan hangat daripada penyokong dari UPM yang memenuhi ruang Panggung Percubaan.

Kesemua pemenang menerima hadiah wang tunai bernilai RM1,000, RM700 dan RM500, piala iringan dan sijil penyertaan. Hadiah disampaikan oleh Naib Canselor UPM, Prof. Dato' Dr Mohd Zohadie Bardaie dan Tim-

balan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar), Prof. Madya Dr. Azali Mohamed.

Pertandingan akhir tersebut turut diberikan persaingan sengit oleh Nor Ib Tisam Ibrahim, dengan lagu Pahlawanku mewakili Universiti Pendidikan Sultan Idris, Nor Hasmidar Ahmad, lagu Bahtera Merdeka (Universiti Teknologi Mara), Nur Idayu Mohd Sopiee, Lagu Pahlawanku (Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia), Fatimah Ismail lagu Dirghayu Tanah Airku (Kolej Universiti Teknologi dan Pengurusan Malaysia) dan Marlinawati Zainal menden-dangkan Warisan (Puteri Nursing College).

Para juri yang mengadili pertandingan pada kali ini terdiri Pengarah Muzik RTM, Dato' Mokhzani Ismail, Dato' Ibrahim Bachik (Komposer), Datin Rosni Yusof (Wakil Muzik FM) dan penyanyi, Salimah Mahmood.

Aspek kualiti suara, tempo, se-

butan lirik, penghayatan dan pakaian antara subjek yang dinilai oleh pihak juri.

Pada tahun ini, seramai 31 peserta bertanding pada peringkat awal dan 20 layak bertanding di peringkat akhir untuk memilih lapan peserta ke peringkat akhir.

Pertandingan akhir yang berlangsung penuh meriah ini diserikan juga dengan kepetahan juruhebah radio Muzik FM iaitu Reduan dan Azura bertindak sebagai juruacara dan kumpulan muzik RTM yang mengiringi persembahan peserta.

Ketua Bahagian Hal Ehwal Mahasiswa UPM, Mustafa Ibrahim berkata, pertandingan tersebut terbuka kepada semua mahasiswa dari IPTA dan IPTS serta seni kata lagu adalah terdiri daripada lagu berbentuk patriotik dalam Bahasa Melayu yang pernah dipopularkan dan disenaraikan oleh pihak penganjur.

Pertandingan julung kali diada-



KAREN... gaya seorang juara

kan di Panggung Percubaan UPM ini bagi memenuhi Sambutan Perayaan Bulan Kemerdekaan Ke-48. Ia adalah anjuran bersama Kementerian Pengajian Tinggi, Universiti Putra Malaysia dan Majlis Kebudayaan Universiti-Universiti Malaysia (MAKUM).

ZAP sarat dengan nilai, budaya

KUALA LUMPUR (13 Jun) – Zaleha Ayam Patah (ZAP), sebuah filem pendek terbitan Uniputra Production akhirnya dipertontonkan kepada penggiat seni dan para wartawan di Tanjung Golden Village, KLCC baru-baru ini.

Filem tersebut merupakan karya warga UPM yang harus dibanggakan kerana ia mengangkat budaya dan nilai-nilai masyarakat Melayu. Ia merupakan salah satu usaha UPM dari aspek pendidikan dan tanggungjawab sosial terhadap masyarakat dan negara.

Filem pendek ini berkisar tentang kehidupan masyarakat di sebuah daerah di negeri Johor yang menjadikan tarian zapin sebagai budaya hidup mereka. Zaleha yang menjadi tajuk filem ini pula adalah sebenarnya seorang gadis yang terlalu mencintai seni zapin, namun dia tersisih daripada sama-sama menghayati budaya itu kerana dilahirkan tempang.

Apa yang cuba ditonjolkan dalam filem ini bukanlah budaya dan tarian zapin itu semata-mata. Ia cuba memperlihatkan semangat dan kegigihan yang seharusnya ada dalam diri setiap insan.

Kecekalan itu dapat dilihat apabila seorang gadis yang capik, iaitu watak Zaleha, cuba menguasai salah satu ragam dalam tarian zapin yang sukar dilakukan oleh orang sepertinya, iaitu 'Ayam Patah'. Ragam tersebut adalah di mana seorang penari zapin itu perlu membengkokkan pergelangan kaki.

ZAP dikatakan sarat dengan falsafah budaya yang sukar disingkap. Kematian Zaleha akibat dilanggar oleh sebuah van yang dinaiki sekumpulan remaja 'hippies' merupakan satu perlambangan bahawa budaya dan nilai itu beransur menghilang selari dengan peredaran zaman.

Ternyata usaha Shahrul Azli Mohd Shukor, selaku penulis skrip dan juga pengarah filem ini tidak dipandang remeh oleh pihak luar apabila ZAP berjaya mendapat sokongan pelbagai pihak dari aspek moral dan kewangan.

Antaranya ialah Finas, Kerajaan Negeri Johor, dan juga sebuah syarikat persendirian, Positive Mind Resources.

Filem pendek yang hanya memakan masa 25 minit ini tidak akan menemui penonton di pawagam, namun beberapa program pengembangan pemasaran telah dirancang oleh UPM. Antaranya adalah Tayangan Amal Diraja, tayangan perdana di UPM, tayangan di majlis diskusi di IPT terpilih dan tayangan khas di Muar, Johor.

Filem ini juga bakal dibawa ke beberapa IPTA dan IPTS sebagai program diskusi ilmiah dan seterusnya akan dibawa ke peringkat yang lebih tinggi, iaitu ke festival filem tempatan dan juga antarabangsa. Baru-baru ini filem ini turut disenarai pendek dalam Festival Filem Asia Pasifik yang berlangsung dekat sini.



Pengerusi Eksekutif Positive Mind, Dr. Ibrahim menyampaikan replika cek penajaan majlis tayangan dan sidang media filem Zaleha Ayam Patah kepada Dr. Mohd Zohadie.

Usaha promosi pengajian Muzik di UPM

SERDANG (23 Ogos) – Jabatan Muzik, Fakulti Ekologi Manusia (FEM), Universiti Putra Malaysia (UPM) berjaya menganjurkan Kem Muzik dan Belia yang diadakan di Panggung Percubaan dekat sini baru-baru ini.

Program yang julung kali dianjurkan itu adalah dengan kerjasama Pusat Kebudayaan dan Kesenian Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (PKKSSAAS).

Kem ini dianjurkan khas untuk pelajar sekolah berumur 13 hingga 18 tahun. Seramai 81 pelajar dari Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan (SMJK) Seg Hwa Johor dan SMJK Chan Wa Seremban mengikuti kem ini yang dipimpin oleh pensyarah Jabatan Muzik.

Ketua Jabatan Muzik, Dr. Zahid Emby berkata kem ini bertujuan untuk memberi pendedahan kepada generasi muda tentang

aktiviti muzik dan pelbagai bidang kerjaya dalam muzik.

"Remaja kini lebih terdedah kepada muzik komersial tetapi kem ini mendedahkan remaja kepada klasikal muzik, teknologi muzik dan pendidikan muzik. Selain itu, kem ini meningkatkan semangat berpasukan, keyakinan diri dan membantu mereka memahami muzik secara mendalam," tambahnya lagi.

Kem ini dirasmikan oleh Pengetua Kolej Tun Perak, Prof Madya Dr Jasni Sabri mewakili Timbalan Naib Canselor (HEP). Hadir sama, Pengarah PKKSSAAS, Mahfooz Haron, Dekan FEM, Prof. Dr. Rozumah Baharudin, dan pensyarah-pensyarah Jabatan Muzik.

Dalam ucapannya, Dr. Jasni berkata bahawa kita perlu menghayati muzik secara emosi dan mendengar muzik secara mendalam. Menurutnya muzik bukanlah

hiburan semata-mata.

"Muzik membantu perkembangan intelek, meningkatkan kreativiti dan keyakinan diri untuk mengatasi dunia yang mencabar ini. Pada masa yang sama, muzik memotivasi pelajar yang bermasalah di samping membantu perkembangan individu secara holistik", katanya.

Kem yang berlangsung selama satu setengah hari ini di muatkan dengan pelbagai aktiviti menarik seperti ceramah, forum, bengkel komposisi, sesi improvisasi, sesi nyanyian koir, permainan berbentuk muzik dan sebagainya. Aktiviti-aktiviti ini diadakan berasaskan tema 'belajar sambil berhibur'.

Penceramah jemputan khas kem ini ialah Ooi Eow Jin yang pernah bekerja sebagai pengajar sambilan di International College of Music dan kini berkhidmat sebagai Profesor Bersekutu di UPM.

Budayakan penyusuan susu ibu

SERDANG (11 OGOS) – Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan, UPM dengan kerjasama Persatuan Permata dan Pejabat Kesihatan Daerah Petaling Jaya menganjurkan forum berkenaan Penyusuan Susu Ibu yang bertemakan "Ke Arah Mewujudkan Budaya Penyusuan Susu Ibu" dianjurkan oleh,

Forum yang diadakan ini bertujuan untuk mewujudkan kesedaran di kalangan wanita masa kini mengenai kepentingan memberi susu ibu secara eksklusif kepada bayi mereka sehingga umur 6 bulan.

Selain itu, ianya juga bertujuan untuk memberikan galakan dan dorongan kepada ibu-ibu yang berkerjaya untuk meneruskan penyusuan susu ibu di samping meningkatkan pengetahuan dan mewujudkan kesedaran di kalangan para penuntut IPT mengenai isu-isu penyusuan

ibu.

Forum ini telah dirasmikan oleh Ahli Parlimen Puchong, Ainon Imbi. Menurut beliau, budaya menyusu pada masa kini agak jauh berbeza berbanding dahulu.

"Susu ibu adalah makanan semula jadi yang dianugerahkan khusus kepada ibu dan bayi yang baru dilahirkan. Ia mengandungi segala khasiat yang diperlukan dengan komposisi yang betul," tambahnya lagi.

Kata Ainon, kandungan zat dalam susu ibu adalah memenuhi keperluan yang diperlukan oleh bayi iaitu protein, laktosa, zat besi, fosfat, kalsium dan zat hadam.

"Semua ibu digalakkan menyusu anaknya dengan susu ibu sahaja selama 4 hingga 6 bulan yang pertama dan meneruskannya sehingga anak berumur 2 tahun," katanya lagi.

Peranan bapa tidak kurang pentingnya dalam usaha untuk memastikan bahawa penyusuan susu ibu dapat diteruskan dengan jaya sehingga bayi membesar. Dengan adanya sokongan padu daripada suami, ianya membantu memotivasi ibu untuk meneruskan penyusuan ibu.

Dalam pada itu, program sehari ini menampilkan pelakon dan pengacara terkenal, Wardina Safiyah membicarakan tentang topik 'Kerjaya dan Pengalaman Menyusukan Anak'.

Selain itu, turut membentangkan kertas kerja ialah Ketua Jabatan Pemakanan dan Sains Kesihatan, UPM, Prof. Madya Dr. Rokiah Mohd Yusof (Penyusuan Susu Ibu: Cabaran dan Sokongan) dan Pakar Perunding Kanan O & G, Hospital Selayang, Dr P. Paramjothi (Breast-milk Is The Best).

Reaksi staf pakai baju Melayu setiap Jumaat

KOMEN staf Universiti Putra Malaysia (UPM) tentang pekeliling Jabatan Perkhidmatan Awam yang menggalakkan kakitangan awam lelaki di seluruh negara memakai baju melayu lengkap atau pakaian kebangsaan pada setiap hari Jumaat.

"Baik dipakai pada setiap hari Jumaat kerana ianya kemas dan cantik, tetapi ianya tidak bersesuaian untuk dipakai bersama sampin kalau kerjaya seseorang itu lasak, cukup sekadar memakai baju Melayu sahaja."

Shaffie Hj. Abdul Wahab
- Bahagian Perhubungan Antarabangsa

"Tak apa, bukan setiap hari, saya setuju kerana ianya melambangkan kebudayaan Melayu, kalau staf bukan Melayu memakai saya rasa elok kerana kita rakyat Malaysia."

Mazli Mohamad
- Unit Audit Dalaman

"Pada pandangan saya, ianya boleh dipraktikkan mengikut kesesuaian tugas. Tak sesuai jika office boy atau PAR nak pakai bersama songket, cukup dengan memakai baju Melayu. Apabila kita melihat lelaki memakai baju Melayu ini, kita tau keperibadian dan bersesuaian dengan kerjaya seseorang itu. Bagus juga jika bangsa asing memakai baju kebangsaan kita, rasa bangga dan hormat kerana menghormati budaya kita."

Norhana Ali - BHEM

"Bagus kerana ianya melambangkan ciri-ciri kemelayuan, keislaman, nampak sopan dan mudah dikenali. Tak kisah jika bangsa lain memakai baju kebangsaan kita, malah saya rasa bangga sebab ada bangsa lain yang mahu memakai baju kebangsaan negara kita."

Muhammad Sufyan Azmi
- Pelajar

"Ok, nampak kemas dan elegan dan ianya juga memperkenalkan kebudayaan Malaysia dan bersetuju jika bangsa lain pakai."

Kalpana a/p Subramaniam
- Bahagian Perhubungan Antarabangsa

"Secara peribadi, memakai baju Melayu setiap Jumaat ok. Kalau diwajibkan macam pemakaian batik pada setiap hari Sabtu bekerja adalah digalakkan. Kalau hendak mewajibkan pemakaian baju Melayu pada setiap Jumaat boleh, tetapi mesti ada peruntukkan sebab kita bukan golongan yang senang. Kalau mahu bangsa lain memakai baju kebangsaan kita, kita mesti mulakan trendnya terlebih dahulu."

Rosli Abd Rahman - Bendahari

Warga UPM hayati erti kemerdekaan

SERDANG (17 Ogos) – Naib Canselor, Profesor Datuk Dr Mohd Zohadie Bardaie mengingatkan mahasiswa dan warga UPM tentang erti sebenar kemerdekaan. Katanya, pengertian kemerdekaan sebenar tidak cukup setakat mengibarkan bendera dan melaungkan ungkapan keramat merdeka, tetapi yang lebih penting ialah bagaimana kita mengisi semangat kemerdekaan.

Menurutnya lagi, kita semua perlu berfikir dan merenung sejenak setakat mana kita telah berubah dan seterusnya menyumbang bagi memenuhi impian generasi lampau yang telah berjuang dan berkorban demi menjadikan tanah air kita sebuah negara yang berdaulat dan bangsa kita sebagai bangsa maju.

Beliau berkata demikian semasa berucap sempena Pelancaran Sambutan Bulan Kemerdekaan Kali ke-48, peringkat UPM di Dataran Putra, berhadapan Pusat Kebudayaan dan Kesenian Sultan Salhuddin Abdul Aziz Shah.

Zohadie turut menyeru warga UPM agar sentiasa melagakan usaha menyumbang ke arah pembentukan masyarakat dan negara yang lebih berdaya saing, progresif, harmonis dan saling menghormati antara satu sama lain tanpa mengira perbezaan bangsa.

Seterusnya, menterjemahkan perasaan bangga akan kemerdekaan melalui sikap dan usaha sebagai tanda bersyukur ke atas nikmat kemerdekaan.

Majlis tersebut dimeriahkan dengan aktiviti berbasikal mengelilingi kampus dan nyanyian lagu – lagu patriotik. Sekali gus, semua pejabat, kolej, fakulti di UPM mula dihiasi dengan kibaran Jalur Gemilang.

Ketua Bahagian Komunikasi Korporat, Siti Rozana Supian berkata, pelbagai aktiviti akan dijalankan sebagai pengisian sambutan bulan kemerdekaan peringkat UPM.

“Antaranya Kempen Kebersihan Kemerdekaan yang akan memberi fokus kepada aspek gotong-royong dan keselamatan kampus terutamanya dalam menguruskan kebersihan terhadap bahan-bahan kimia dan toksik di setiap Pusat tanggungjawab pada 11 –16 September 2005.”

“Diikuti, Khutbah Jumaat khas mengenai kemerdekaan dan Majlis Kesyukuran dan Ceramah Agama ‘Kemerdekaan

Oleh: SHAHRIL NIZAM SHA'RI

Dalam Konteks Islam Hadhari di Masjid UPM.”

Selain itu, seperti biasa sambutan Malam Ambang Merdeka akan diserikan dengan pelbagai persembahan yang berunsurkan patriotik. Pusat Kebudayaan dan Kesenian Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah menjadi tuan rumah bagi memeriahkan malam tersebut dengan aktiviti muhibah di kalangan staf serta mahasiswa.

Sementara itu, seramai 300 peserta terdiri daripada para pegawai dan mahasiswa UPM berbasikal menjayakan Program Penyerahan Jalur Gemilang Peringkat Institut pengajian Tinggi di Kementerian Pengajian Tinggi ke Kolej Universiti Lim Kok Wing.

Pasukan Palapes UPM menaikkan Jalur Gemilang semasa Majlis Pelncaran Sambutan Bulan Kemerdekaan peringkat UPM.

Persembahan mahasiswa sempena Gema Seni Merdeka



“...kita semua perlu berfikir dan merenung sejenak setakat mana kita telah berubah dan seterusnya menyumbang bagi memenuhi impian generasi lampau yang telah berjuang dan berkorban demi menjadikan tanah air kita sebuah negara yang berdaulat dan bangsa kita sebagai bangsa maju”.



Berbasikal sambil mengibarkan Jalur Gemilang



Pegawai kanan UPM mengambil bahagian dalam perarakan sempena Hari Kemerdekaan di Putrajaya.



Kereta berhias UPM menghiasi upacara perarakan penuh warna warni di Putrajaya.

ICREM 2 bincang pelbagai isu Matematik

BANGI (25-27 Mei) – Seramai 180 peserta terdiri daripada wakil IPTA, IPTS dan pihak industri dari Malaysia, Indonesia, India, Taiwan, Kanada, Australia dan Singapura mengikuti Persidangan Penyelidikan dan Pengajaran Dalam Matematik (ICREM 2) bertempat di Hotel Residence, dekat sini baru-baru ini.

Persidangan kali kedua ini anjuran Institut Penyelidikan Matematik (INSPEM), Universiti Putra Malaysia.

Tema persidangan pada kali ini, "Enhancing Cooperation in the Promotion of Research and Education in Mathematics" dengan memberi fokus kepada penyelidikan dan pendidikan yang berkaitan dengan

Oleh:
SHARIL NIZAM SHA'RI

bidang sains matematik dan aplikasinya.

Objektif utama konferensi ini diadakan untuk menggalakkan pertukaran idea tentang penemuan terkini dalam bidang sains matematik, menyediakan forum bagi mewujudkan interaksi di kalangan penyelidik, pengajar dan ahli matematik untuk membincangkan perkembangan semasa sains matematik.

Selain itu, peluang seumpama ini dapat digunakan untuk mengenal pasti bidang yang memungkinkan kerjasama penyelidikan antara penyelidik tempatan dan luar nega-

Sebahagian peserta Persidangan Penyelidikan dan Pengajaran Dalam Matematik bergambar selepas majlis perasmian.



ra dalam bidang sains matematik.

Pegawai Sains INSPEM, Zurita Ismail berkata, konferensi ini berjalan dengan lancar. Hasil dari penganjuran ini kerjasama penyelidikan dalam dan luar negara telah dapat dijalinan.

Konferensi pada hari pertama dimulakan dengan majlis perasmian oleh Presiden Southeast Asian Mathematical Society (SEAMS), Prof. Madya Dr. Tang Eng Chye dan pelancaran produk pertama


INSPEM bertajuk 'Educational Software and Textbook for Teaching and Learning University Introductory Calculus'.

Produk ini adalah hasil penyelidikan beberapa saintis di Inspem yang diketuai oleh Pengarahnya Prof. Dato' Dr. Kamel Ariffin Mohd. Atan.

Majlis Makan Malam turut diadakan di Dewan Musytari, Hotel Residence bagi meraikan para pembentang dan peserta. Majlis ini di-

serikan dengan kehadiran Menteri Besar Selangor, Dato' Seri Dr. Mohamad Khir Toyo dan isteri, Datin Seri Zaharah Kechik.

Turut hadir Ketua Pengarah Jabatan Pengurusan IPT, Dato' Prof. Dr. Hassan Said, Timbalan Naib Canselor (Pembangunan), Prof. Dr. Nik Mustapha Raja Abdullah, Dekan-dekan dan Ketua Jabatan. Majlis Makan Malam ini ditaja oleh Kumpulan Darul Ehsan, Selangor.



Robert A. Mundell menyampaikan syarahan bertajuk 'Exchange Rate Regimes and Economic Development'

Syarahan Nobel Laureate Ekonomi

SERDANG (12 Julai) – Pemenang Nobel Laureate 1999 bidang Sains Ekonomi, Robert A. Mundell, menyampaikan syarahan awam bertajuk 'Exchange Rate Regimes and Economic Development' di Panggung Percubaan dekat sini baru-baru ini.

Profesor Ekonomi di Universiti Columbia, New York itu berjaya menarik minat audien terutama apabila menyentuh isu semasa ekonomi global termasuk isu mata wang Malaysia.

Beliau turut memberi pemahaman dan penghayatan mendalam mengenai mata wang negara dan selok-belok ekonomi negara. Selain itu, dalam syarahannya beliau banyak menyentuh berkenaan kedudukan kewangan serta pembangunan ekonomi masyarakat khususnya di rantau Asia.

Ucapan ini ternyata mendapat sambutan yang sungguh menggalakkan. Kehadiran para pegawai dan mahasiswa yang berminat mengikuti ucapan tersebut di luar jangkaan.

Mereka saling bertukar pendapat semasa sesi soal-jawab pada penghujung sesi syarahan yang dipengerusikan oleh Profesor Dr. Samser Mohamad dari Fakulti Ekonomi dan Pengurusan, UPM.

Sudah pasti ini akan menjadi suatu aspek untuk melahirkan masyarakat berinformasi dan mengubah wajah masyarakat serta memudahkan pencapaian matlamat wawasan 2020. Masyarakat yang berpengetahuan luas dalam pelbagai bidang termasuk bidang ekonomi sangat diperlukan untuk sesebuah negara demi mencapai kemajuan yang seimbang.



Dr. Mohd Zohadie menyampaikan cenderamata kepada Dr. Hadenan selepas beliau menyampaikan syarahan di UPM baru-baru ini.

Panduan tadbir urus dengan baik

SERDANG (5 Julai) – Setiap jabatan dan individu berperanan mempraktikkan tadbir urus yang baik dalam mencapai matlamat. Pengetahuan dan kesedaran terhadap elemen tadbir urus yang baik dalam menjalankan tugas yang diamanahkan perlu bagi seseorang penjawat awam.

Hal ini dinyatakan oleh Ketua Audit Negara, Tan Sri Dr Hadenan A. Jalil, dalam ucapannya sempena Majlis Syarahan Awam di Universiti Putra Malaysia (UPM) baru-baru ini.

Beliau yang memberikan syarahan umum bertajuk 'Tadbir Urus

yang baik ke arah kecemerlangan' kepada warga UPM di Dewan Persidangan Pusat Pendidikan Luar.

Fokus syarahan tersebut meliputi kepentingan tadbir urus yang baik 'good governance' kepada sektor awam, definisi dan konsep 'governance', Corporate governance di sektor swasta, kawalan dalaman, good governance di sektor awam dan sumbangan auditan terhadap governance sektor awam.

Dr Hadenan A. Jalil berkata, secara ringkas tadbir urus perlu ada ketelusan pentadbiran, proses membuat keputusan, sistem dan peraturan, akauntabiliti kewangan

dan keberkesanan perkhidmatan awam.

Program anjuran Unit Audit Dalaman, UPM ini berjaya mendedahkan kepentingan tadbir urus yang baik dan berkesan kepada umum. Khususnya, bagi mencapai kejayaan dalam kerjaya.

Ketua Audit Dalaman, Zainora Abd Talib berkata, syarahan ini mampu memberikan kesedaran kepada pegawai UPM untuk mengamalkan tadbir urus dalam cara kerja yang baik. Seterusnya, dapat menjadi contoh kepada semua lapisan pegawai di UPM ini.

UPM, UUM anjur sidang ekonomi Asia

KUALA LUMPUR (11 Julai) - Universiti Putra Malaysia (UPM) pada tahun ini dipilih menjadi tuan rumah bersama dengan Universiti Utara Malaysia (UUM) dalam menganjurkan persidangan Pertumbuhan Kewangan Asia pertama bertempat di Hotel Istana dekat sini.

Tema persidangan pada tahun ini ialah 'Role of Capital Markets In Wealth Creation and Prosperity'. Dalam erti kata lain, persidangan ini menjadi satu platform bagi para pelajar, ahli akademik, pakar kewangan, pembuat polisi, pengamal kewangan dan para penyelidik untuk bersama-sama berkongsi idea,

Oleh : LEELAWATI SUBRAMANI
(Pelatih FBMK)

Foto : AHMAD FUA'AD ALWI

pandangan dan mengutarakan isu-isu terkini berkenaan kewangan serta pembangunan ekonomi, khususnya di rantau Asia.

Isu-isu hangat seperti Pengantarabangsaan Kewangan Korporat, Perbankan Korporat, Tekanan Kewangan, Pengambilalihan Korporat, Perbankan Korporat, dan lain-lain yang dibincangkan dalam persidangan ini seharusnya dapat menarik para peserta dan dijadikan panduan dalam pembuatan sebarang perancangan atau dasar kewangan.



Mustafa (kiri) bermesra dengan peserta Persidangan Pertumbuhan Kewangan Asia pertama.

Selain itu, persidangan ini melibatkan pembentangan kertas kerja oleh pakar-pakar kewangan antarabangsa dan Kolokium PhD sementara ucapan utama diberikan oleh pemenang Anugerah Nobel Laureate dalam Ekonomi Sains tahun 1999, Profesor Robert A. Mundell.

Robert Mundell yang lebih dikenali sebagai perintis teori mata

wang optimum merupakan seorang Profesor bidang ekonomi di University of Columbia, New York.

Beliau telah menghasilkan pelbagai bahan bacaan berkaitan bidang dan teori ekonomi dan telah mencipta formula yang menjadi model makro ekonomi antarabangsa.

Menurut Pegawai Tadbir Sekolah Pengajian Siswazah Pengu-

rusan, Shahril Nizam Abdul Malik, peserta persidangan ini didedahkan kepada perkara terkini dalam inovasi kewangan dan dapat mengintai prospek untuk jaringan kerja dengan tokoh kewangan dan ekonomi kewangan tersohor.

"Para peserta juga berpeluang mendekati pembuat polisi dalam pendidikan kewangan dan pembangunan," tambahnya lagi.

Kakitangan di universiti perlu kuasai ilmu

'KEKUATAN ketam kerana sepit; kekuatan burung kerana sayap; kekuatan ikan kerana radai' dan kekuatan Kesatuan Kakitangan Am Universiti Putra Malaysia (KEPERTAMA) kerana sokongan ahlinya.

Realiti sokongan padu ahli Kesatuan terserlah hebat ketika menganjurkan seminar sehari bertajuk "Pekerja universiti di era globalisasi" baru-baru ini. Seramai 270 peserta memenuhi setiap ruang Dewan Pusat Pendidikan Luar.

Seminar yang dirasmikan oleh Ketua Setiausaha 1, Kementerian Pengajian Tinggi Dato' Dr. Zulkifli A. Hassan, turut disertai oleh peserta dari Universiti Teknologi MARA (UiTM), Universiti Islam Antarabangsa (UIA), Universiti Perguruan Sultan Idris (UPSI) dan Universiti Utara Malaysia (UUM).

Tujuan utama seminar tersebut diadakan untuk memberi mesej penting kepada universiti bahawa pekerja sokongan juga adalah aset utama yang tidak kurang pentingnya dalam menyokong universiti mengharungi era globalisasi demi mencapai matlamat 'Universiti Bertaraf Dunia' seperti yang disasarkan.

Menurut Presiden KEPERTAMA, Omar Osman, seminar berkaitan perkembangan semasa yang relevan dengan peranan staf sokongan akan sering kali diadakan secara bergilir-gilir oleh Kesatuan di universiti-universiti lain bagi memberi peluang kepada ahli un-

Oleh :
JULIE PSAS

tuk berseminar di dalam situasi yang berbeza kerana setiap universiti mempunyai kelainan masing-masing.

Beliau yang juga Timbalan Presiden CUEPACS berjanji akan terus mengadakan ceramah, seminar atau bengkel yang difikirkan perlu bagi meningkatkan kefahaman ahli dalam menjalankan tanggungjawab mereka kepada majikan (universiti) kerana sebagai 'rakan bijak' majikan suntikan motivasi sebegini sangat penting.

"Dalam masa yang sama juga universiti diminta agar dapat merancang latihan dan kursus yang lebih kerap terhadap staf sokongan agar peluang mereka untuk mendapat dan mencapai maklumat, berkomunikasi dengan orang luar dan peka terhadap perubahan semasa tidak dinafikan," tambah Omar lagi.

Manakala Dr. Zulkifli pula dalam ucapannya menyanjung tinggi peranan yang dimainkan oleh KEPERTAMA yang katanya boleh diibaratkan seperti Si Kembang Cina dalam Hikayat Malim Deman di mana "belum disuruh sudah pergi, belum dipanggil sudah datang".

Rumusannya, Dr. Zulkifli tidak terkejut apabila mendapat tahu bahawa sokongan staf bawahan terhadap perjuangan KEPERTAMA telah berjaya mengahlikan sebanyak 95% daripada jumlah kakitangan sokongan UPM. Manakala 5% lagi tidak boleh menjadi ahli ke-

rana mereka adalah staf kontrak.

Tambahnya lagi, di dalam era globalisasi, pengetahuan merupakan faktor utama yang akan menentukan kejayaan dari pelbagai aspek termasuk ekonomi, teknologi dan pendidikan. Pengurusan ilmu pengetahuan adalah kunci utama kepada semua aktiviti di bidang pekerjaan terutama apabila berada di dalam sebuah organisasi yang memang berorientasikan ilmu seperti universiti.

"Pekerja sesebuah universiti tidak kira di tahap mana kita berada tetapi yang penting pekerja universiti mestilah sama hebat ibarat 'bertemu ahli dengan pakar dan alim bertemu pandai' agar semua pihak mempamerkan kehebatan masing-masing bagi mencapai matlamat yang sama dan seiring seperti yang telah ditetapkan oleh universiti."

"Globalisasi sebenarnya memerlukan perkongsian pintar tripartisme (tiga pihak) iaitu pekerja (melalui kesatuan), majikan dan kerajaan bagi melahirkan keharmonian perhubungan perusahaan dalam menjana peningkatan produktiviti dan efisiensi tenaga kerja dan daya saing yang lebih mantap," tambah Dr. Zulkifli.

Beliau juga memberikan contoh syarikat yang benar-benar berada di tahap globalisasi dalam negara kita pada masa kini ialah Petronas dan Guthrie kerana mereka berjaya mengaplikasikan pengkorporatan yang berorientasikan sumber tenaga kerjanya melalui tiga faktor penting iaitu yang

pertama 'integriti'.

Pengurusan mereka benar-benar merupakan tenaga kerja yang amanah dan ikhlas di mana jarang berlaku aktiviti rasuah dan salah guna kuasa. Itu sebabnya mereka boleh berjaya dan mendapat keyakinan semua peringkat pengguna di semua 34 buah negara yang mereka beroperasi.

Keduanya tahap profesionalisme mereka yang begitu tinggi kerana mereka tahu tanggungjawab yang dipikul oleh mereka tanpa mengira lapisan tugas iaitu dari peringkat bawah hingga ke atas. Mereka mampu melaksanakan tugas tanpa pemantauan yang begitu ketat oleh pihak pengu-

rusan. Ketiganya patriotisme dan neutralisme mereka yang jitu terhadap organisasi kerana keharmonian dan sikap kekeluargaan warga Petronas berjaya menyuntik kecintaan kakitangan terhadap majikan.

Dalam masa yang sama mereka sentiasa menyokong usaha kerajaan yang memimpin negara bagi memastikan pembangunan negara tidak terbantut oleh angkara yang tidak sihat.

"Atas alasan itulah saya sangat berbangga dan menyanjung tinggi terhadap usaha dan sumbangan sosial pihak KEPERTAMA mengadakan seminar atau wacana ilmu seperti hari ini kerana dalam menjana kecemerlangan, semua pihak perlu berganding tenaga bagi memastikan matlamat unggul akan tercapai" katanya lagi.

Dr. Zulkifli juga menekankan betapa pentingnya majikan mewujudkan suasana dan persekitaran kerja yang harmoni berlandaskan prinsip hormat-menghormati dan bekerjasama dalam melaksanakan tugas.

Salah satu cara bagi mewujudkan suasana ini ialah dengan memberi penekanan kepada konsep "putting people first" atau mengutamakan pekerja.

Katanya lagi, "Organisasi akan lebih berjaya jika mengamalkan konsep mengutamakan pekerja kerana di mana dalam konsep tersebut perhatian terhadap latihan pekerja, jaminan kerja, sistem hirarki organisasi yang mudah difahami, penekanan kepada aspek membuat keputusan di dalam sesebuah kumpulan dan perkongsian maklumat sentiasa menjadi amalan".

"Jika amalan sebegini mampu dilakukan, saya yakin hubungan pihak pekerja dengan majikan akan berada di tahap kepuasan yang baik dan seterusnya pengaplikasian konsep pembelajaran sepanjang hayat akan tetap menjadi teras anjakan minda kakitangannya.

"Keserasian majikan dan pekerja akan menjadi seperti pepatah yang berbunyi, "hendak mengembangkan layar, tunggu angin bertiup, hendak menangkap ketam, tunggu bulan gelap" kerana sesuatu matlamat yang ditetapkan akan tercapai bila kena strategi pelaksanaannya," tambahnya lagi.

Hari Keluarga Fizik di PD



Kakitangan Jabatan Fizik, Fakulti Sains beserta ahli keluarga masing-masing berkumpul di Port Dickson, Negeri Sembilan.

PORT DICKSON – Sekali lagi Jabatan Fizik, Fakulti Sains, UPM berjaya mengumpulkan lebih daripada 50 keluarga terdiri di kalangan pegawai sokongan dan akademik menyertai Hari Keluarga jabatan itu bertempat di COMAS dekat sini.

Hari keluarga yang diadakan pada 6-7 Ogos 2005 baru-baru ini bertemakan "Keluarga Gemilang Prestasi Cemerlang". Ia dianjurkan serentak dengan Bengkel Astronomi Fizik. Ketua Jabatan Fizik, Prof Madya Dr Zainal Abidin Talib merasmikan program dua hari itu.

Pelbagai program menarik telah disusun bagi mengeratkan tali silaturahmi di kalangan warga Ja-

batan Fizik beserta keluarga masing-masing. Majlis telah diserikan dengan segmen Malam Tautan Hati dan juga Malam Bersama Bintang.

Apa yang menarik di awal pagi minggu, program diteruskan dengan Senamrobik Irama Nasyid (SIRNA), sebelum acara Sukaneka Fizik.

Bersempena bulan kemerdekaan, satu majlis ringkas tapi penuh bermakna telah dilancarkan di sana iaitu program mengibarkan Jalur Gemilang secara berkumpulan sempena permulaannya sambutan Di Ambang Kemerdekaan Jabatan Fizik kali ke III.

Sorak Merdeka milik Fakulti Sains

KUMPULAN Gema Merdeka, Fakulti Sains diistiharkan sebagai Johan bagi pertandingan Sorakan Kemerdekaan Inter-PTJ sempena Program Sambutan Bulan Kemerdekaan peringkat UPM yang telah diadakan pada 30 Ogos 2005 di foyer Pusat Kebudayaan dan Kesenian Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah.

Ketika dihubungi wartawan *Tribun Putra* bagi mengetahui rahsia mencapai kemenangan tersebut, ketua kontinjen Gema Merdeka, Prof Madya Dr Sidek Hj Aziz berkata semangat berpasukan yang tinggi adalah kunci kejayaan pasukannya.

Pasukan yang terdiri daripada 30 ahli yang mewakili pegawai akademik, pegawai sokongan dan pelajar telah bersatu hati menyumbangkan idea kreatif dan berpadu tenaga menjayakan apa yang dirancang.

Kata Dr. Sidek lagi, sumbangan-sumbangan ide-ide yang baik dari ahli-ahli turut menjadi faktor kejayaan pasukan sorak

tersebut.

"Bayangkanlah kami hanya berlatih kurang dari 2 jam sebelum persembahan bermula, namun begitu disiplin dan keyakinan serta sikap saling menghormati di kalangan ahli dan ketua menjadi faktor kemenangan tersebut," katanya dalam nada penuh kepuasan.

Beliau dibantu oleh Nordin Ismail dari Jabatan Kimia selaku 'Sargeant Major'. Kata Nordin, "Kami terpaksa membeli banyak belon-belon di samping membuat sepanduk kemerdekaan untuk diterbangkan ke angkasa lepas bagi menggambarkan kegembiraan apabila kemerdekaan telah dicapai oleh negara kita."

Pasukan Fakulti Sains ini juga disertai pelbagai kaum iaitu Melayu, Cina dan India yang menandakan perpaduan yang terjalin erat. Laungan 'Merdeka' dan nyanyian lagu Jalur Gemilang yang diserikan letupan belon-belon oleh ahli-ahli kontinjen menghasilkan suatu persembah-



GEMBIRA ... peserta pasukan sorak merdeka Fakulti Sains keriangian selepas diumumkan johan pertandingan Sorak Merdeka.

an yang unik, kreatif dan "happening".

Jalur-jalur Gemilang pelbagai saiz telah digunakan sebagai setanjak, selempang di samping bendera yang berkibar benar-benar telah menghasilkan satu

suasana warna-warni kemerdekaan pada malam sambutan tersebut.

Dengan kejayaan itu, Fakulti Sains menerima hadiah berupa wang tunai RM 700 yang disam-

paikan Naib Canselor, Profesor Datuk Dr Mohd Zohadie Bardaie pada Malam Ambang Merdeka. Pemenang tempat kedua pula ialah pasukan Kolej Kelima dan ketiga dimenangi oleh Fakulti Pengajian Pendidikan.

Jabatan Fizik bersungguh sambut merdeka

SERDANG – Sambutan Hari Kemerdekaan Malaysia ke-48, peringkat Jabatan Fizik, Fakulti Sains, UPM diadakan di Dataran Sains dalam suasana yang penuh meriah dan harmoni.

Acara sambutan yang dijalankan adalah bersesuaian dengan seruan kerajaan bagi menyemarakkan lagi sambutan Kemerdekaan Malaysia di kalangan warga Malaysia tidak kira di mana mereka berada.

Menurut Pengerusi sambutan, Prof Madya Dr. Sidek Abdul Aziz, program yang diatur bagi kali ke tiga ini bertujuan menyemai semangat patriotik

dan sayang kepada negara di kalangan warga jabatan yang terdiri dari ahli akademik, pegawai sokongan dan pelajar-pelajar.

Katanya lagi, di samping menghargai dan menghayati erti kemerdekaan yang sebenar, jiwa rakyat Malaysia perlulah sentiasa diisi dengan sifat patriotik dan bersikap positif demi cintakan Malaysia.

Dekan Fakulti Sains, Prof Dr. Wan Md Zin Wan Yunus, menyempurnakan upacara perasmian sambutan dan turut terlibat dalam semua acara sambutan. Apa yang menariknya, sambutan dimulakan dengan per-

arakan Jalur Gemilang yang diketuai sendiri oleh Dekan Fakulti Sains dan Ketua Jabatan Fizik, Prof Madya Dr Zainal Abidin Talib.

Perarakan juga turut disertai lebih dari 150 pegawai dan pelajar, di sekitar kampus UPM dengan diiringi dengan nyanyian berirama patriotik dan laungan "Merdeka! Merdeka! Merdeka!".

Keadaan cuaca yang panas pada jam 3.00 petang hari tersebut tidak mematahkan semangat peserta-peserta perarakan.

Semasa berucap, Dr. Wan Md Zin menegaskan "Segenap rakyat Malaysia kini dapat mengecapi nikmat kemerdekaan hasil

perjuangan tokoh-tokoh dan para pejuang kemerdekaan tanahair di era 40-50an. Kita sebagai rakyat Malaysia perlulah menyemai sikap cintakan Negara dan tanah air".

Acara sambutan diserikan lagi dengan ucapan kemerdekaan dari pegawai dan pelajar pascasiswazah antarabangsa terutama dari Romania, India, Pakistan, Bangladesh, Jepun, Indonesia serta dari rakyat Malaysia sendiri.

Mereka telah menyampaikan ucapan dalam bahasa ibunda mereka dan kemudiannya diikuti oleh terjemahannya dalam bahasa Inggeris dan juga bahasa

Melayu.

Nyayian secara marathon 6 lagu patriotik termasuk lagu Negeraku, Putra Gemilang, 31 Ogos, Jalur Gemilang, Keranamu Malaysia serta Warisan benar-benar menaikkan semangat para hadirin.

Manakala persembahan bertemakan 'Kemerdekaan' dari para pelajar prasiswazah dan pascasiswazah serta pegawai Jabatan Fizik menggamatkan suasana sambutan tersebut. Hadiah-hadiah pemenang bertuah dan juga pemenang ucapan dan puisi kreatif Kemerdekaan telah disampaikan oleh Dekan Fakulti Sains.

UPM hasilkan cara menarik belajar matematik


BEBERAPA tahun kebelakangan ini, kita dapat melihat ledakan pembangunan yang begitu pesat dalam bidang teknologi maklumat. Walau bagaimanapun, masalah mengintegrasikan secara semulajadi teknologi moden dalam pembelajaran dan pengajaran matematik masih jauh lagi penyelesaiannya.

Dalam pengajaran matematik di universiti, kemahiran ini sering kali sama ada diabaikan ataupun aplikasi penggunaannya sangat terhad. Dalam kajian ini, kami telah melihat animasi sebagai salah satu alat yang mampu meningkatkan motivasi pelajar, sikap ingin tahu dan kefahaman pelajar.

Penyelidikan yang dijalankan adalah berdasarkan kepada beberapa prinsip seperti berikut:

- Menggunakan animasi untuk menyokong takrifan abstrak dan teorem-teorem.
- Memusatkan perhatian kepada keseluruhan konsep dan bukan kepada kumpulan fakta yang terpencil.
- Menggunakan animasi dan pelbagai teknologi untuk membangunkan model maya konsep matematik sebelum (di mana mungkin) memberikan takrifan abstrak yang terperinci.
- Menggalakkan para pelajar menganalisis, menterjemah dan meramalkan maklumat dengan menggunakan imej maya.
- Membangunkan hubungan mental antara masalah kehidupan dengan interpretasi matematik mereka.
- Menganimasi proses dan juga objek-objek.
- Menyediakan ciri-ciri interaktif dalam membantu pelajar menyelesaikan masalah, menghapuskan operasi rutin dengan menggunakan teknologi.
- Menyediakan ciri-ciri yang dapat menggunakan perisian ini pada kedua-duanya iaitu "web based" dan "class based".
- Mendapatkan maklumbalas daripada para pelajar untuk mengoptimalkan keberkesanan penyampaian kandungan kursus tersebut dengan menggunakan teknologi ini.

Beberapa gambarajah beranimasi telah digunakan bagi menggambarkan prinsip-prinsip ini. Salah satu contoh gambarajah yang digunakan adalah seperti gambarajah di bawah.



Animasi menunjukkan ciri fungsi berhubung dengan persepsi pelajar secara intuitif.



Dr. Kamel Ariffin bersama produk ciptaannya yang berjaya memperolehi beberapa anugerah di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.



Latar Belakang Penyelidikan

PROJEK penyelidikan ini bermula pada bulan Jun 2002 dan berakhir pada Jun 2005. Ia diketuai oleh Prof. Dato' Dr. Hj. Kamel Ariffin Mohd Atan dan dianggotai oleh Prof. Madya Dr. Rustem Sunchelev, Prof. Madya Dr. Bekbaev Ural serta Dr. Ismail Abdullah yang dibiayai sepenuhnya oleh peruntukan IPRA yang berjumlah RM 185,000.00.

Objektif Penyelidikan

PENYELIDIKAN ini bermatlamat untuk :

- Mengkaji penggunaan teknologi terkini dalam Pendidikan Matematik.
- Mengenal pasti bidang teknologi moden dalam matematik boleh dilaksanakan
- Membangunkan perisian interaktif dan animasi terbaru untuk Pendidikan Matematik.



Inovasi

PENGENALAN Kalkulus Beranimasi adalah suatu perisian pendidikan dan buku teks untuk generasi akan datang yang menggabungkan kuasa teknologi multimedia dengan kandungan kalkulus secara teliti bagi menyediakan pengalaman pembelajaran yang berkesan dan efektif.

Produk ini tidak mempunyai persamaan dalam pasaran dunia. CD-ROM Kalkulus mengandungi keseluruhan siri sya-

rahan video multimedia, yang memperkaya dan memperkuat pengajaran, memudahkan pengajaran keseluruhan kelas, motivasi pelajar, membolehkan pengajar menjadi lebih kreatif, menaikkan semangat untuk pembelajaran, menunjukkan penjimatan masa, meningkatkan pencapaian dan lebih minat berbanding syarahan secara tradisional.

Kami cuba membangunkan animasi dengan menggunakan pelbagai bahan multimedia seperti "Expression", "Toon Boon Studio", "Flash" dan kemudian memasukkannya ke dalam Macromedia Flash dan menggabungkan kesemuanya untuk menjadikan tayangan beranimasi dan menambahkan interaktiviti.

Semua pembangunan bahan dalam projek ini adalah "Internet friendly" yang membolehkan penerbitan kesemua material ini diakses dalam internet tanpa pengubahsuaian besar. Pembangunan bahan ini juga boleh digunakan dalam kelas sama ada melalui komputer peribadi, video atau CD.

Keberkesanan Program


TINJAUAN keberkesanan program ini telah dilaksanakan dengan keputusan berikut :

1. 93 % daripada tinjauan responden mengatakan bahawa Kalkulus Beranimasi meningkatkan minat mereka dalam pembelajaran Matematik (1% tidak setuju)
2. 74% daripada tinjauan responden mengatakan bahawa Kalkulus Beranimasi meningkatkan kefahaman Matematik mereka (5% tidak setuju)
3. 64% daripada tinjauan responden mengatakan bahawa Kalkulus Beranimasi meningkatkan daya ingatan mereka (5% tidak setuju)
4. 73% daripada tinjauan responden mengatakan bahawa Kalkulus Beranimasi dapat menjimatkan masa yang diperlukan mereka bagi persediaan kepada peperiksaan.
5. 70% daripada tinjauan responden mengatakan bahawa Kalkulus Beranimasi dapat meningkatkan minat mereka dalam memberikan lebih perhatian kepada kelas.

Kesimpulan

Rajah menunjukkan elemen penyelesaian dalam ICT projek ini.

PADA umumnya, projek ini telah dapat dilaksanakan mengikut perancangan dan telah menghasilkan produk di atas. Beberapa kejayaan telah dicapai melalui produk ini iaitu memenangi Pingat Gangsa di Pameran Rekacipta dan Penyelidikan UPM 2002, Pingat Gangsa di Pameran I.Tex 2004, Pingat Emas dan Perak di Expo Sains dan Teknologi 2004 dan Pingat Perak di 33rd International Exhibition of Inventions, New Techniques and Products 2005, Geneva, Switzerland.



Kerjasama UPM-Cornell bantu cegah kanser

SERDANG (26 Ogos) – Universiti Putra Malaysia (UPM) berganding bahu bersama Cornell University, Amerika Syarikat menganjurkan Projek Penyelidikan dan Pendidikan Kanser (CaEd) yang dikendalikan oleh Pusat Pengajian Komuniti dan Kemananan (PEKKA) serta Fakulti Perubatan dan Ssains Kesihatan, UPM.

Hasil daripada projek ini UPM telah berjaya menghasilkan bahan pendidikan kanser untuk meningkatkan pengetahuan masyarakat umum berkaitan kanser dan cara-cara pengurusanannya.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan perasaan kagum kerana UPM dan Cornell Universiti mengambil inisiatif untuk membekalkan ba-

Oleh: LEELAWATI SUBRAMANI (Pelatih FBMK)
Foto: Ahmad Fua'ad Alwi

han pendidikan kanser payu dara dalam Bahasa Melayu yang dapat meningkatkan diagnostik, perkhidmatan rawatan dan memberi sokongan emosi kepada pesakit kanser dan keluarganya.

Beliau berkata demikian sewaktu berucap dalam Majlis Pelancaran Bahan Pendidikan Kanser bertempat di Dewan Taklimat dekat sini baru-baru ini.

Turut hadir pada majlis itu ialah Naib Canselor UPM, Prof. Dato' Dr Ir Mohd Zohadie Bardaie, wakil Cornell University, Prof Dr Rosemary Caffarella dan pegawai utama universiti

Dalam majlis yang sama syarikat ger-



Wakil Boeing, Donald Moran menyampaikan replika cek kepada Dr. Mohd Zohadie sebagai sumbangan dalam membiayai penerbitan buku panduan kanser.

gasi dunia, Boeing menaja wang berjumlah RM74,000 bagi membiayai kos penerbitan bahan pendidikan kanser tersebut. Sumbangan cek penajaan disampaikan Pengarah Pembangunan Perniagaan Antarabangsa Boeing bagi Asia Tenggara, Donald Moran kepada Zohadie sambil disaksikan Shahrizat.

Sharizat, kemudian menyatakan kegembaraannya kerana projek ini dapat digerakkan bukan sahaja di peringkat antarabangsa dan nasional malah berupaya sampai ke akar umbi dengan kerjasama UPM, Cornell

Universiti dan kementeriannya.

Sehubungan itu, Sharizat turut mengumumkan peruntukan sebanyak RM85,000 daripada kementeriannya bagi menjayakan Persidangan Kebangsaan mengenai Pendidikan Kanser Payu Dara yang bakal diadakan nanti.

Menurut Zohadie, sehingga kini 10 tajuk berkenaan rawatan, pengurusan dan panduan untuk mengesan kanser pada peringkat awal telah diterjemahkan dan diterbitkan dalam Bahasa Melayu dengan pembiayaan RM74,000 oleh Boeing Company.

UPM pamer 920 hasil penyelidikan

SERDANG, (13 Mei 2005) – Universiti Putra Malaysia (UPM) menganjurkan Pameran Rekacipta Penyelidikan dan Inovasi 2005 baru-baru ini bertempat Pusat Kebudayaan dan Kesenian Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (PKSSAAS).

Pameran yang melibatkan hasil penyelidikan di Fakulti, Institut dan Akademi merupakan suatu usaha positif menggalakkan penyelidikan sebagai satu budaya di kalangan staf akademik UPM. I juga memberi peluang kepada para penyelidik untuk mempamerkan produk dan hasil penyelidikan mereka.

Sebanyak 920 penyertaan diterima dalam pameran selama tiga hari itu. Daripada penyertaan tersebut Fakulti Sains memenangi pingat terbanyak apabila 127 penyertaannya mendapat 69 pingat. Manakala Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan dan Fakulti Kejuruteraan masing-masing memenangi 49 pingat.

Majlis penyampaian anugerah kepada pemenang hasil penyelidikan terbaik disempurnakan oleh Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi

dan Inovasi, Datuk Dr. Mohd Ruddin Abdul Ghani.

Setiap Pusat Tanggungjawab (PTJ) menghantar penyertaan masing-masing dan para pemenang yang terpilih dikategorikan kepada pemenang pingat gangsa seramai 253 orang, pingat perak seramai 179 orang, manakala pemenang pingat emas seramai 48 orang.

Antara objektif utama pameran ini diadakan adalah untuk menonjolkan pencapaian penyelidikan dan pembangunan (R&D) dalam pelbagai bidang di UPM. Hasil daripada R&D ini diharapkan dapat diketengahkan dan dikomersilkan. Selain itu ia bertujuan untuk menghargai sumbangan para penyelidik, mencungkil bakat penyelidik baru serta memberi sokongan kepada mereka untuk meneruskan jejak-jejak kegemilangan penyelidikan universiti.

Naib Canselor dipetik sebagai berkata, harapan UPM kepada para penyelidik ini adalah besar dan beliau berharap usaha mereka dapat diteruskan ke arah mempaten produk dan pengkomersialan. Seterusnya hasil penyelidikan ini akan dapat menjana pendapatan.

UPM, MVP komersial vaksin penyakit ayam

SERDANG, 23 SEPTEMBER – Kerjasama universiti dengan pihak industri harus berjalan serentak terutama ke arah mengkomersialkan produk yang dihasilkan oleh penyelidik-penyelidik.

Baru-baru ini Universiti Putra Malaysia (UPM) memeterai satu Memorandum Persefahaman (MoU) dengan syarikat Malaysian Vaccine And Pharmaceuticals Sdn Bhd (MVP) bagi mengkomersialkan produk yang dihasilkan oleh Dr. Mohd Hair Bejo dari Fakulti Perubatan Veterinar.

Produk yang dihasilkan oleh Dr. Mohd Hair adalah sejenis vaksin bagi mencegah penyakit Infectious Bursal Disease (IBD) yang menyerang sistem daya tahan ayam hingga menyebabkan kematian.

Menurut Dr. Mohd Hair, penyelidikan lanjut bagi mencari vaksinnya dijalankan sejak 1993. Ujian ke atas ayam di ladang ternakan di Batu Pahat, Banting dan Pantai Remis didapati vaksin ini berkesan dalam mencegah penyakit IBD.

Sementara itu, Naib Canselor Prof. Dato' Dr Mohd Zohadie Bardaie memberitahu kerjasama UPM dengan pihak industri tempatan berjaya mengkomersialkan



Dr. Mohd Zohadie bertukar dokumen MoU dengan Dr. Mazlan dalam satu majlis di Canseleri baru-baru ini.

42 hasil penyelidikan dan pembangunan (R&D) yang dihasilkan universiti ini.

“Langkah ini juga sebahagian daripada usaha UPM membantu kerajaan memajukan sector pertanian negara kerana banyak hasil penyelidikan berasaskan agrobio,” katanya semasa sidang akhbar selepas menandatangani MoU dengan MVP.

Turut hadir, Pengarah Eksekutif MVP, Dr. Mazlan Muhamad, Dekan Fakulti Perubatan Veterinar, Prof. Dr Zamri Saad dan Pengarah

Pusat Pengurusan Penyelidikan, Prof Dr Zulkifli Idrus.

Kata Mohd Zohadie, usaha ini bertepatan dengan peranan UPM sebagai peneraju pendidikan agrobio yang mengoptimumkan penggunaan kepakaran, teknologi dan ilmu pengetahuan.

“Universiti masih mempunyai lebih 200 R&D berpotensi dan usaha giat dilakukan menerusi Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC) bagi mengkomersialkannya,” katanya.

UPM perkenal panduan lemas di air

SERDANG (3 Julai) – Universiti Putra Malaysia (UPM) melalui inisiatif Akademi Sukan mengambil langkah pro aktif bagi menangani peningkatan kadar kematian di kolam renang akibat lemas.

Langkah menganjurkan Kursus Keselamatan di Kolam Renang dengan kerjasama Persatuan Penyelamat Kelemasan Malaysia dianggap tepat pada masanya berikutan berlakunya peningkatan mendadak kejadian lemas di kolam renang di negara ini.

Selain itu, UPM turut memperkenalkan buku panduan kepada ibu bapa mengenai perkara penting di ambil perhatian bagi mengelakkan musibah di kolam renang. Buku bertajuk Parental Guide To Water Safety adalah hasil tulisan Timbalan Pengarah Akademi Sukan, UPM Dr. Tengku Fadilah Tengku Kamalden.

Sempena bengkel selama dua hari itu, turut diadakan pelancaran buku tersebut yang disempurnakan

Naib Canselor, Profesor Datuk Dr. Mohd Zohadie Bardaie bertempat di Kompleks renang UPM.

Pada majlis tersebut orang ramai dipertontonkan demonstrasi menyelamat dan pertolongan cemas apabila mengalami situasi sesuatu kemalangan di kolam renang.

Dengan penerbitan panduan ringkas tersebut ia diharap dapat memberi panduan kepada pengusaha pusat peranginan yang menawarkan kemudahan kolam renang mengenai cara meningkatkan keselamatan kolam renang dan mendedahkan ciri kolam renang yang baik serta selamat.

Menurut Dr Tengku Fadilah, pengawal keselamatan di kolam renang perlu menjalani latihan sekurang-kurangnya 30 jam berbanding sekarang yang hanya memiliki sijil pingat gangsa yang berkemampuan untuk menyelamatkan diri sendiri sahaja.


“Tanggungjawab pengawal bukan sekadar terjun ke dalam kolam

apabila berlaku tragedi tetapi berjaga-jaga untuk mencegah sebarang kemungkinan berlaku kemalangan. Kebanyakan kes lemas menunjukkan pengawal keselamatan gagal menjalankan tugas mereka,” katanya kepada wartawan.

Melalui kursus tersebut dicadangkan agar agensi kerajaan tertentu supaya diwujudkan undang-undang yang mewajibkan setiap hotel dan pusat peranginan menyediakan pengawal keselamatan di kolam renang.

Ini kerana kanak-kanak boleh lemas dalam masa dua minit dan boleh mengalami kerosakan otak.

Buku setebal 19 muka surat, lengkap bergambar dengan memberi panduan yang betul kepada kanak-kanak, ibu bapa dan pengawal di kolam renang ditunjukkan dengan jelas dan menarik perhatian khalayak. Sesiapa yang berminat hubungi Akademi Sukan, UPM di talian 03-89464277.



Salah satu kaedah menyelamat yang terdapat dalam buku tersebut.



Naib Canselor melancarkan buku panduan keselamatan di air dalam satu majlis di Kompleks Renang UPM baru-baru ini.

Norlida, Wong juara merentas kampus

SERDANG (23 Julai) - Siswi program Bachelo Pendidikan dari Kolej Keenam Norlida Ismail dan siswa Program Bachelo Sains Perhutanan, Wong Cheng Fun dari Kolej Ketigabelas berjaya menjuarai kejohanan merentas kampus 2005 dalam kategori masing-masing.

Norlida mencatat masa 12.15 minit bagi jarak 5.3 kilometer manakala Cheng Fun mencatat masa 22.57 minit bagi jarak 7.5 kilometer. Acara ini diadakan sebagai acara pembukaan Kejohanan Sukan Kolej UPM Sesi Akademik 2005/2006.

Juara keseluruhan kategori wanita dan lelaki diungguli Kolej Sultan Alaeddin Suleiman Shah (KOSASS) dengan memenangi hadiah wang tunai RM1500.00.

Naib Johan, Kolej Tun Dr. Ismail menerima RM1000.00 dan tempat ketiga dengan wang tunai RM500.00 dimenangi Kolej Canselor.

Kesemua hadiah disampaikan Ketua Bahagian Hal Ehwal Mahasiswa UPM, Mustafa bin Ibrahim.

Kejohanan Sukan Kolej UPM Sesi

Akademik 2005/2006 dirasmikan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar) Prof. Madya Dr. Azali bin Mohamed, di hadapan Astaka Seni.

Menurutnya Dr. Azali, mahasiswa UPM perlu lebih kerap melakukan aktiviti riadah di samping aktiviti harian agar badan menjadi lebih sihat dan minda lebih cerdas dalam menelaah pelajaran. Secara tidak langsung ini akan menghasilkan keputusan yang lebih baik dalam akademik.

Penyelaras acara, Mohamad Nizam Nazarudin berkata, hampir 3,000 orang peserta utamanya mahasiswa baharu mengambil bahagian dalam acara kejohanan merentas kampus kali ini.

“Kesemua 14 kolej di UPM Serdang telah mengambil bahagian bagi semua kategori. Sambutan hangat diberikan bermula di perkarangan Astaka Seni yang sesak sejak dari awal pagi dengan pakaian kolej masing-masing diiringi dengan penyokong yang membawa sepanduk dan bendera kolej sebagai pembakar semangat,” katanya lagi.

Vivien Khoo Juara Boling Sirkuit Masum

KUANTAN (27-28 Ogos) - Kejohanan Boling Sirkuit MASUM 2, yang diadakan di Berjaya Megalanes, dekat sini menyaksikan Universiti Putra Malaysia (UPM) terus mengekalkan penguasaan apabila menjadi Juara Master Boling Wanita.

Vivien Khoo, bekas pelatih kebangsaan ini begitu konsisten sepanjang pertandingan itu. Beliau telah mendapat 1821 jatuhan pin dan menewaskan pencabar terdekat dari UKM iaitu Tay Li Neo yang hanya mendapat 1745 jatuhan pin.

Vivien merupakan pemain ranking pertama keseluruhan bagi kesemua sirkuit dan layak ke Sirkuit MASTER di USM.

Nazri Noh, jurulatih boling UPM begitu yakin bahawa Vivien akan mengekalkan kejuaraan berdasarkan peningkatan prestasi serta jadual latihan yang sistematik walaupun beliau telah berehat lama dari bermain bowling.

Pegawai Kontinjen UPM iaitu Mohamad Nizam Nazarudin begitu yakin dengan prestasi peserta

wanita dan lelaki UPM pada sirkuit akhir kelak.

“Kita akan memastikan bahuwaliah dan peperiksaan tidak

akan mengganggu persediaan pasukan pada sirkuit Master nanti. Pelbagai pihak akan berusaha memberi komitmen,” katanya lagi.



JUARA... Vivien meraikan kejayaan bersama Pegawai Kontinjen UPM, Nizam setelah menjuarai boling sirkuit MASUM.

KOSASS juara hoki wanita

SERDANG (3 Sept) - Kolej Sultan Alaeddin Suleiman Shah (KOSASS) berjaya menundukkan Kolej Keenam dalam perlawanan akhir pertandingan hoki, Kejohanan Sukan Kolej Universiti Putra Malaysia (UPM) kategori wanita.

Ini merupakan kemenangan kali keempat berturut-turut KOSASS di dalam acara ini.

Perlawanan tersebut seperti babak ulangan perlawanan akhir tahun lepas yang menyaksikan pasukan yang sama bertemu di peringkat akhir.

KOSASS melayakkan diri ke perlawanan akhir dengan mengalahkan Kolej Canselor yang diketuai oleh penyerang kebangsaan Chitra Dewi dengan keputusan 6-1 pada peringkat separuh akhir manakala Kolej Keenam pula mengalahkan Kolej Tun Perak dengan keputusan 4-0.

Pada perlawanan akhir tersebut, Kolej Keenam yang diketuai oleh bekas ketua pasukan kebangsaan iaitu Nur Saliza

Oleh:
MOHD NIZAM NAZARUDDIN

Ahmad Soobni berjaya mengikat KOSASS dengan keputusan 3-3. Perlawanan terpaksa ditentukan dengan tambahan masa secara 'Sudden Death'.

KOSASS yang dikemudikan oleh Nur Hafizah Azman, Maizatul Akmal Abas dan Nor Ain Nadia Jumaat iaitu pemain utama MASUM ke Sukan Arafura Australia 2005 berjaya memperolehi jaringan emas pada minit kedua tambahan masa.

Pengurus Pasukan KOSASS iaitu Mohd. Aidil Mohd Hushairi begitu gembira dengan kemenangan tersebut dan berpuas hati dengan komitmen setiap atlet.

Bagi kategori lelaki pula, Kolej Kedua berjaya mempertahankan Juara Bertahan dengan menewaskan Kolej Tun Dr. Ismail dengan jaringan 1-0. Hadiah dan Piala telah disampaikan oleh Wan Zaharuddin Wan Abdullah selaku pengerusi acara hoki Sukan Kolej UPM.

Ex-Angels masih menyengat

SERDANG (3 Sept) - Satu perlawanan ragbi diadakan di antara pemain UPM dan juara Plate Kejohanan Ragbi Antara Kelab Kebangsaan 2005, EX Angels di Padang Ragbi A UPM, sempena Majlis Sireh Pulang Ke Ganggang III.

Dengan tujuan untuk mengumpul semula semua alumni UPM bagi memperkuatkan hubungan dengan UPM melalui aktiviti sukan, Pasukan EX Angels diwakili bekas pemain kebangsaan dan negeri yang cemerlang dari era 1988 hingga 2003 seperti Nor Hazmin Chamili dan Khairul Nizam Khosim.

Perlawanan yang sengit menyaksikan pasukan Ex Angel menewaskan pasukan UPM yang dibarisi pemain kebangsaan bawah 19 tahun dan bekas pemain kebangsaan, Khairul Azhar Md. Nor. Pasukan itu mencatat mata 35 berbalas 28.

Perlawanan ragbi ini disaksikan oleh barisan Alumni UPM dari zaman Kolej Pertanian Malaya dan Universiti Pertanian Malaysia bagi memberikan sokongan kepada pe-



Barisan pemain ragbi UPM dan Ex-Angels bergambar bersama selepas perlawanan.

main dari pasukan EX Angels.

Menurut Ketua pasukan EX Angels, Mohamad Nizam Nazarudin, perlawanan ini merupakan satu pemangkin bagi merapatkan hubungan di antara pemain pasukan UPM dan bekas pemain UPM pada era 80-an dan 90-an lagi.

Memandangkan para alumni UPM ini merupakan mereka dari golongan profesional seperti jurutera, ahli perniagaan, guru dan sebagainya, perlawanan ini membolehkan pemain UPM yang masih

belum bergraduat berpeluang beramah mesra dengan alumni.

Peluang ini boleh digunakan untuk bakal graduan berhubung dengan mereka merebut peluang pekerjaan apabila tamat belajar nanti.

Tambahnya lagi, EX angels juga mengharapkan alumni UPM yang sudah tidak aktif supaya menyertai semula pasukan EX Angel bagi merapatkan ukhuwah dan perpaduan antara mereka setelah sekian lama.

Skwad renang unggul sirkit Masum

KUANTAN (17 dan 28 Ogos) - Pasukan renang Universiti Putra Malaysia (UPM) menjadi Juara Keseluruhan dengan memungut sepuluh pingat Emas, dua Perak dan lapan Gangsa dalam Kejohanan Renang Sirkit MASUM 2, 2005 yang diadakan di Kolej Universiti Kejuruteraan dan Teknologi Malaysia dekat sini.

Menurut Ketua kontinjen UPM iaitu Mohamad Nizam Nazarudin,

walaupun sirkit kali ini hanya menurunkan seorang perenang lelaki tetapi UPM masih terus menjadi juara. Sebahagian besar perenang lelaki tidak dapat mengambil bahagian kerana menghadapi peperiksaan.

"Ooi Chiew Wei merupakan perenang wanita paling menyerlah dengan 8 pingat emas beserta 4 rekod baru kejohanan. Bagi kategori lelaki pula Jackson Hong Seow Yuen pula

memperolehi 1 pingat emas dan 1 gangsa," katanya lagi.

Lebih membanggakan, semua perenang UPM layak ke sirkit Master di USM. Pasukan UPM begitu optimis dapat memperoleh lebih pingat emas dan mencatat rekod baru pada sirkit akhir di USM itu. Unit Sukan & Rekreasi BHEM UPM akan terus membantu persiapan pasukan renang agar memperoleh kejayaan yang gemilang.

■ sambungan muka 31

Firrdaus ikon kejayaan anak melayu

dengar kata dan nasihat. Sejak kecil sudah menunjukkan semangat yang tinggi untuk berjaya.

"Buat kerja bersungguh-sungguh tidak hangat-hangat tahi ayam, selalu menghubungi ahli keluarga. Mencapai keputusan cemerlang dalam UPSR, PMR, SPM dan di UPM adalah berkat sifatnya yang sentiasa menyayangi ahli keluarga" kata ibunya ketika dihubungi di kampungnya, Kuantan, Pahang.

Sementara itu, salah seorang rakan sekuliahnya, Che Wan Mohd Badrul Amin, menyifatkan Firrdaus adalah sahabat yang rajin dan bekerja keras dalam proses pembelajarannya di kampus.

"Setiap masa sentiasa mengulang kaji pelajaran, bersikap sentiasa mencari ilmu, duduk di hadapan kelas, selalu bertanya pensyarah dan sedia berkongsi maklumat dengan pelajar-pelajar lain. Firrdaus bukan

seorang yang genius tetapi individu yang gigih berusaha," komennya lagi.

Diharapkan kejayaan insan cemerlang dan terbilang harapan bangsa ini dapat mencetuskan kesedaran masyarakat Melayu untuk terus gigih berusaha dan berpelajaran tinggi untuk seiring menuju kejayaan negara. Bukannya cepat terpengaruh dengan anasir-anasir negatif yang akan menggelapkan masa depan.



UPM
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

mengucapkan

*Selamat Menyambut
Hari Raya Aidilfitri*


dan

Selamat Hari Depavali

kepada semua warga
UPM

...“Sikap dan personaliti pelajar itu sendiri yang menjadi penyebab utama mengapa dan kenapa pelajar Bumiputra lemah di dalam pencapaian akademik mereka...”

• Muka 20
Dr. Mohd Shatar Sabran



FIRRDAUS IKON KEJAYAAN ANAK MELAYU

Oleh:
SHARIL NIZAM SHA'RI

SERDANG - Universiti Putra Malaysia (UPM) mencatat sejarah berjaya melahirkan seorang graduan Melayu yang mencapai keputusan 4.00 setiap semester dalam bidang pengajian fizik.

Kejayaan Mohd. Firrdaus Romeli, 22, penuntut Bachelor Sains (Kepujian) major Fizik, Fakulti Sains ini menjadi kebanggaan UPM dan seterusnya dapat menjadi ikon kejayaan anak Melayu dalam bidang fizik di negara ini.

Atas kecemerlangan tersebut, beliau dipilih sebagai penerima hadiah Pingat Emas Canselor dan Anugerah Pelajaran Diraja sempena Majlis Konvokesyen UPM Sidang Kedua pada 24 September baru-baru ini.

Beliau yang mengamalkan teknik belajar secara sistematik dan penuh bersemangat ini sentiasa menjadikan ibu bapa dan ahli keluarga sebagai sumber inspirasi untuk berjaya. Hasilnya, beliau muncul sebagai pelajar pertama mencapai kecemerlangan dalam bidang fizik.

Berdasarkan peratusan keputusan peperiksaan semester II 2004/2005 Fakulti Sains UPM, Firrdaus mendahului senarai 23 graduan yang tamat berijazah kelas pertama pada tahun ini. Diikuti, seramai 85 graduan kelas dua tertinggi daripada jumlah 148 keseluruhan graduan yang berjaya menamatkan pengajian.

“Bagi mempelajari subjek sukar, seseorang pelajar itu perlu menganggap mudah untuk mempelajarinya dan secara perlahan-lahan, kesukaran akan bertukar senang,” katanya.

Menurut pensyarah beliau, Prof. Madya Dr Sidek Abdul Aziz, pada mulanya Firrdaus tidak menonjol sewaktu pertama kali ditemui dalam minggu orientasi tetapi setelah kerap mengikuti aktiviti di fakulti beliau mula menunjukkan perubahan positif.

“Saya dapati beliau akan membuat tugas atau projek dengan usaha yang gigih sehingga mendapat markah tertinggi. Lagipun, presentation yang dibuatnya dengan kualiti yang baik dan suka berbincang dengan para pensyarah di luar waktu kelas”.

“Topik yang selalu dibualkan mengenai masalah persekitaran seperti tsunami, gempa bumi dan kaitannya dalam bidang fizik,” kata Dr. Sidek apabila diminta mengulas personaliti Firrdaus.

Ibu bapa beliau, Romeli Abdul Rashid dan Majidah Awang said mengucapkan syukur kepada tuhan ke atas kejayaan anaknya dan terima kasih kepada semua pihak dan individu yang terlibat membantu Firrdaus.

Menurut mereka, Firrdaus seorang anak yang men-

“Buat kerja bersungguh-sungguh tidak hangat-hangat tahi ayam, selalu menghubungi ahli keluarga.”

“Bagi mempelajari subjek sukar, seseorang pelajar itu perlu menganggap mudah untuk mempelajarinya dan secara perlahan-lahan, kesukaran akan bertukar senang..”



... belajar secara sistematik dan penuh semangat.

■ Lihat muka surat 31